




Laporan Tahunan 2004



O

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA (KUIM)

Tingkat 15, Menara A, Persiaran MPAJ,
Jalan Pandan Utama, Pandan Indah,
55100 Kuala Lumpur.

Tel (603) 4289 2000
Fak (603) 4280 1014 (603) 4283 2153

w w w . k u i m . e d u . m y



MS ISO 9001 : 2000 REG. NO. AR3454

ROLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA



LAPORAN TAHUNAN 2004



Isi Kandungan

Rasional Logo	3
Canselor	5
Profil Korporat	6
Lembaga Pengarah Universiti	8
Pengurusan Universiti	10
Dekan	11
Laporan Rektor	13
Hal Ehwal Akademik	19
Hal Ehwal Pelajar	39
Hal Ehwal Pentadbiran Fakulti	47
Hal Ehwal Sumber Manusia	67
Hal Ehwal Korporat	71
Hal Ehwal Pengurusan Teknologi Maklumat	81
Hal Ehwal Pengurusan Perpustakaan	87
Kemudahan Am	91
Laporan Kewangan	95

Rasional Logo

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA



Rehal



Tulisan KUIM (Kolej Universiti Islam Malaysia) diringkaskan dan dibentuk menjadi sebuah rehal yang membawa maksud landasan atau pelantar. Pelantar atau landasan itu melambangkan Kolej Universiti Islam Malaysia sebagai wadah penyampaian ilmu kepada pelajar-pelajarnya.

Kubah



Kubah yang terletak di tengah-tengah logo melambangkan sebuah institusi Islam yang berdaulat dalam penyampaian ilmu-ilmu Islam.

Arabes



Kelima-lima motif Arabes yang terletak di bawah kubah, setiap satunya membawa maksud satu rukun Islam.

Litar



Litar yang bersebelahan tulisan KUIM pula bermaksud Sains dan Teknologi yang membawa bersama dalam penyampaian ilmunya.

Secara keseluruhan logo ini menunjukkan Kolej Universiti Islam Malaysia sebagai sebuah institusi pengajian tinggi Islam yang membawa bersama dasar-dasar Islam dalam menyampaikan ilmu kepada penuntut - penuntutnya.

Canselor



**DULI YANG MAHA MULIA TUANKU NAJIHAH BINTI
ALMARHUM TUNKU BESAR BURHANUDDIN**

D.K.N.S, D. M. N., D.K. (Kedah), D.K. (Kelantan) S. P. T.J., S.P.M.K.
Tunku Ampuan Negeri Sembilan

Profil Korporat

Moto

Berilmu, Berdisiplin dan Bertakwa

Falsafah

Paduan antara ilmu Naqli dan Akli serta budi pekerti yang mulia adalah teras utama membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu.

Misi

Bertekad menjadi sebuah institusi ilmu yang terkehadapan dalam bidang pengajian Islam yang menggunakan teknologi terkini bagi menyelesaikan isu-isu semasa yang berkaitan dengan masyarakat dan Islam.



Objektif

- Memartabatkan pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan negara.
- Membina kesepaduan antara teori dan amali dalam diri setiap mahasiswa yang dikeluarkan.
- Melahirkan ilmuan Islam yang berpendidikan sepadu, mampu memimpin masyarakat majmuk serta mempunyai potensi yang tinggi menerajui pembangunan negara.
- Meneroka dan mengembalikan tradisi keilmuan Islam yang unggul bersetujuan dengan persekitaran dan teknologi terkini.
- Membekalkan tenaga kerja yang kukuh dengan penghayatan nilai-nilai Islam, mampu berinteraksi dan berkomunikasi dengan berkesan dalam masyarakat.

Wawasan

- Memartabatkan kecemerlangan ilmu dan insan yang mampu memberi sumbangan kepada masyarakat, negara dan dunia sejagat.

Lembaga Pengarah Universiti



Pengerusi
Y.Bhg. Tan Sri Dr Mohamed Yusof Hj Md Noor



Rektor
Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abd. Shukor Hj Husin



Ahli
Y.Bhg. Dato' Syed Amin Al Jeffri



Ahli
Y.Bhg. Dato' Izhar Sulaiman



Ahli
Y.Bhg. Dato' Mohd Zawawi Salleh



Ahli
Y.Bhg. Dato' Ahmad Tajuddin
Abdul Rahman



Ahli
Y.Bhg. Datin Hajjah Rodiah Binti Meor Sulaiman



Ahli
Y.Bhg. Puan Hajjah Norzirah Binti Bahari



Setiausaha
Tuan Hj. Addenan Hj Abd Rahman

Pengurusan Universiti



Timbalan Rektor
(Akademik & Penyelidikan)
Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah



Rektor
Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abd. Shukor Hj Husin



Timbalan Rektor
(HEP & Pembangunan)
Y.Bhg. Prof. Dr. Mohammad Hj Alias



Bendahari
Puan Hajjah Rohani Abu



Pendaftar
Tuan Hj. Addenan Hj Abd Rahman



Ketua Pustakawan
Encik Jasmin Jaimon

Dekan

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan

Y.Bhg. Prof. Dr. Datin. Hajjah Mizan Adiliah bt. Ahmad Ibrahim

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah

(Pemangku)

En. Muhammad Mustaqim bin Mohd Zarif

Fakulti Syariah dan Undang-Undang

Y.Bhg. Prof. Dr. Haji Abdul Samat bin Musa

Fakulti Ekonomi dan Muamalat

Y.Bhg. Prof. Dr. Muhammad bin Muda

Fakulti Syariah dan Undang-Undang

Y. Bhg. Prof. Dr. Haji Abdul Samat bin Musa

Fakulti Sains dan Teknologi

Y. Bhg. Prof. Dr. Jalani bin Sukaimi

Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

Y. Bhg. Prof. Dr. Nik Mohd Nasri bin Nik Ismail



LAPORAN REKTOR

• 2004

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

Laporan Rektor

Secara keseluruhannya, tahun 2004 memperlihatkan kesungguhan KUIM memainkan peranannya secara lebih agresif bagi mencapai objektif penubuhannya agar dapat mempertingkatkan bidang pendidikan secara keseluruhannya. Penekanan terhadap pendidikan adalah amat sesuai dan selari dengan kehendak agama Islam yang mementingkan ilmu kerana dengan ilmu dapat menjamin kesejahteraan di dunia dan juga akhirat. Matlamat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pengembangan ilmu serantau tetap menjadi salah satu aspek yang akan terus ditekankan. Sebagai sebuah pusat ilmu serantau, Malaysia bukan sahaja melaksanakan ajaran Islam seperti yang dikehendaki, tetapi juga akan membantu mengukuhkan kedudukan ekonomi dan kewangan negara.

Menyedari isu globalisasi dan cabaran liberalisasi yang semakin hampir dengan kita, KUIM mengambil pendekatan secara progresif dan inovatif dalam pelaksanaan program-program pengajiannya. Kesemua program pengajian yang ditawarkan di Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) adalah berteraskan pengajian bersepadu merentasi semua bidang ilmu termasuk bidang sains, teknologi, perubatan, kejuruteraan dan lain-lain yang dapat menterjemahkan hakikat dan skop pengajian Islam sebenar.

Menyedari hakikat ini, KUIM telah menujuhkan Fakulti Sains dan Teknologi (FST) secara rasminya pada 1 Disember 2003 diikuti dengan penubuhan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), yang bermula pada 1 Jun 2004. Pengambilan pelajar perintisnya ke Kursus Tamhidi bermula pada 17 Jun 2004, sebelum pelajarnya memulakan kursus perubatan pada sesi 2005 nanti. Program Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri adalah program akademik pertama yang akan dijalankan pada tahun 2005.



Jangka masa pengajian adalah 6 tahun sepenuh masa, merangkumi PraKlinikal dan Klinikal (tidak termasuk Kursus Persediaan). Model pengajian bagi Program Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri akan menggunakan model pengajian dari Universiti Al-Azhar Mesir pada peringkat PraKlinikal. Pada tahun ini juga, dua program baru turut diperkenalkan di peringkat Sarjana Muda iaitu, Sarjana Muda Komunikasi Dengan Kepujian, Sarjana Muda Kaunseling Dengan Kepujian dan Sarjana Muda Sains Dengan Kepujian (Bioteknologi Makanan). Pendaftaran kemasukan pelajar sulung Fakulti Sains Teknologi (FST) telah bermula bagi Semester 1, Sesi 2004/2005. Program pengajian yang ditawarkan pada sesi ini adalah Program Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Bioteknologi Makanan). Pusat Tamhidi Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) telah ditubuhkan pada 26 Januari 2004 di Kampus KUIM di Pandan Indah yang kemudiannya ditempatkan di Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) Bangi pada 17 Mei 2004.

Laporan Rektor

Pusat ini merupakan wadah pengajian bagi lepasan SPM yang bertujuan menyediakan calon ke peringkat ijazah pertama. 'Tamhidi' bermaksud persediaan adalah sama seperti Matrikulasi, Asasi dan Tahun Asas bagi universiti lain. Pusat Tamhidi KUIM menawarkan pengajian untuk tempoh satu tahun. Pelajar yang telah tamat dari pusat ini boleh meneruskan pengajian ke peringkat ijazah di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dan fakulti-fakulti yang ada di KUIM mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Program pengajian yang ada di Pusat Tamhidi bagi Sesi 2004/2005 adalah Program Tamhidi Perubatan. Pendaftaran kemasukan pelajar telah dibuat pada 17 Jun 2004 dan seramai 29 orang pelajar telah mendaftar.

Bagi pemantapan dan peningkatan tahap akademik dan pembangunan sahsiah mahasiswa di KUIM, beberapa program telah dianjurkan oleh fakulti masing-masing. Secara keseluruhannya, mahasiswa perlu diberikan bimbingan dan pengetahuan yang secukupnya bagi membolehkan mereka mempersiapkan diri sebelum menyertai masyarakat.

Justeru itu pada tahun 2004, KUIM melalui fakulti-fakultinya telah merangka Pelan Pembangunan Mahasiswa yang meliputi usaha pembangunan akademik dan sahsiah dengan kerjasama beberapa unit/bahagian di KUIM seperti Hal Ehwal Pelajar (HEP), Bahagian Akademik, Unit Bahasa dan sebagainya. Usaha ini dirancang bagi memastikan KUIM mampu menghasilkan graduan yang berkualiti di samping menepati kehendak pasaran kerjaya semasa. Berdasarkan kepada semua aktiviti ini, pihak fakulti juga telah membuat satu perancangan strategik untuk tempoh sepuluh tahun bermula tahun 2005 hingga 2015. Perancangan secara sistematik ini dilakukan bagi membolehkan fakulti terus berkembang dan berbakti kepada masyarakat, agama dan negara setaraf dengan institusi-institusi lain sama ada di dalam maupun luar negara.

KUIM sentiasa mengorak langkah untuk mempertingkatkan tahap pencapaiannya khusus dalam bidang akademik, penyelidikan, perundingan dan penerbitan. Tumpuan utama kita ialah untuk mencapai kemajuan dalam pelbagai aspek terutamanya dalam pelbagai bidang profesional bagi mewujudkan sebuah Universiti yang mampu mengeluarkan sumber tenaga manusia yang cekap, terlatih serta mempunyai semangat jati diri yang unggul yang boleh menyumbang kepada pembangunan negara ini.

Peranan sesebuah universiti sebagai gedung yang menyalurkan ilmu melalui proses pengajaran dan pembelajaran tidak dapat dinafikan. Dalam masa yang sama, usaha-usaha penyelidikan membantu menyumbang kepada perkembangan negara dalam persaingan global masa kini. Sesebuah universiti juga akan lebih dikenali dengan wujudnya aktiviti penyelidikan. Kakitangan akademik KUIM turut tidak ketinggalan menjalankan penyelidikan dalam pelbagai disiplin ilmu, seperti Pengajian Islam, Bahasa, Komunikasi, Teknologi Maklumat, Ekonomi, Kaunseling, Pengurusan, Sains Makanan dan Pemakanan, dan Undang-Undang.

Pada tahun 2004, bilangan kakitangan akademik yang melanjutkan pengajian sama ada dalam atau luar negara ialah seramai 14 orang. Ini menjadikan jumlah kakitangan akademik yang sedang bercuti belajar seramai 22 orang iaitu 4 orang melalui Biasiswa KUIM dan 18 orang lagi menerima Hadiah Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Bagi meningkatkan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi untuk pengajaran dan pengurusan Universiti, pelbagai sistem telah dibeli dan dimajukan. Kemudahan rangkaian internet telah diperluaskan dengan pemasangan rangkaian menggunakan perkhidmatan satelit bagi menghubungkan kampus FST di KPTM Bangi dengan kelajuan 2 Mbps.

Laporan Rektor

Rangkaian VPN diwujudkan bagi menghubungkan keduanya rangkaian kampus induk dan kampus FST.

Bersesuaian dengan pertambahan pelajar dan fakulti, pada tahun 2004, Perpustakaan KUIM terus berusaha untuk memantapkan lagi perkembangan koleksi dan perkhidmatan kepada para pengguna. Usaha ini adalah bersesuaian dengan penambahan beberapa program dan fakulti baru di KUIM. Pada Julai 2004, satu cawangan baru perpustakaan telah ditubuhkan di Kolej Polytech MARA, Bangi, berikutan penubuhan Fakulti Sains dan Teknologi dan Pusat Tamhidi yang terletak di Kolej tersebut. Perpustakaan turut berusaha membangunkan Unit Arkib di Perpustakaan yang bertujuan mengumpul semua bahan-bahan yang berkaitan dengan KUIM. Sehingga akhir 2004, Unit ini telah berjaya mengumpulkan bahan berupa bahan-bahan terbitan KUIM seperti buku panduan, laporan tahunan, buku-buku, kertas-kertas kerja seminar dan persidangan, risalah, *pamphlet*, buletin dan keratan-keratan akhbar yang memuatkan berita-berita mengenai KUIM.

Dalam usaha untuk mengurangkan kerenah birokrasi dan meningkatkan keberkesanan peraturan-peraturan dan undang-undang di Universiti ini, Unit Undang-Undang dan Tatatertib yang ditubuhkan pada bulan September 2004 adalah selaras dengan usaha pihak Pengurusan Universiti untuk memantapkan pengurusan dan pentadbiran. Penubuhan unit khusus untuk urusan perundangan dan tatatertib bertujuan untuk memantapkan pelaksanaan perundangan dan peraturan yang berterusan di Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM). Unit ini juga diberi tanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang masalah yang berkaitan dengan perundangan dan membuat semakan semula peraturan atau undang-undang KUIM yang sedia ada.

Pihak Universiti juga prihatin dengan hal-hal kebijakan. Oleh itu, melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar, beberapa siri lawatan dan kerja amal, telah dirangka seperti Misi Kemanusiaan ke Kemboja. Program Bakti Siswa Perdana Rakan Muda IPTA dan Program Khidmat Masyarakat atau nama ringkasnya Baksis Perdana 2004 di Kg. Alor Selinsing, Jertih Besut Terengganu.

Tiga peserta bagi kejohanan-kejohanan debat dan kursus-kursus yang dianjurkan oleh organisasi-organisasi luar seperti Pertandingan Debat Kefahaman Islam IKIM, Kejohanan Debat Bahasa Arab dan Kursus Pengurusan dan Kepimpinan Mahasiswa (SMARTlead). Antara objektif utama kursus ini diadakan ialah untuk memberi panduan tentang tatacara menguruskan sesebuah organisasi, mengenal pasti kekuatan organisasi untuk menjamin, meningkatkan kemahiran ahli-ahli berfikir secara kreatif dan kritis serta mengenal pasti cara menangani masalah-masalah yang dihadapi dalam sesebuah organisasi. Manakala bagi kejohanan debat, KUIM telah mencatatkan beberapa kejayaan, antaranya dalam Kejohanan Debat Bahasa Arab IPTA 2004, Pasukan KUIM telah berjaya menjadi Johan, dan dalam Pertandingan Debat Kefahaman Islam IKIM, Pasukan KUIM telah menjadi Naib Johan. KUIM juga telah menyertai Pertandingan Seni Persembahan Islam (iiPAC).

Satu program khusus yang bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada pelajar mengenai minat dan kecenderungan kerjaya telah diadakan sebagai siri program tahunan, iaitu MAHRAJAN KERJAYA 2004. Program ini memberikan pendedahan tentang betapa pentingnya persediaan awal menghadapi dunia kerjaya dan menyediakan diri pelajar secara mental dan fizikal melalui latihan kemahiran, bengkel imej dan personaliti dan sebagainya. Beberapa program pembangunan mahasiswa juga telah dapat dilaksanakan terutamanya program Operasi Khidmat

Laporan Rektor

Masyarakat (OPKIM Rembau), Seminar Aplikasi Teknologi Maklumat, Seminar Persediaan Graduan dan Kursus Biro Tata Negara (BTN).

Bagi mewujudkan hubungan dua hala yang lebih terarah dan mampu mendatangkan manfaat kepada kedua-dua belah pihak, sepanjang tahun 2004, KUIM telah menandatangani beberapa Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) dengan pelbagai organisasi luar. Antaranya adalah MoU dengan General Council for Islamic Banking and Financial Institutions (GCIBFI) yang telah ditandatangani pada 28 Mac 2004 di Manama Bahrain, MoU dengan Universiti Terbuka Malaysia (OUM), MoA dengan MARA berkaitan penyewaan ruang dan kemudahan di KPTM Bangi, MoA dengan UKM berkaitan *outsourcing* makmal, MoA dengan UUM berkaitan Perkongsian Pintar Pembangunan Sistem Maklumat Universiti (PPSMU), MoU dengan WCT Properties Sdn. Bhd., berkaitan penyewaan sebahagian ruang di Menara B, dan MoA dengan Kementerian Kesihatan Malaysia berkaitan penggunaan beberapa buah hospital dan poliklinik komuniti untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan.

Selaras dengan matlamat untuk meneroka dan mengembalikan tradisi keilmuan Islam yang unggul, sebuah Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) telah ditubuhkan. Penubuhan INFAD ini bersesuaian dengan perancangan KUIM untuk menjadi sebuah institusi penyelidikan, perundingan dan pusat pengurusan maklumat berkaitan fatwa bertaraf dunia yang terkehadapan dan berwibawa serta dikenali dan mendapat pengiktirafan semua peringkat sama ada tempatan, serantau atau antarabangsa. Beberapa siri lawatan antara KUIM dengan agensi lain turut diadakan. KUIM telah menerima kunjungan dari agensi-agensi luar, antaranya adalah Lawatan Kerjasama Akademik Kolej Islam Johor ke KUIM, Lawatan Kerja Institut Pengajian Tinggi Islam Johor

(Marsah), Lawatan Sambil Belajar Sek. Men. Keb. Agama Durian Guling, Marang Kuala Terengganu. Lawatan Kerja Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Lawatan Sambil Belajar dari PERKIM Cawangan Lipis, Pahang, Lawatan Media dari Meja Pendidikan Utusan Malaysia, Lawatan sambil belajar pelajar FEM ke Indonesia, Lawatan Madrasah Aljuneid Al-Islamiah, Singapura, kunjungan Lembaga Pengarah Institut Pengajian Tinggi Al-Zuhri, Singapura yang bertujuan untuk bertukar-tukar maklumat dan pandangan serta mewujudkan persefahaman antara kedua-dua institusi. KUIM turut menerima lawatan dari delegasi Nakhon Sawan Rajabhat University, Thailand yang bertujuan untuk bertukar-tukar pendapat di samping mengetahui dengan lebih mendalam mengenai KUIM secara amnya dan Fakulti Sains dan Teknologi serta Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan secara khususnya.

KUIM juga telah menjadi destinasi lawatan daripada para peserta International Muslimah Course 6/2004 yang dikendalikan oleh *Regional Islamic Council of Southeast Asia and the Pacific (RISEAP)* pada 15 September 2004 untuk melengkapkan 'Study Module' dalam kursus kelolaan RISEAP tersebut. Lawatan seramai 21 orang adalah terdiri dari 5 orang pegawai pengiring dan 16 orang peserta kursus dari pelbagai negara seperti Thailand, Cambodia, China, Sri Lanka, Maldives, Philippines, Vanuatu, Vietnam, Korea, Jepun dan Malaysia serta lawatan dari Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam.

KUIM juga telah menyertai beberapa siri pameran 'roadshow' dalam usaha memperkenalkan KUIM kepada masyarakat umum. Di antara pameran pendidikan yang disertai adalah Pameran Pendidikan & Kerjaya Penyayang 2004 yang telah berlangsung di Dewan Millennium Kepala Batas, Pulau Pinang, dan Malaysian International Education Fair 2004 yang telah diadakan pada 30 April - 2 Mei 2004 bertempat di

Laporan Rektor

PWTC, Kuala Lumpur. Pameran Sempena Pesta Pemasyhuran Tuanku Canselor KUKUM pada 15 –17Julai 2004 turut diadakan, bersempena dengan Istiadat Pemasyhuran Tuanku Raja Muda Perlis, DYMM Tuanku Syed Faizudin sebagai Canselor KUKUM yang pertama.

Dari aspek pembangunan, KUIM dijangka berpindah ke kampus tetapnya di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan pada 2005. Buat sementara ini, KUIM masih menyewa di Menara A, di Pandan Indah Kuala Lumpur. KUIM turut juga menyewa sebahagian Kolej Poly-Tech MARA (Bangi) untuk penempatan Fakulti Sains dan Teknologi serta Pusat Tamhidi KUIM. Manakala penempatan bagi Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, ditempatkan di Menara B Pandan Indah, memandangkan ‘teaching hospital’ KUIM yang diperuntukkan oleh Kementerian Kesihatan adalah di Hospital Ampang, Kuala Lumpur.


Pendirian pihak Kerajaan terhadap kualiti pengajian tinggi di negara ini adalah jelas. Kualiti ini adalah penting bagi memastikan semua Institusi Pengajian Tinggi, sama ada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) mempunyai standard kualiti yang baik. KUIM mahukan agar graduan yang dilahirkan melalui proses pendidikan negara ini, adalah mereka yang mampu untuk menangani keperluan semasa dan masa depan.

Saya berharap dan yakin, melalui proses pendidikan yang sistematik begini, negara akan dapat terus membangun seperti yang dirancangkan oleh kerajaan dan rakyat akan dapat hidup dalam aman dan makmur. Dengan itu, proses jaminan kualiti yang diguna pakai bukan sahaja menekankan kepada aspek pengetahuan dan kemahiran semata-mata, tetapi juga melihat kepada pembentukan sikap agar graduan yang dilahirkan mempunyai toleransi yang tinggi dan akan dapat terus hidup dengan baik dalam masyarakat majmuk, atau dengan kata lain, unsur-unsur integrasi kaum dapat diterapkan dalam


persekitaran pengajaran dan pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Sehubungan itu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada seluruh warga Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM), kerana telah berjaya mendapat pensijilan MS ISO 9001:2000. Walaupun KUIM baru empat tahun beroperasi, kejayaan ini menunjukkan komitmen warganya, khususnya pihak pengurusan, akademik dan juga kakitangan pentadbiran terhadap kualiti pendidikan. Dengan pencapaian ini, sekaligus meletakkan KUIM antara institusi yang diiktiraf kualiti pengajiannya.

Saya amat bersyukur kepada Allah S.W.T dan berpuas hati atas pencapaian KUIM pada tahun ini walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran dan halangan. Kejayaan ini mungkin tidak dapat dicapai tanpa sumbangan idea, kepakaran dan tenaga, semangat yang jitu, sokongan padu serta pengorbanan yang dicurahkan oleh setiap peringkat anggota kerja KUIM.

Tanpa komitmen dan kesungguhan ini, sudah tentu kejayaan yang dihasratkan tidak akan dapat dikecapi. Saya percaya usaha kita untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang berilmu dan berkemahiran, mempunyai nilai murni dan jati diri yang tinggi serta bertaraf global akan tercapai, Insya Allah.



Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin
Rektor
Kolej Universiti Islam Malaysia



HAL EHWAL AKADEMIK

• 2004

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

Hal Ehwal Akademik

Pengambilan Pelajar dan Program Baru

Pada Sesi Akademik 2004/2005, KUIM menawarkan tujuh (7) program pengajian peringkat prasiswazah secara sepenuh masa untuk ijazah berikut:-

- Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman dengan Kepujian.
- Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian.
- Sarjana Muda Da'wah dan Pengurusan Islam dengan Kepujian.
- Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dengan Kepujian.
- Sarjana Muda Komunikasi dengan Kepujian.
- Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian.
- Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Bioteknologi Makanan).

Bilangan pelajar pada Sesi Akademik 2004/2005 adalah seramai 1664 orang iaitu 628 orang bagi tahun pertama, 558 orang bagi tahun kedua dan 478 orang bagi tahun ketiga. Daripada jumlah tersebut 1,254 orang adalah pelajar perempuan manakala 410 orang adalah pelajar lelaki.

Pengambilan calon-calon pelajar bagi kursus-kursus yang ditawarkan adalah dari kalangan lepasan-lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Matrikulasi, Diploma dan pemohon-pemohon luar negara yang mempunyai kelayakan setaraf. Bilangan pelajar KUIM mengikut fakulti dan tahun pengajian adalah sebagaimana dalam Jadual.



Hal Ehwal Akademik

Program	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Jumlah Semasa	Catatan
Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian	146 (L-39, P-107)	128 (L-28, P-100)	115(L-31,P-84)	389	(L-98, P-291)
Syariah dan Kehakiman dengan Kepujian	142 (L-47, P-95)	157 (L-40, P-117)	138 (L-33, P-105)	437	(L-120, P-317)
Da'wah dan Pengurusan Islam dengan Kepujian	104 (L-32, P-72)	129 (L-33, P-96)	125 (L-23, P-102)	358	(L-88, P-270)
Pentadbiran Muamalat dengan Kepujian	113 (L-29, P-84)	144 (L-24, P-120)	100 (L-25, P-75)	357	(L-78, P-279)
Komunikasi dengan Kepujian	40 (L-9, P-31)	-	-	40	(L-9, P-31)
Kaunseling dengan Kepujian	40 (L-8, P-32)	-	-	40	(L-8, P-32)
Sains dengan Kepujian (BIOTEKNOLOGI MAKANAN)	43 (L-9, P-34)	-	-	43	(L-9, P-34)
Jumlah	628 (L-173, P-455)	558 (L-125, P-433)	478 (L-112, P-366)	1664	(L-410, P-1254)

Jadual 1: Statistik bilangan pelajar peringkat ijazah pertama, sesi 2004/2005

Perkuliahan dan Peperiksaan

Perkuliahan Semester I, Sesi Akademik 2004/2005 telah bermula pada 14 Jun 2004 manakala Semester II telah bermula pada 29 November 2004. Tempoh waktu yang diperuntukkan untuk perkuliahan adalah dari jam 8.00 pagi hingga jam 7.00 petang (Isnin hingga Jumaat) kecuali bagi kursus-kursus yang melibatkan pensyarah sambilan di mana kuliahnya disusun mulai dari jam 8.00 malam hingga jam 10.00 malam (Isnin hingga Jumaat)

Dengan mengambil kira bilangan ruang dan kapasiti dewan kuliah, bilik kuliah dan bilik tutorial sedia ada, pelajar telah dibahagikan kepada empat (4) kumpulan iaitu kuliah, tutorial, makmal dan ko-kurikulum untuk memudahkan penyusunan jadual waktu serta memaksimumkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran

Hal Ehwal Akademik

Keterangan	Bilangan ruang disediakan	Kapasiti Maksimum	Lokasi	
Dewan Kuliah	4	200	MENARA	B
Bilik Kuliah	5	100	MENARA	B
Bilik Tutorial	14	30	MENARA	B
Makmal Komputer	2	40	MENARA	A
Makamal Bahasa	3	20	MENARA	A
Makmal Komunikasi	1	40	MENARA	A
Mahkamah Mout	1	50	MENARA	A

Jadual 2 : Bilangan ruang dan kapasiti maksimum bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran sesi Akademik 2004/2005

KUIM sangat menekankan penguasaan Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab di kalangan pelajarnya, terutama dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Justeru, untuk membantu pelajar mengikuti pengajian dalam kedua-dua bahasa itu, pelbagai inisiatif telah diambil dan ini termasuklah mengadakan Kursus Intensif Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab khusus untuk pelajar baru. Selain itu, KUIM juga telah dijadikan sebagai pusat peperiksaan Malaysian University English Test (MUET) khusus untuk para pelajar KUIM menduduki ujian tersebut mulai Oktober 2002. Ini bertujuan memudahkan para pelajar memohon menduduki ujian tersebut. KUIM juga menjadikan pencapaian tahap tertentu dalam MUET sebagai kayu ukur penguasaan para pelajar dalam bahasa Inggeris.

Peperiksaan Akhir Semester I dan II, Sesi Akademik 2004/2005 pula dikendalikan oleh Bahagian Akademik dengan kerjasama pentadbiran fakulti.

Tempoh peperiksaan adalah tidak melebihi tiga (3) minggu. Sehingga kini, KUIM berupaya menampung seramai 600 orang pelajar pada satu-satu masa peperiksaan.



Hal Ehwal Akademik

Konvokesyen


Majlis Konvokesyen Kedua KUIM telah diadakan pada 21 Ogos 2004 bertempat di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (DECTAR), Universiti Kebangsaan Malaysia. Majlis ini telah dipengerusikan oleh Tuanku Canselor iaitu Duli Yang Maha Mulia Tuanku Najihah binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin, Tunku Ampuan Negeri Sembilan. Majlis ini turut dihadiri oleh wakil-wakil daripada universiti luar negara iaitu Universiti Islam Negeri, Jakarta, Universiti Brunei Darussalam dan

Universiti Prince Songkhla, Thailand. Turut hadir adalah wakil-wakil daripada universiti awam dan swasta tempatan. Pada majlis tersebut, Tuanku Canselor telah berkenan menganugerahkan 529 ijazah sarjana muda kepada kumpulan graduan kedua KUIM. Pecahan ijazah yang dianugerahkan mengikut program pengajian adalah sebagaimana dalam Jadual.

Program Pengajian Kelas Ijazah	Kelas Pertama	Kelas Dua Atas	Kelas Dua Bawah	Kelas Ketiga	Lokasi
Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian	3 (1.82)	60 (36.58)	91 (55.48)	10 (6.09)	164 (100)
Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman dengan Kepujian	3 (1.79)	50 (29.94)	102 ((61.07)	12 (7.18)	167 (100)
Sarjana Muda Da'wah dan Pengurusan Islam dengan kepujian	1 (0.50)	42 (21.21)	140 (70.70)	15 (7.57)	198 (100)
Jumlah	7 (1.32)	152 (28.73)	333 (62.94)	37 (6.99)	529 (100)

Jadual 3 : Pecahan Graduan Konvokesyen Kedua 2004 mengikut Program Pengajian dan Kelas Ijazah

Tuanku Canselor juga telah berkenan mengurniakan anugerah dan hadiah kepada penerima-penerima berikut:-



Hal Ehwal Akademik

Bil.	Anugerah	Nama
1	Anugerah Pelajaran DiRaja	Wan Mohd Fazrul Azdi bin Wan Razali
2	Anugerah Canselor	Ruziha binti Mamat
3	Pingat Emas Rektor	Norlizawaty binti Tumin
4	Hadiah Buku Universiti	Wan Mohd Fazrul Azdi bin Wan Razali Ruziha binti Mamat Norlizawaty binti Tumin Nurul Hanan binti Hassan Rohani binti Kamis
5	Hadiah Buku Fakulti	Wan Mohd Fazrul Azdi bin Wan Razali Ruziha binti Mamat Norlizawaty binti Tumin
6	Hadiah Ko-Kurikulum	Lukmanul Hakim bin Haji Hanafi

Jadual 4 : Penerima Anugerah



Bersempena Majlis Konvokesyen kedua ini, Majlis Santapan Konvokesyen juga telah diadakan pada 20 Ogos 2004 bertempat di Hotel Marriott, Putrajaya. Tuanku Canselor telah berangkat mencemar duli menghadiri acara santapan tersebut. Turut berangkat mencemar duli adalah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Jaafar Ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman, Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan.

Pusat Pengajian Siswazah

Pada masa ini, pengajian siswazah dikendalikan oleh Pusat Pengajian Siswazah dan program pengajian yang ditawarkan dilaksanakan secara penyelidikan dan penulisan tesis. Pengajian secara kerja kursus dijangka ditawarkan mulai Sesi Akademik 2005/2006. Kemasukan ke program-program pengajian siswazah dibuat dua (2) kali setahun iaitu pada bulan Jun dan November. Untuk pengambilan Sesi Jun 2004, sebanyak 18 permohonan untuk melanjutkan pengajian di peringkat doktor falsafah dan sarjana telah diterima. Seramai 9 pemohon telah diperakuan dan 7 daripadanya telah menerima tawaran.

Hal Ehwal Akademik

Pada Sesi November 2004, sebanyak 19 permohonan telah diterima untuk kedua-dua peringkat pengajian. Seramai 9 orang pemohon telah diperakukuan dan 5 daripada mereka telah menerima tawaran.

Program	Tempatan	Antarabangsa	Jumlah	Jumlahll
Sarjana Pengajian Quran dan Sunnah	3(L)	1 (L)	4	5
Doktor Falsafah Pengajian Quran dan Sunnah	-	1 (L)	1	
Sarjana Syariah dan Kehakiman	6 (L) 1 (P)	4 (L1 (P)	12	16
Doktor Falsafah Syariah dan Kehakiman	3 (L)	1 (P)	4	
Sarjana Da'wah dan Pengurusan Islam	-	1 (L)	1	5
Doktor Falsafah Da'wah dan Pengurusan Islam	1 (L)	3 (L)	4	
Sarjana Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat	1 (L)	1 (L)	2	6
Doktor Falsafah Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat	3 (L)	1 (L)	4	
Jumlah	17 (L) 1 (P)	12 (L) 2 (P)	32	32

Jadual 5 : Statistik bilangan pelajar peringkat siswazah, Sesi Akademik 2004/2005*

Jumlah pelajar Sarjana – 19 orang
 Jumlah pelajar Doktor Falsafah – 13 orang

**Pecahan negara pelajar antarabangsa – Indonesia (3), Thailand (1), Arab Saudi (1), Syria (1), Libya (2), Iraq (1), Mauritania (1), Burkina Faso (1), Mesir (3).

Senat

Senat merupakan badan akademik tertinggi yang berperanan mengawal segala urusan berkaitan dengan akademik di KUIM. Pada tahun 2004, Senat telah bersidang sebanyak 6 kali dan antara agenda-agenda utama yang diluluskan adalah seperti berikut:

Mesyuarat Senat Kali Ke-18 (29Januari 2004)

- Cadangan Penubuhan Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Kolej Universiti Islam Malaysia.

- Cadangan Penawaran Program Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi di Fakulti Pengajian Bahasa Utama.

Mesyuarat Senat Kali Ke-19 (18 Mac 2004)

- Cadangan Perlaksanaan Penilaian Kursus dan Pengajaran di Kolej Universiti Islam Malaysia.

Hal Ehwal Akademik

Mesyuarat Senat Khas Bil. 01/2004 (30 April 2004)

- Mengesahkan Keputusan Peperiksaan Akhir Program-program Sarjana Muda dengan Kepujian, Semester II, Sesi Akademik 2003/2004.
- Mengesahkan Senarai Graduan Konvokesyen Kedua, Kolej Universiti Islam Malaysia.

Mesyuarat Senat Kali Ke-20 (27 Mei 2004)

- Mengesahkan Warta Universiti, Kolej Universiti Islam Malaysia, Bil. 1, ISSN 1675 - 8560 – Majlis Konvokesyen Pertama, Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Mengesahkan Senarai Nama Pemenang Anugerah dan Hadiah Konvokesyen Kedua KUIM.
- Mengesahkan Senarai Kemasukan Pelajar Baru Peringkat Ijazah Pertama, Sesi Akademik 2004/2005.
- Cadangan Penawaran Program Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko) di Fakulti Sains dan Teknologi.
- Cadangan Penawaran Program Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Matematik Kewangan) di Fakulti Sains dan Teknologi.
- Cadangan Penawaran Program Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan Kepujian (Sistem Arkitektur dan Teknologi e-Perniagaan) di Fakulti Sains dan Teknologi.
- Cadangan Penawaran Program Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian (Keselamatan dan Jaminan maklumat) di Fakulti Sains dan Teknologi.
- Cadangan Penawaran Program Tamhidi Sains dan Teknologi di Pusat Tamhidi, Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Cadangan Penawaran Program Tamhidi Program Tamhidi Syariah dan Undang-undang di Pusat Tamhidi, Kolej Universiti Islam Malaysia.

Mesyuarat Senat Kali Ke-21 (26 Julai 2004)

- Cadangan Skim Zamalah di Pusat Pengajian Siswazah, Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Cadangan Pengiktirafan dan Pengecualian Kredit Lepasan Diploma-diploma Syariah Islamiah, Usuluddin dan Tahfiz Al-Quran wal Qiraat dari Institut Pengajian Tinggi Islam Johor (MARSAH) bagi kemasukan ke Program-program Ijazah Pertama di Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Cadangan Penawaran Program Sarjana Muda Pengajian Quran dengan Multimedia dengan Kepujian di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah.
- Cadangan Penawaran Program Sarjana Muda Pengajian Sunnah dengan Pengurusan Maklumat dengan Kepujian di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah.
- Cadangan Penstrukturkan Semula Program-program Pengajian Tiga (3) Tahun ke Empat (4) Tahun – Program-program Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian dan Sarjana Muda Da'wah dan Pengurusan Islam dengan Kepujian.

Mesyuarat Senat Kali Ke-22 (7 Oktober 2004)

- Mengesahkan Warta Universiti, Kolej Universiti Islam Malaysia, Bil. 2, ISSN 1823 - 1438 – Majlis Konvokesyen Kedua, Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Pengesahan Syarat-syarat Kemasukan ke Program-program Lepasan STPM/Setaraf, Sesi Akademik 2005/2006 di Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Pengesahan Syarat-syarat Kemasukan ke Program-program Lepasan SPM/Setaraf, Sesi Akademik 2005/2006 di Kolej Universiti Islam Malaysia.

Hal Ehwal Akademik

Mesyuarat Senat Kali Ke-23 (24 November 2004)

- Mengesahkan Keputusan Peperiksaan Akhir Program-program Sarjana Muda dengan Kepujian, Semester I, Sesi Akademik 2004/2005.
- Cadangan Penawaran Program Diploma Amalan Kehakiman dan Guaman Syarie di Fakulti Syariah dan Undang-undang.

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Persidangan (PPPP)

Penyelidikan KUIM

Pusat Pengurusan Persidangan dan Penyelidikan (PPPP) bertanggungjawab menyelaras rancangan/aktiviti penyelidikan, tatacara pengurusan kewangan, penyaluran maklumat dan pengurusan aktiviti penyelidikan yang lebih tersusun bagi tujuan rujukan penyelidikan para tenaga akademik.

Peranan sesebuah universiti bukan sahaja sebagai gedung yang menyalurkan ilmu melalui proses pengajaran dan pembelajaran, tetapi juga sebagai pusat atau tempat untuk mewujudkan usaha-usaha penyelidikan secara berterusan. Menyedari hakikat ini, kakitangan akademik KUIM tidak ketinggalan mengeksplorasi kepentingan masing-masing dalam penyelidikan yang meliputi semua aspek.

Pada tahun 2004, sebanyak 19 tajuk penyelidikan telah diluluskan, dan 3 daripadanya telah pun selesai dan bakinya sedang berjalan.

Manakala satu penyelidikan pantas yang telah diluluskan pada tahun 2004 juga telah selesai dijalankan. Senarai tajuk penyelidikan KUIM dan penyelidikan pantas untuk tahun 2004 adalah seperti di dalam jadual:

Bil.	Tajuk Projek	Jangka Masa Projek
1	Kepakaran Perubatan dalam Proses Mengeluarkan Fatwa di Malaysia Kod Penyelidikan: PPPP-INFAD/A/2004	1 Tahun 1 Feb. 2004- 31 Jan. 2005
2	Broga Incident (A Case Study) Kod Penyelidikan: PPPP(C)/2004	1 Tahun 1 Feb. 2004- 31 Jan. 2005
3	Customer Switching Behavior in Retail Banking Services: A Case Study in Klang Valley Kod Penyelidikan : PPPP(D)/2004	1 Tahun 1 Feb. 2004- 31 Jan. 2005
4	Kajian Program Latihan Khidmat Negara (Kumpulan 'Hardcore') Kod Penyelidikan: P(1)/A/2004	2 Bulan 5 Mei 2004 – 31 Julai 2004 Penyelidikan Pantas

Jadual 7 : Senarai Penyelidikan KUIM 2004 Yang Belum diselesaikan

Hal Ehwal Akademik

Bil.	Tajuk Projek	Jangkamasa Projek
1	Kajian Akidah dan Metodologi Dakwah Kumpulan Al-Ahbasy Kod Penyelidikan : PPPP (A) /2004	1 Tahun 1 Feb. 2004- 31 Jan. 2005
2	Kesukaran Pelajar Berinteraksi dengan Al-Majjid Al-Arabiyyah dan cara-cara Mengatasinya: Satu Kajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam (KUIM, UKM dan UIAM) Kod Penyelidikan: PPPP (B)/2004	1 Tahun 1 Feb. 2004- 31 Jan. 2005
3	A Study on the Quality and Microbial Stability of Ready to Eat (RTE) Processed Meats Kod Penyelidikan : PPPP(E)/2004	1 Tahun 1 April 2004- 31
4	Perlaksanaan Ujian HIV ke atas Bakal Pengantin di Negeri Johor: Satu Kajian dari Sudut Undang-Undang dan Syariah Kod Penyelidikan: PPPP(F)/2004	1 Tahun 1 Mei 2004- 30 April 2005
5	The Language Learning Attitudes and English Learning Proficiency of First Year Quranic Students: A Case Study at KUIM Kod Penyelidikan: PPPP(I)/2004	1 Tahun 1 Jun 2004- 31 Mei 2005
6	The Usage of ICT in Fatwa Management System in Malaysia Kod Penyelidikan: PPPP-INFAD/B/2004	1 Tahun 1 Jun 2004- 31 Mei 2005
7	The Role of Fatwa in the Islamic Banking and Financial Institution in Malaysia Kod Penyelidikan: PPPP-INFAD/C/2004	1 Tahun 1 Mei 2004- 31 Mei 2005
8	Pengurusan Fatwa di Negara-Negara Nusantara – Pengurusan Fatwa di Malaysia Kod Penyelidikan : PPPP-INFAD/D/2004	1 Tahun 1 Sept 2004- 31 Ogos 2005
9	Pengurusan Fatwa di Negara-Negara Nusantara – Pengurusan Fatwa di Indonesia Kod Penyelidikan : PPPP-INFAD/E/2004	1 Tahun 1 Jun 2004- 31Ogos 2005
10	Pengurusan Fatwa di Negara-Negara Nusantara – Pengurusan Fatwa di Singapura Kod Penyelidikan : PPPP-INFAD/F/2004	1 Tahun 1 Sept. 2004- 31 Ogos 2005
11	Pengurusan Fatwa di Negara-Negara Nusantara – Pengurusan Fatwa di Negara Brunei Darussalam Kod Penyelidikan : PPPP-INFAD/G/2004	1 Tahun 1 Sept. 2004- 31 Ogos 2005

Hal Ehwal Akademik

Bil.	Tajuk Projek	Jangkamasa Projek
12	Video Etnografi: Revisits Nomads of the Jungle (1986): Kajian kembali perbandingan cara hidup masyarakat yang dipaparkan dalam video (1987) dengan yang diperhatikan sekarang (2004) dan tinjauan tentang perkembangan program dakwah Kod Penyelidikan : PPPP (J)/2004	1 Tahun 1 Sept. 2004- 31 Ogos 2005
13	Kajian Kaunseling dalam Islam Kod Penyelidikan : PPPP (K)/2004	1 Tahun 1 Okt. 2004- 30 Sept. 2005
14	Kajian Keperluan Tenaga Pengajar Bahasa Arab di Sekolah-Sekolah Menengah Kementerian Pelajaran Malaysia Kod Penyelidikan : PPPP (L)/ 2004	1 Tahun (1 Dis 2004- 30 Nov. 2005)
15	Shariah and Legal Frameworks of The shariah Advisory Council of Central Bank of Malaysia, Islamic Banks and Takaful Operators in Malaysia Kod Penyelidikan : PPPP (M)/2004	1 Tahun (1 Jan 2005- 31 Dis. 2005)
16	Pengurusan Fatwa di Negara-Negara Nusantara – Pengurusan Fatwa di Kemboja Kod Penyelidikan : PPPP-INFAD/H/2004	1 Tahun (1 Jan 2005- 31 Dis. 2005)

Selain menggalakkan penyertaan tenaga akademik menjalankan penyelidikan, KUIM turut mengadakan aktiviti lain pada tahun 2004 iaitu:

Bengkel Metodologi Penyelidikan Siri III AMOS – Structural Equations Model, 2004

Bengkel yang dianjurkan oleh Fakulti Ekonomi dan Muamalat dengan kerjasama Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Persidangan (PPPP), telah diadakan pada 25- 26 November 2004, bertempat di Makmal IT, KUIM. Bengkel ini memberi fokus kepada perisian AMOS iaitu salah satu pakej statistik yang sering digunakan oleh para penyelidik dalam bidang sains sosial.

Bengkel ini mampu meningkatkan kemahiran menyelidik secara kuantitatif di kalangan ahli akademik di samping memperkuuhkan ilmu statistik mereka agar dapat diaplikasikan dalam aktiviti penyelidikan dan memantapkan keupayaan dalam semua kaedah.

Hal Ehwal Akademik

Persidangan Universiti

Pada tahun 2004 sebanyak empat persidangan peringkat kebangsaan telah berjaya dianjurkan oleh pelbagai Fakulti dan satu persidangan di peringkat antarabangsa. Persidangan-persidangan tersebut adalah:

Seminar Antarabangsa Makanan dan Produk Halal

Seminar Antarabangsa Makanan dan Produk Halal telah diadakan pada 28 hingga 30 September 2004, bertempat di Hotel Marriot Putrajaya. Seminar anjuran KUIM ini telah menerima lebih daripada 159 penyertaan dan dirasmikan oleh YB Dato' Seri Rafidah Aziz, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Manakala upacara penutupan seminar disempurnakan oleh YB Dato' Mustafa Abdul Rahman, Ketua Pengarah JAKIM, mewakili YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Seminar Masyarakat Cina dan Perkembangan Islam di Malaysia

Seminar "Masyarakat Cina dan Perkembangan Islam di Malaysia" telah dijalankan dengan jayanya pada 5 Oktober 2004 bertempat di Hotel Equatorial Bangi dengan penyertaan yang menggalakkan dari pelbagai pihak. Antara tajuk-tajuk kertas kerja yang dibentangkan adalah "Sejarah Perkembangan Sosio-ekonomi dan Budaya Masyarakat Cina di Malaysia", "Cabaran dan Peluang Dakwah di Kalangan Masyarakat Cina di Malaysia", "Sumbangan Masyarakat Cina Dalam Perkembangan Islam di Malaysia" dan "Cabaran dan Harapan Dalam Perlaksanaan Dakwah Islamiyah Kepada Masyarakat Cina di Malaysia". Antara pembentang kertas dalam seminar ini ialah Y. Bhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Khoo Kay Kim, Encik Johari Yap Abdullah, Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Obaidellah Mohamad dan Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Osman Abdullah @ Chuah Hock Leng.



Hal Ehwal Akademik

National Seminar In Islamic Banking And Finance (iBAF) 2004: Global Challenges and Competitiveness Of Malaysian Financial Institutions

Seminar pertama anjuran Fakulti Ekonomi dan Muamalat ini telah dijalankan dengan jayanya pada 2 & 3 Mac 2004 bertempat di Hotel Marriot, Putrajaya dengan penyertaan menggalakkan daripada pelbagai pihak. Seminar ini bertemakan "Global Challenges & Competitiveness Of Malaysian Financial Institutions" dan telah dirasmikan oleh Y. Bhg Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor, Pengurus Lembaga Pengarah KUIM, dengan diiringi ucapan penghargaan semasa majlis perasmian oleh Y.Bhg Dato' Ahmad Tajuddin Abd Rahman selaku Presiden, Association of Islamic Banking Institutions Malaysia (AIBIM).

Antara pembentang kertas dalam seminar ini ialah Y. Bhg Dato' Ahmad Tajuddin Abd Rahman sendiri, Y.Bhg. Dato' Mohd Fadzli Yusof, Encik Fazlur Rahman bin Ebrahim, Dr. John Lee, En. Wan Abdul Rahim Kamil Wan Mohamed Ali dan En. Izham b. Yusoff. Hasil daripada itu, fakulti telah menerbitkan satu prosiding yang menggabungkan kertas-kertas kerja yang telah dibentangkan sepanjang berlangsungnya seminar tersebut.



Konvensyen Sistem Ekonomi Islam (iECONS) 2004 : Pengurusan Waqaf - Ke Arah Memantapkan Ekonomi Ummah

Konvensyen Sistem Ekonomi Islam (iECONS) 2004 telah diadakan pada 3 Ogos 2004 bertempat di Hotel Istana, Kuala Lumpur. Konvensyen kali ini menggunakan tema "Pengurusan Waqaf - Ke Arah Memantapkan Ekonomi Ummah" dan telah menarik minat lebih daripada 150 orang peserta, termasuk para pelajar tahun 3, Fakulti Ekonomi dan Muamalat sendiri. Seramai lima (5) orang pembentang jemputan telah membentangkan kertas kerja masing-masing di seminar ini, iaitu Y.Bhg. Dato' Ahmad Tajuddin Abd. Rahman, Y.Bhg. Dato' Dr. Abdul Monir Yaacob, Encik Andri Aidham Badri, Y. Bhg. Dato' Haji Dusuki Hj. Ahmad dan Encik Izhar Ahmad.

Seminar Kebangsaan Usul Fiqh 2004 (SUFI 2004)

Seminar Kebangsaan usul Fiqh 2004 (SUFI 2004) adalah anjuran Fakulti Syariah dan Undang-Undang telah diadakan pada 15 dan 16 Disember 2004, bertempat di Pusat Latihan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Esset, Bangi. Seminar ini telah menerima lebih daripada 200 penyertaan. Seminar ini telah dirasmikan oleh Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin, Rektor KUIM. Manakala upacara penutupan seminar disempurnakan oleh Y. Bhg. Prof. Dr. Mohamed Asin Dollah, Timbalan Rektor (Akademik dan Penyelidikan) KUIM.

Kakitangan Akademik yang Membentangkan Kertas Kerja

KUIM turut melibatkan para ahli akademiknya menyertai pelbagai persidangan baik di dalam maupun di luar negara sepanjang tahun 2004. Selain hadir sebagai peserta, terdapat juga kakitangan akademik KUIM yang telah dijemput untuk membentang kertas kerja dalam pelbagai persidangan. Jadual 8 dan 9 menunjukkan senarai ahli akademik KUIM yang telah membentangkan kertas kerja dalam dan luar negara.

Hal Ehwal Akademik

Bil.	Nama	Fakulti	Seminar/ Persidangan	Anjuran	Tarikh
1.	Dr. Mohamed Sharif Bashir	FEM	FEA Regional Conference Conference	Universiti Malaya	19 – 20 Jan. 2004
2.	Dr. Mohamed Ben Mohamed Bechir	FSU	Conflicts and Conflict-Resolution in the Muslim World	IIUM	30– 31 Jan. 2004
3.	Dr. Adel M. Abdulaziz	FPQS	Seminar KeArah Penyusunan Baru Kurikulum Pengajian Islam	Akademi Pengajian Islam, UM	7 – 8 Feb. 2004
4.	Dr. Mohamed Sharif Bashir	FEM	National Seminar in Islamic Banking & Finance (iBAF) 2004	FEM	2 - 3 Mac 2004
5.	Pn. Norhayati Rafida Abdul Rahim	UPU	International Conference on Language and Communication in the Media	Persatuan Bahasa Moden Malaysia	27 – 29 April 2004
6.	En. Arif Fahmi Md. Yusof Pn. Dina Imam Supaat Pn. Abidah Abdul Ghafar Pn. Syahirah Abdul Shukor	FSU FSU FSU FSU	Simposium Kebangsaan Kebajikan Kanak-Kanak 2001	Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia UUM	21 – 22 Julai 2004
7.	Pn. Zurina Kefeli @ Zulkefli	FEM	Seminar MACFEA ke 9 "Penggunaan Domestik dan Perdagangan Pemacu Pertumbuhan Ekonomi Negara	Fakulti Ekonomi dan Perniagaan UKM	7 – 8 Sept. 2004
8.	En. Khairul Anuar Mohamad	FPQS	Seminar Pengkayatandan Kemahiran Bacaan "Al-Quran Mukjizat Sepanjang Zaman"	Jab. Tahfiz Al-Quran Al-Quran& Al-Qiraat KISDAR	11 Sep. 2004
9.	Prof. Dr. Jalani Sukaimi Prof. Madya Dr. Ahmed Mahir Mokhtar Bakri Pn. Dina Imam Supaat Pn. Nik Salida Suhaila Nik Saleh Pn. Abidah Abd Gafar	FST FST FSU FSU FSU	Seminar Antarabangsa Makanan dan Produk Halal 2004	KUIM	28 – 30 Sept. 2004
10.	Pn. Abidah Abdul Ghafar	FSU	Seminar Kebangsaan Masyarakat Cina dan Perkembangan Islam di Malaysia	FKP	5 Okt. 2004
11.	Dr. Muhammad Yusuf Khalid Dr. Farida Zouzou En. Muhammad Nizam Awang Cik Selvarani A/P Kovil Pilai	FEM FSU FSU UPU	National Conference on Social Promblems in Malaysia: Strategies and Solutions	UIAM	27 – 28 Nov 2004

Hal Ehwal Akademik

Bil.	Nama	Fakulti	Seminar/ Persidangan	Anjuran	Tarikh
12.	Tn. Syed Salim Syed	FSU	Seminar Zakat: Sumber- -Sumber yang Diiktiraf	Institut Kajian Zakat Malaysia	29 Nov. 2004
13.	Pn. Syahirah Abdul Shukor	FSU	The 1 st National Seminar on Qualitative Research 2004: "Practicing Qualitative Research",		
14.	Dr. Iehsan M. Hasen Dr. Afaf A. Ghafoor Hameed Dr. Adel M. Abdulaziz Dr. Mahmoud Mohamed Ali Dr. Farida Zouzou Pn. Nik Salida Suhaila Nik Saleh En. Abdul Manan Ismail Pn. Syahirah Abdul Shukor Pn. Farah Salwani Muda @ Ismail	FPQS FPQS UBA FSU FSU FSU FSU FSU FSU	International Seminar on Islamic Islamic Thought (ISOIT) FPQS	Fakulti Pengajian Islam UKM	7 – 9 Dis. 2004
15.	Prof. Dr. Muhamad Muda	FEM	Ke Arah Melahirkan Kepimpinan dan Keusahawanan Strategik	Maktab Kerjasama Malaysia (MKM)	13 Dis. 2004
16.	Dr. Lehsan M. Hasen Cik Syaryanti Hussin Dr. Farida Zouzou Dr. Mohamed Sharif Bechir Dr. Mahmoud Mohamed Ali	FPQS FSU FSU FSU FEM	International Conference on Poverty in the Muslim World & Communities: Causes and Solutions	UIAM	14 – 15 Dis.
17.	En. Mushaddad Hasbullah En. Irwan Mohd Subri Pn. Nik Salida Suhaila Nik Saleh Cik Syaryanti Hussin Pn. Nursilah Ahmad	FSU FSU FSU FEM FSU	Seminar Kebangsaan Usul Fiqh (SUFI 2004)	FSU	15 – 16 Disember 2004

Jadual 8 : Kakitangan Akademik Yang Membentangkan Kertas Kerja Dalam Negara



Hal Ehwal Akademik

Bil.	Nama	Fakulti	Tajuk Persidangan	Anjuran	Tarikh
1.	Dr. Alina Abdul Rahim	FST	4 th Asian Conference on Food and Food and Nutrition Safety	International Life Sciences Institute (ILSI) Bogor Agriculture University	1 – 6 Mac 2004
2.	En. Irwan Mohd Subri En. Abdul Manan Ismail	FSU	Fenomena Talak: Sebab, Kesan dan Penyelesaiannya	Universiti Syariaqah, United Arab Emirates	21 – 22 April 200
3.	Pn.Asma Abdul Rahman	UBA	Insights Into The Future The 9 th Annual Academic International Conference Jordan	Universiti Philadelphia (Jordan) dan Kementerian Pendidikan	26 – 28 April 2004
4.	En. Abd Hamid Abd Murad	FSU	1 st International Conference on Lawyers Ethics: New Perspectives on Professionalism Educating and Regulating Lawyers or the 21 st Century	Institute of Arabic and Islamic Studies, University of Exeter	6 – 7 Julai 2004
5.	En. Azman Ab Rahman	FSU	Persidangan Isu-Isu Semasa Kewangan Menurut Pandangan Islam	Kuliah Syariah Universiti Al-Zarqa' Al-Ahliyyah, Jordan	10 – 12 Ogos 2004
6.	Pn. Farah Salwani Muda @ Ismail	FSU	Seminar Antarabangsa Agama dan Agama dan Pembangunan (UNTAG), Surabaya	Fakulti Pengajian Islam UKM & Universitas 17 Agustus 1945	22 – 25 Ogos 2004
7.	Prof. Dr. Nik Mohd Nasri Nasri Nik Ismail	FPSK	12 th Annual Convention of the Phillipines Society of Climacteric Medicine	Phillipine Society of the Phillipines Society	17 – 19 Sept. 2004
8.	Pn. Asma Abdul Rahman	UBA	International Conference on Information Literacy “Information, Learning, Innovation: Delivering Global Knowledge	Universiti Brunei Darussalam dan Kementerian Pendidikan	4 – 7 Okt. 2004
9	Prof. Dr. Muhamad Muda	FEM	International Symposium on “Globalization and Its Implications the Muslim Communities in Economics on the Muslim	Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization (ISESCO)	21 – 22 Nov. 200

Jadual 9 : Kakitangan Akademik Yang Membentangkan Kertas Kerja Luar Negara

Nota:

- FKP : Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
 FSU : Fakulti Syariah dan Undang-undang
 FEM : Fakulti Ekonomi dan Muamalat
 FPQS : Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
 FST : Fakulti Sains dan Teknologi

- FPSK : Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
 UPU : Unit Pengajian Umum
 UBA : Unit Bahasa Arab
 UBI : Unit Bahasa Inggeris

Hal Ehwal Akademik

Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD)

Idea awal penubuhan INFAD dicetuskan oleh Y.Bhg. Tan Sri Dr. Mohd Yusof Hj Mohd Noor, Pengurus Lembaga Pengarah (LPU) KUIM. Hasrat penubuhan INFAD oleh KUIM telah diumumkan kepada orang ramai melalui sidang akhbar pada 6 Ogos 2002. Penubuhan INFAD adalah selaras dengan perancangan KUIM untuk mewujudkan beberapa pusat kecemerlangan dan seiring dengan matlamat penubuhan KUIM iaitu bagi meneroka dan mengembalikan tradisi keilmuan Islam yang unggul bersesuaian dengan persekitaran dan teknologi terkini. INFAD dirasmikan pada 26 Mei 2003 oleh Y.Bhg. Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid Hj. Zainal Abidin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada waktu itu.

Misi

INFAD berhasrat menjadi sebuah institusi penyelidikan, perundingan dan pusat pengurusan maklumat berkaitan fatwa bertaraf dunia yang terkehadapan dan berwibawa serta dikenali dan mendapat pengiktirafan semua peringkat sama ada tempatan, serantau atau antarabangsa.

Matlamat Penubuhan INFAD:

- Menjadi pusat rujukan dan pengurusan maklumat utama berkaitan fatwa seluruh dunia yang lengkap, sistematik dan terkini yang boleh diperolehi dengan mudah dan cepat dengan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi terkini, serta mempunyai rangkaian perhubungan dan kerjasama dengan institusi-institusi fatwa dan institusi lain yang berkaitan sama ada di Malaysia mahu pun di seluruh dunia.
- Menjadi pusat penyelidikan dan perundingan yang berwibawa berkaitan berbagai-bagai aspek fatwa dan menawarkan perkhidmatan kepakaran dan penyediaan

input secara profesional kepada masyarakat, badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan serta pihak-pihak lain yang berminat bagi memperkuatkkan fungsi dan governan institusi-institusi fatwa.

- Mewujudkan Perkongsian Pintar dan dialog intelek dengan tokoh-tokoh ilmuan dan pihak yang berkenaan dari institusi-institusi fatwa dan yang berkaitan dari Malaysia atau luar negara mengenai persoalan fatwa bagi mewujudkan persefahaman dan memantapkan lagi institusi fatwa.

Struktur Pentadbiran

Struktur pentadbiran INFAD diketuai oleh seorang Pengarah dan dibantu oleh Timbalan Pengarah dan seorang Penolong Pendaftar serta seorang Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi) dan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan). Buat masa ini, Y.Bhg. Prof. Dr. Hj. Abdul Samat Musa yang merupakan Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang telah dilantik sebagai Pemangku Pengarah INFAD.

Pada masa ini, terdapat tujuh orang Penyelaras yang mengetuai 7 Bahagian di bawah INFAD. Iaitu:

- Bahagian Penyelidikan
- Bahagian Perundingan dan Khidmat Kepakaran
- Bahagian Perhubungan dan Rangkaian Antarabangsa
- Bahagian Penerbitan
- Bahagian Seminar dan Wacana
- Bahagian Sumber dan Dokumentasi
- Bahagian ICT dan Sistem Pengurusan Fatwa

Satu Bahagian lagi yang dikenali sebagai "Bahagian Pembangunan Ijtihad" telah dipersetujui ditubuhkan di bawah INFAD. Penubuhan bahagian ini adalah selaras dengan keputusan Lembaga Pengarah (LPU) KUIM di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 4/04 pada 6 Ogos 2004 lalu yang bertujuan untuk meneliti dan mengkaji fatwa-fatwa atau ijtihad terdahulu dengan mengambil kira perkembangan dunia semasa.

Hal Ehwal Akademik

Aktiviti INFAD

Penyelidikan

Bagi tahun 2004 ini, penyelidikan yang telah selesai dijalankan di bawah INFAD ialah penyelidikan yang bertajuk **Kepakaran Perubatan Dalam Proses Mengeluarkan Fatwa di Malaysia** oleh En. Irwan Mohd Subri, En. Abdul Manan Ismail, Dr. Farida Zou Zou dan Cik Syaryanti Husin.

Disamping itu, sebanyak 7 buah lagi projek penyelidikan lain yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Penyelidikan Universiti, dan telah mula dijalankan. Kesemua projek penyelidikan dilakukan oleh Felo INFAD dan para pensyarah KUIM.

Tajuk-tajuk penyelidikan adalah seperti berikut:

- a) Pengurusan Fatwa di Malaysia
- b) Pengurusan Fatwa di Singapura
- c) Pengurusan Fatwa di Negara Brunei Darussalam
- d) Pengurusan Fatwa di Indonesia
- e) 'The Role of Fatwa in the Islamic Banking and Financial Institutions in Malaysia'
- f) The Usage of ICT in Fatwa Management in Malaysia'
- g) Pengurusan Fatwa di Kemboja

Aktiviti penyelidikan berkaitan pengurusan fatwa bagi perancangan jangka panjang akan dilakukan di seluruh dunia. Walau bagaimanapun, pada tahap pertama ini, tumpuan akan diberikan kepada negara-negara Asean.



Perundingan Dan Khidmat Kepakaran

Kertas cadangan Modul Latihan Pengurusan Fatwa telah disediakan dan dalam proses penambahbaikan. Ia bertujuan mengumpulkan maklumat daripada organisasi dari dalam dan luar negara yang pernah mengadakan latihan sedemikian bagi tujuan penandaarasan. Modul latihan ini adalah bertujuan untuk memberi latihan kepakaran secara tersusun kepada para mufti dan pegawai yang berkaitan dengannya sama ada untuk jangka masa panjang maupun jangka masa pendek.



Perhubungan dan Rangkaian Antarabangsa

INFAD telah menerima Lawatan Prof. Dr. Muhammad Al-Zuhaily, Dekan Fakulti Syariah dan Pengajian Islam, Universiti Al-Shariqah, UAE pada 31 Julai 2003.

Pada 5 Oktober 2004, INFAD telah menjemput secara rasmi, Mufti Kemboja ke KUIM bersempena rangka lawatan beliau ke Malaysia. Jemputan tersebut khusus bagi mendapatkan maklumat berhubung pengurusan fatwa di Kemboja, di samping menjalankan hubungan erat antara INFAD dengan pihak Mufti Kerajaan Kemboja.

Hal Ehwal Akademik

Disamping rancangan kerjasama diperingkat antarabangsa, INFAD telah menyusun jadual untuk membuat lawatan ke setiap Pejabat Mufti Negeri di Malaysia bagi menjalankan hubungan dua hala yang lebih erat antara INFAD dan Jabatan Mufti.

Dalam rangka lawatan tersebut INFAD telah memulakan sesi lawatan dengan membuat kunjungan ke: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur pada 16 Februari 2004.

Pejabat Mufti Negeri Johor pada 6 Oktober 2004.

Penerbitan

Bagi tahun 2003, INFAD telah berjaya menerbitkan dua (2) siri Buletin INFAD iaitu Jilid 1 Bil. 1 pada bulan Ogos 2003 dan Jilid 1 Bil. 2 pada bulan Disember 2003. Manakala pada tahun 2004, INFAD juga telah berjaya menerbitkan dua (2) siri Buletin INFAD iaitu Jilid 2 pada bulan Disember 2004. Bahagian Penerbitan INFAD juga sedang dalam proses untuk menerbitkan Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa yang meliputi pelbagai aspek yang berkaitan Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa yang bertaraf antarabangsa. Penerbitan Jurnal ini telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penerbitan KUIM yang diadakan pada 22 November 2004.

Sepanjang tahun 2003 dan 2004, INFAD juga telah menerbitkan pamphlet, booklet dan bahan-bahan maklumat lain yang dikeluarkan khas dalam tiga (3) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab bagi tujuan meningkatkan citra INFAD iaitu sesuai dengan peranannya di peringkat global.

Seminar Dan Wacana

INFAD telah mengadakan Siri Wacana Pertama "Pengurusan Fatwa di Malaysia dan Indonesia" pada **31 September 2003**, bertempat di Hotel De Palma, Ampang. Wacana ini melibatkan pihak-pihak luar berkaitan isu-isu pengurusan fatwa.

INFAD juga telah mengadakan Wacana Khas INFAD bertajuk '**INFAD, Kini dan Masa Depan**'

pada **26 Jun 2004**, bertempat di Hotel Nikko, Kuala Lumpur. Wacana ini dihadiri oleh para mufti dan tokoh dari berbagai-bagai institusi yang berkaitan. Wacana ini merupakan majlis percambahan fikiran bagi membolehkan INFAD mendapat input-input yang bernas bagi penambahbaikan secara berterusan disamping dapat membawaikan idea perancangan INFAD pada masa akan datang.

Sumber Dan Dokumentasi

Pada awal tahun 2004, INFAD telah menubuhkan Unit Penterjemahan Fatwa INFAD bagi melakukan kerja-kerja penterjemahan fatwa yang telah dikeluarkan sama ada ke dalam bahasa Melayu, Arab atau Inggeris. Ia bertujuan untuk dimasukkan ke dalam Sistem Maklumat Fatwa (FMS). Pada masa ini, jawatankuasa terjemahan telah merealisasikan terjemahan Koleksi Fatwa Kebangsaan, terbitan JAKIM untuk dimasukkan ke dalam FMS. Disamping itu juga, INFAD sedang menjalankan usaha mengumpul dan mengklasifikasikan semua fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan di Malaysia dan sedang aktif mengumpulkan maklumat berhubung biodata, sejarah dan susur galur mufti bagi setiap negeri dengan dibantu oleh pihak pentadbiran INFAD untuk dikemaskinikan dalam satu sistem yang lengkap.

ICT & Sistem Pengurusan Fatwa

Majlis menandatangani perjanjian (MoA) dengan Syarikat INNOVATION bagi menubuhkan Sistem Pengurusan Fatwa yang dikenali sebagai (FMS) telah diadakan pada **10 September 2003**. FMS akan dilancarkan sempena Seminar Pengurusan Fatwa di Negara-Negara ASEAN yang dijangka diadakan pada bulan Julai 2005. Penyediaan FMS adalah selaras dengan hasrat INFAD untuk menjadi pusat rujukan maklumat berkaitan fatwa seluruh dunia. Pembinaan FMS bermula dengan penyediaan Prototaip "Fatwa Management System" yang diperkenalkan kepada umum di pameran bersempena persidangan negara-negara Islam (OIC) di Putrajaya pada **14 - 19 Oktober 2004**.

Hal Ehwal Akademik

Perancangan Strategik

INFAD juga telah mengadakan Bengkel Perancangan Strategik dan Pelan Tindakan INFAD 2005-2015 pada **8-10 Oktober 2004** yang lalu bertempat di Hotel Century Mahkota, Melaka selama 3 hari 2 malam. Bengkel ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Dato' Rektor dan dihadiri oleh pihak Pentadbiran INFAD termasuk Pemangku Pengarah, Timbalan Pengarah, Para Penyelaras INFAD, Felo-Felo Penyelidik INFAD serta kakitangan Am Pentadbiran. Bengkel ini turut menjemput Y. Bhg. Prof. Dr. Mohd. Yusof Hj. Othman (Pengarah Pusat Penyelidikan, UKM) sebagai penceramah jemputan bagi memberikan gambaran berhubung haluan strategik dan perancangan penyelidikan jangka panjang INFAD.





HAL EHWAL PELAJAR

• 2004

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

Hal Ehwal Pelajar

Kaunseling

Sepanjang tahun 2004, 145 sesi pertemuan telah dijalankan. Sebanyak 24 pertemuan daripada jumlah tersebut adalah berkaitan dengan sesi kaunseling dan 121 merupakan lain-lain jenis pertemuan. Pertemuan dengan pelajar dikendalikan secara individu dan kelompok. Pertemuan dilaksanakan melalui temujanji dan juga pertemuan secara terus.

Penajaan

Pelajar-pelajar Kolej Universiti Islam Malaysia menerima bantuan pinjaman, biasiswa dan dermasiswa daripada pelbagai agensi.



Jadual berikut menunjukkan taburan penajaan dan jumlah pelajar yang ditaja mengikut tahun pengajian bagi sesi 2004/2005.

Bil.	Penaja	Fakulti			Jumlah
		1	2	3	
1	Biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	40	28	44	112
2	Biasiswa BIMB-KUIM	4	0	0	4
3	Biasiswa Tabung Ehsan	3	0	0	3
4	Biasiswa				
5	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	0	0	3	3
6	Pinjaman				
7	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	0	0	19	19
8	Biasiswa Kerajaan Negeri Sembilan	1	0	0	1
9	Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah	0	0	1	1
10	Dermasiswa Kerajaan Negeri Selangor	0	0	2	2
11	Pinjaman Kerajaan Negeri Selangor	0	0	4	4
12	Pinjaman Kerajaan Negeri Sarawak	0	0	1	1
13	Pembangunan Keluarga	0	0	10	10
14	Pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	542	522	383	1454
15	Yayasan/Pertubuhan Lain	0	0	3	3

Hal Ehwal Pelajar

Klinik Kaunseling: Personaliti Type A atau B ?

Klinik ini bertujuan untuk mengenali jenis-jenis personaliti dan sikap yang dimiliki oleh seseorang individu berdasarkan ujian yang dijalankan ke atas mereka. Klinik ini telah dijalankan pada 4 hingga 13 Februari 2004 dan penyertaannya terbuka kepada para pelajar dan kakitangan Kolej Universiti Islam Malaysia dan ia amat menekankan kepentingan ujian tersebut kerana ianya berkait dengan isu tekanan dan sakit yang berhubung kait dengan tekanan.

Program Pengantarabangsaan

Program pengantarabangsaan merupakan antara rancangan tahunan yang dirangka khas oleh Bahagian Hal-Ehwal Pelajar untuk membawa mahasiswa terus melangkah jauh ke seantero dunia. Program ini merupakan keperluan yang harus dipenuhi dan digarapi sepenuhnya oleh mahasiswa sebagai salah satu pendekatan bagi pengembangan pembangunan sahsiah. Delegasi pertama telah bermula di **kampung Keh Kampot Kemboja pada 25 Mac 2004**. Program ini dijayakan sepenuhnya oleh Bahagian Hal-Ehwal Pelajar dan Majlis Perwakilan Pelajar serta kumpulan pelajar yang dipilih menjadi urus setia perlaksana.

Aktiviti Pelajar

Sepanjang tahun 2004 pelbagai aktiviti telah dijalankan oleh Bahagian Hal – Ehwal Pelajar bagi meningkatkan pembangunan sahsiah pelajar, antaranya ialah:

Mahrajan Kerjaya 2004

Mahrajan Kerjaya kali kedua telah berlangsung pada 14 hingga 16 Januari 2004 di Tingkat 11, Menara B. Pengisian program ini adalah seperti Bengkel Imej dan Personaliti, Seminar Kerjaya, Bengkel Menghadapi Temuduga, Resume Writing Workshop dan lain-lain lagi. Agensi kerajaan dan swasta turut dijemput untuk mengadakan pameran kerjaya yang berlangsung selama tiga hari ini.

Program yang merupakan agenda tahunan Unit Kaunseling dan Pembangunan Sahsiah turut mempunyai objektifnya yang tersendiri.

Antaranya adalah untuk memberikan kesedaran kepada pelajar mengenai minat dan kecenderungan kerjaya mereka, memberikan pendedahan tentang betapa pentingnya persediaan awal menghadapi dunia kerjaya dan menyediakan diri pelajar secara mental dan fizikal melalui latihan kemahiran, bengkel imej dan personaliti dan sebagainya. Di samping itu, program ini turut menyediakan ruang percambahan dan cetusan idea supaya pelajar lebih kreatif di dalam mencari kerjaya yang sesuai.

Pameran Pembimbing Rakan Universiti (PRU)

Pameran ini telah diadakan pada 21 hingga 22 Jun 2004 di ruang legar Tingkat 10, Menara B, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM). Ia bertujuan untuk memperkenalkan peranan dan fungsi itu Pembimbing Rakan Universiti



Hal Ehwal Pelajar

(PRU) khususnya kepada pelajar-pelajar tahun satu yang baru mendaftar pada 13 Jun 2004 di samping mengiklankan permohonan untuk perlantikan baru Pembimbing Rakan Universiti sesi 2004/2005.

Bengkel Pembelajaran Efektif (BPE)

Bengkel ini telah diadakan sepanjang bulan Julai 2004, sebagai satu pengisian sebelum menghadapi peperiksaan. Fasilitator terdiri daripada Pembimbing Rakan Universiti. Bengkel ini dibuka kepada para pelajar yang inginkan bantuan di dalam pembelajaran mereka.

Operasi Khidmat Masyarakat (OPKIM REMBAU)

OPKIM Rembau merupakan anjuran Kelab Penyayang Kolej Universiti Islam Malaysia dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar KUIM, Kelab Wardah KUIM dan Jawatankuasa Sirih Pulang Ke Gagang Kampung Bongek, Rembau pada 2 hingga 4 Julai 2004. Program ini melibatkan Kawasan DUN Kota, Rembau, Negeri Sembilan dan sebanyak 8 buah kampung telah terlibat. Program ini antara lain adalah untuk memupuk sikap penyayang serta tanggungjawab di antara mahasiswa/mahasiswi dengan masyarakat dalam menangani permasalahan yang wujud dalam kehidupan serta mendedahkan dan memantapkan mahasiswa/ aktiviti kemasyarakatan sebagai persediaan awal untuk mendepani masyarakat kelak.



Seminar Persediaan Graduan

Seminar Persediaan Graduan telah dianjurkan oleh Unit Kaunseling dan Pembangunan Sahsiah dengan kerjasama Pembimbing Rakan Universiti (PRU) pada 24 Julai 2004 di BK1 – BK 5, Menara B, KUIM. Seminar ini diadakan bertujuan menyediakan bakal graduan KUIM yang kini berada pada tahun akhir supaya lebih bersedia menghadapi dunia kerjaya apabila tamat pengajian kelak.

Program Pembangunan Mahasiswa – Kursus Biro Tatanegara (BTN)

Kursus Biro Tatanegara ini telah diadakan pada 7 hingga 11 Ogos 2004 di Kem Martawangsa, Beranang, Selangor Darul Ehsan. Kursus selama lima hari empat malam ini telah disertai oleh 120 orang mahasiswa/mahasiswi tahun dua. Program Pembangunan Mahasiswa ini diadakan bertujuan untuk membina ketahanan dan semangat sepasukan di kalangan pelajar serta memberikan input-input semasa yang berkaitan dengan kenegaraan.

Kursus Pra-Perkahwinan

Kursus Pra-Perkahwinan anjuran Pembimbing Rakan Universiti (PRU) dengan kerjasama pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) merupakan salah satu program tahunan unit ini. Ia telah diadakan pada 4 hingga 5 September 2004 di DK 4, Tingkat 10, Menara B, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM). Penyertaan dibuka kepada pelajar-pelajar dan kakitangan KUIM sendiri.



Hal Ehwal Pelajar

Bengkel Temuduga

Bengkel Temuduga anjuran Unit Kaunseling dan Pembangunan Sahsiah dengan kerjasama Pembimbing Rakan Universiti telah diadakan dengan jayanya pada 18 September 2004.

Di dalam bengkel tersebut, mahasiswa/i yang terlibat telah didedahkan tentang persediaan yang perlu dilakukan di dalam menghadapi temuduga termasuk penampilan imej yang sesuai serta kemahiran komunikasi dan keyakinan turut ditekankan.

Bengkel Penulisan Resume

Bengkel Penulisan Resume, salah satu program bersiri yang dirancang di bawah siri Mahrajan Kerjaya kali ke-3 telah dijalankan bermula 13 hingga 31 Disember 2004. Bengkel yang diadakan di makmal iNet ini bertujuan untuk memberi taklimat berkenaan penulisan resume yang efektif dan memberi tips yang perlu ada dalam menghasilkan resume untuk diaplikasikan oleh mahasiswa/wi dalam memohon pekerjaan kelak. Bengkel ini dikendalikan oleh Pembimbing Rakan Universiti dengan kerjasama Unit Bahasa Inggeris.

Seminar Aplikasi Teknologi Maklumat Dalam Setting Pekerjaan

Seminar Aplikasi Teknologi Maklumat Dalam 'Setting' Pekerjaan telah berlangsung pada 11 Disember 2004. Seminar ini merupakan anjuran Unit Kaunseling dan Pembangunan Sahsiah dengan kerjasama Pembimbing Rakan Universiti yang telah dihadiri oleh 200 orang peserta. Program ini diadakan bertujuan untuk mendedahkan kepada mahasiswa/i Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) tentang penggunaan teknologi maklumat dalam 'setting' pekerjaan. Selain itu, ia juga memberi peluang kepada mahasiswa/i berkongsi pengalaman dengan para jemputan serta menyedari kepentingan teknologi maklumat di alam pekerjaan kelak.

Kempen Bulan Bahasa Peringkat Universiti

Kempen Bulan Bahasa merupakan program yang dirangka khas untuk meningkatkan kesedaran mahasiswa Kolej Universiti Islam Malaysia terhadap kepentingan penguasaan Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab yang menjadi bahasa pengantar universiti. Kempen yang berlangsung pada 5 Disember 2003 hingga 17 Februari 2004 telah dilancarkan oleh YDP KUIM ini menerima sambutan yang menggalakkan dari para peserta. Kempen ini menggunakan pelbagai medium pendekatan seperti pertandingan kuiz, nasyid, penulisan esei dan sebagainya.

Karnival Debat & Kejohanan Debat Antara Fakulti

Karnival Debat KUIM adalah satu program yang dirancang untuk memperkenalkan arena perdebatan kepada mahasiswa khususnya tahun 1. Antara aktiviti lain yang turut dijalankan ialah Pertandingan Debat Antara Fakulti Kategori Bahasa Melayu, Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris, Bengkel Kemahiran Debat, Pameran Debat dan sebagainya. Seramai 35 orang pelajar menyertai kategori Bahasa Melayu, 28 orang Bahasa Inggeris dan 21 Bahasa Arab, manakala hakim yang terlibat ialah 32 orang.

Bakti Siswa Perdana Rakan Muda IPTA (BAKSIS PERDANA 2004)

Program khidmat masyarakat ini atau nama ringkasnya Baksis Perdana 2004, telah berlangsung di Kg. Alor Selinsing, Jertih Besut Terengganu.



Hal Ehwal Pelajar



Seramai 40 orang pelajar terlibat dalam menjayakan perlaksanaan program yang membawa tema 'Membina Kehidupan Sempurna, Pemuda Inspirasi Negara – YAKIN BOLEH'. Program ini bertujuan untuk meningkatkan penghayatan masyarakat Islam terhadap teras kehidupan yang lebih bersistematis. Majlis Perasmian Penutup telah disempurnakan oleh YB Dato' Dr Abdullah Muhammad Zin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, manakala Majlis Penyerahan Keluarga Angkat telah diserahkan oleh Y. Bhg. Prof. Dr. Mohammad Hj. Alias (Timb. Rektor HEP dan pembangunan)

Bengkel Muzik Pergendangan Siri 2/2004

Bengkel Muzik Pergendangan Siri 2/2004 yang dihadiri oleh 40 orang peserta telah memperlihatkan kelainan apabila peserta diberi penerangan tentang industri muzik luar negara iaitu negara Eropah dan Timur Tengah. Sebagai mahasiswa di bidang pengajian Islam, KUIM perlu menjadi saluran hebatan muzik berunsur Islam sesuai dengan *niche* KUIM sebagai sebuah universiti yang berteraskan pendidikan Islam.

Baca Puisi IPT 2004

Program 'Baca Puisi IPT 2004' telah diadakan pada 14 Julai 2004 dan merupakan program yang julung kali diadakan dengan menempatkan KUIM sebagai tuan

rumah kedua anjuran Berita Harian (M) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka. Antara penyair yang dijemput ialah Diani, Khalid Salleh, Ahmad Syukri Abdullah dan A. Ghafar Ibrahim (Agil) dan beberapa orang kakitangan KUIM turut serta mendeklamasi puisi pada malam tersebut. Program ini telah dirasmikan oleh Y. Bhg. Prof. Dr. Mohamed Asin Bin Dollah (Timbalan Rektor Akademik dan Penyelidikan).

Bengkel Seni Khat

Bengkel Seni Khat 2004 telah dilaksanakan dengan jayanya pada 17 Julai 2004 bertempat di Menara B, Kolej Universiti Islam Malaysia. Bengkel yang julung kali diadakan ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada mahasiswa. Penceramah jemputan yang diundang ialah Ustaz Taqiuddin Abdurrahman daripada Yayasan Restu.



Hal Ehwal Pelajar

Kejohanan Debat Bahasa Arab 2004

Kejohanan Debat Bahasa Arab 2004 telah memberi wadah baru dalam arena perdebatan kalangan pelajar KUIM. Dalam kejohanan Debat Bahasa 2004, pasukan KUIM merangkul JUARA apabila berjaya menewaskan pasukan tuan rumah UKM pada pertandingan yang diadakan di Dewan Tunku Canselor (DECTAR) UKM. Pendebat terbaik dimenangi oleh Mohamad Zaharuddin Zakaria daripada KUIM.

Pertandingan Debat Kefahaman Islam IKIM

Pusingan awal Pertandingan Debat Kefahaman Islam anjuran IKIM telah diadakan pada 29 November hingga 14 Disember 2004. Pertandingan ini telah disertai 13 buah IPTA dan Pasukan KUIM telah berjaya menjadi juara kumpulan B setelah menewaskan pasukan debat UIAM yang merupakan pasukan juara bertahan tahun 2003. Pertandingan akhir telah berlangsung pada 14 Disember di Dewan Besar IKIM. Pasukan KUIM telah menjadi Naib Johan dan memenangi Hadiah Wang Tunai sebanyak RM10,000 dan sijil penyertaan.

Kursus Pengurusan dan Kepimpinan Mahasiswa (SMARTlead)

Kursus Pengurusan dan Kepimpinan Mahasiswa (SMARTlead) telah menghimpunkan peserta seramai 35 orang dengan diiringi bersama 10 orang fasilitator dan urus setia terdiri daripada Pegawai Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Majlis Penutup dan Penyampaian sijil



kepada peserta program telah disampaikan oleh Y. Bhg. Prof. Dr. Mohammad Hj. Alias (Timbalan Rektor HEP & Pembangunan) KUIM.

Pertandingan Seni Persembahan Islam (iiPAC)

Pertandingan Seni Persembahan Islam Antara Institusi Pengajian Tinggi 2004 (iiPAC) telah berlangsung selama empat hari bermula 15 –18 Disember 2004 bertemakan 'Sounds Of Heart'. Perasmian iiPAC telah disempurnakan oleh Puan Sermaini Pien, Pengarah Pejabat Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri Selangor. KUIM turut menghantar peserta ke pertandingan Nyanyian (Nasyid) berkumpulan dan Seni Khat. Saudara Mohd Firdaus Mahadi (KUIM) telah menjadi Johan Pertandingan Seni Khat yang berlangsung pada 18hb Disember 2004, manakala kumpulan Nasyid KUIM I' Tiraf telah mendapat tempat ketiga, daripada tujuh penyertaan.

Majlis Anugerah Seni MAKUM 2004

Majlis Anugerah Seni MAKUM 2004 yang diadakan pada 20 Disember 2004 bertempat di Holiday Villa, Alor Setar Kedah merupakan acara gemilang MAKUM setiap tahun bagi memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada mahasiswa/ mahasiswi universiti khususnya IPTA yang telah banyak memberi sumbangan dalam aktiviti kesenian serta mengharumkan nama universiti. Saudari Raihan Jaapar, pelajar tahun 3 telah julung kali disertai KUIM. Saudari Raihan Jaapar, pelajar tahun 3 telah terpilih untuk menerima anugerah tokoh Budayawati yang julung kali disertai KUIM.



Hal Ehwal Pelajar

Sukan Dan Rekreasi

Pada tahun 2004, pelbagai aktiviti sukan telah diadakan. Sejajar dengan objektif unit sukan dan rekreasi iaitu segala aktiviti yang dianjurkan adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan para pelajar yang sentiasa inginkan cabaran dan mencari pengalaman baru.

Kursus Induksi Urus Setia Sukan & Rekreasi Pelajar

Unit Sukan & Rekreasi telah menganjurkan Kursus Induksi Urus Setia Sukan & Rekreasi Pelajar pada 5 hingga 9 Januari 2004 bertempat di PDS Resort, Pasir Panjang, Port Dickson, Negeri Sembilan. Kursus ini telah disertai oleh 30 orang pelajar yang terpilih dan terdiri daripada 17 orang pelajar lelaki dan 13 orang pelajar perempuan. Program ini turut disertai oleh dua orang kakitangan iaitu En. Nur Ekmal Buhary dan En. Sulaiman Hassan.

Sukan Jalinan Mesra

Unit Sukan & Rekreasi HEP KUIM telah menganjurkan Sukan Jalinan Mesra (SJM) 2004 pada 26 Jun 2004. Sukan Jalinan Mesra kali ketiga ini dianjurkan bertujuan untuk meraikan para pelajar baru KUIM sesi pengajian 2003/2004 yang telah mendaftar pada 1 Jun yang lalu dan melibatkan acara bola sepak, bola jaring dan bola tampar. Ia juga menjadi kayu pengukur kepada bakat dan penampilan pelajar baru yang akan dipilih bagi persediaan pasukan univeristi dalam aktiviti sukan IPTA.

Ekspedisi Gunung Tebu


Program yang telah diadakan ini adalah anjuran Urus Setia Sukan & Rekreasi Pelajar dengan kerjasama Unit Sukan & Rekreasi Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Ekspedisi pendakian Gunung Tebu telah diadakan pada 3 hingga 6 April 2004 bertempat di Besut, Terengganu. Seramai 30 orang yang telah terlibat dalam ekspedisi ini, termasuk 2 orang pegawai, 10 orang pelajar lelaki dan 18 orang pelajar perempuan. Ekspedisi ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada mahasiswa/i ke arah kemahiran pendidikan luar dan rekreasi, serta sebagai pengimbang sahsiah dan disiplin diri.

Sukan Antara Fakulti (SUFA)

Unit Sukan dan Rekreasi HEP KUIM telah menganjurkan Sukan Antara Fakulti (SUFA) 2004 bermula dari 5 Julai hingga 24 Ogos 2004. SUFA 2004, disertai oleh para pelajar Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Fakulti Al-Quran dan Sunnah, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan serta Fakulti Syariah dan Undang-undang.

Selain daripada itu, pasukan kakitangan KUIM turut bertanding sebagai pasukan jemputan. Acara SUFA 2004 yang dipertandingkan termasuklah acara Bola Sepak, Bola Jaring, Sepak Takraw, Ping Pong, Bola Baling, Badminton, Bola Tampar dan Catur. Fakulti Ekonomi dan Muamalat berjaya meraih Juara Keseluruhan SUFA 2004.





HAL EHWAL PENTADBIRAN FAKULTI

• 2004

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA



Hal Ehwal Pentadbiran Fakulti

Fakulti Syariah dan Undang - Undang

Tahun 2004 merupakan tahun aktif bagi Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) berbanding dari tahun-tahun sebelumnya berikutan kepadatan aktiviti pelajar dan akademik serta cadangan beberapa program akademik yang baru. Disamping itu juga, penglibatan tenaga akademik di dalam penyelidikan Universiti, persidangan dan penerbitan turut menyumbang ke arah pemantapan dan kemajuan fakulti ini. Pencapaian ini membuktikan Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) sedang melangkah kehadapan untuk turut sama bersaing dengan mana-mana fakulti lain sama ada dari Universiti ini atau universiti yang lain. Ini terbukti apabila FSU diberi kepercayaan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dengan sokongan pihak Universiti untuk menawarkan program profesional dua pengkhususan iaitu Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang Dengan Kepujian pada tahun 2005 nanti.

Kejayaan memperolehi pensijilan MS ISO 9001:2000 pada tahun 2004 juga memberi motivasi kepada FSU untuk terus memantapkan Pentadbiran dan Pengurusan Akademik. Pihak fakulti juga telah menjadikan proses penambahbaikan sebagai matlamat pencapaian ke arah pemantapan dan pembangunan fakulti ini. Sehubungan itu " Penandarasan " sering dijadikan pengukur bagi memastikan fakulti terus kukuh dan cemerlang.

Pertambahan Kakitangan Akademik

Sehingga tahun 2004, jumlah kakitangan akademik di FSU adalah seramai 28 orang yang mempunyai kepakaran dalam bidang Syariah dan bidang Undang-Undang. Dua daripadanya sedang menyambung pengajian diperingkat Sarjana dan Doktor Falsafah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Nama Program		Bil. Pelajar Mendaftar
1	Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman Dengan Kepujian	434 orang (Tahun 1=141 org, Tahun 2=157 org, Tahun 3= 136 org)
2	Sarjana Syariah dan Kehakiman	13 Orang
3	Doktor Falsafah Syariah dan Kehakiman	4 Orang

Jadual 10 : Bilangan Pelajar Yang Mendaftar di FSU

Perkembangan Program Baru

Sepanjang tahun 2004, terdapat empat program pengajian yang telah diluluskan dan satu program masih dalam peringkat pertimbangan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi iaitu :

Nama Program	Sesi Pengambilan	Status
Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang Dengan Kepujian	2005/2006	Telah Diluluskan
Tamhidi Syariah dan Undang-Undang	2005/2006	Telah Diluluskan
Ijazah Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa Dengan Kepujian	2005/2006	Telah Diluluskan
Diploma Amalan Kehakiman dan Guaman Syarie	2005/2006	Masih di dalam peringkat mendapat kelulusan Jabatan Pendidikan Tinggi

Jadual 11 : Perkembangan Program Baru

Hal Ehwal Pentadbiran Fakulti

Program Yang Ditawarkan Dan Bilangan Pelajar

Pada tahun 2004, FSU masih lagi menawarkan satu program peringkat pra-siswazah dan dua program diperingkat Siswazah.

Matiamat utama program-program ini ditawarkan adalah untuk melahirkan graduan yang berkemahiran secara profesional dan mampu memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara.

Sehingga Disember 2004, FSU telah menganjurkan empat diskusi bersiri secara dalaman. Beberapa tajuk telah dibentangkan di dalam diskusi ini oleh pensyarah FSU. Antara tajuk yang dibentangkan ialah:

- *Child Care Centre Act- Revisited*
- *Child Victims of Sexual Abuse :*
- *Rehabilitation Issues*
- *E-Commerce and Consumerism :*
- *A Preliminary Study Based On Islamic Law*
- Pengaplikasian Kaedah Fiqh Dalam Isu Perubatan

- Langkah Pencegahan SARS : satu Masalah *Genetically Modified Food : A Shari'ah Perspective* Ke arah Memperkasakan Institusi Kehakiman Syariah di Malaysia

Disamping mengadakan diskusi secara dalaman, FSU juga menggalakkan kakitangan akademiknya menghadiri persidangan atau seminar sama ada seminar anjuran KUIM atau IPTA-IPTA tempatan, pihak kerajaan dan juga anjuran pihak swasta. Sepanjang tahun 2004, sebanyak 33 persidangan atau seminar telah dihadiri oleh kakitangan akademik Fakulti Syariah dan Undang-Undang.

Penerbitan

Pada tahun 2004 juga, FSU telah berjaya menerbitkan beberapa penerbitan yang merupakan hasil usaha secara individu atau gabungan tenaga pengajar akademiknya. Penerbitan yang telah diterbitkan oleh kakitangan akademik FSU ialah:

Bil.	Nama	Tajuk	Nama Buku/ Majalah
1	Prof. Dr. Hj Abdul Samat Musa	"Hak dan Tanggungjawab Rakyat dan Ulil Amri"	Konsep dan Peranan Ulil Amri" di Malaysia,Penerbitan IKIM, 2004.
		"Perlembagaan (Constitutionalism): Antara Islam dan Barat",	Syariah dan Undang - Undang Suatu Perbandingan,Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd, 2004
		Islamic Studies In World Institutions of Higher Learning (Penyunting Bersama)	Terbitan Kolej Universiti Islam Malaysia, 2004
2	Dr. Farida Zou zou, En. Azman Ab. Rahman, En. Mushaddad Hasbullah, En. Abdul Manan Ismail	أبحاث في قضايا فقهية معاصرة.	2004 دار التجديد، كوالا لمبور.
3	En. Muhammad Nizam Awang @ Ali	Mahkamah Keluarga di Malaysia: Suatu Pandangan. Ta'liq : Penilaian Semula Terhadap Amalananya di Mahkamah Syariah.	Jurnal (2004) KANUN 20-37. (2003) 6 IKIM Law Journal 35-55
4.	Pn. Nik Salida Suhaila	The Theory of Interpretation In Solving Contemporary Legal Issues: With A focus on The Instruments of Ijtihad Syariah and Western Jurisprudential Thoughts of Case Law	Prosiding Diskusi Syariah Dan undang-Undang, Terbitan Fakulti Syariah dan Undang- Undang, 2004 Prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh 2004, terbitan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, KUIM

Hal Ehwal Pentadbiran Fakulti

Bil.	Nama	Tajuk	Nama Buku/ Majalah
4	En. Abdul Manan Ismail	<p>"Pelaburan Zakat Menurut Perspektif Islam". Kepimpinan Menurut Perspektif Islam'</p> <p>Kahwin Lari : Fiqh dan Undang-Undang</p> <p>NEWATER dari aspek Hukum Syarak</p> <p>Maslahah Dalam Penetapan Harga Barang</p> <p>Retakaful : Concept, Issues and Usul al-Fiqh</p>	<p>Bulletin KUIM vol. 1/2004 Konvensyen MPP IPTA 2004 (4-6 Feb 2004)</p> <p>Prosiding Diskusi Syariah Dan undang-Undang, Terbitan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, 2004</p> <p>Prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh 2004, terbitan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, KUIM</p>
	Dr. Farida Zou zou	<p>بين مثالية العزوبة والتبلل وإفراط الشذوذ والإباحية www.islamtoday.net</p> <p>المجمع العالمي لإدارة الفتاوى والبحوث www.islamtoday.net</p> <p>كيف فهم الصحابة التأسي، www.islamtoday.net</p>	<p>مجلة الوعي الإسلامي، وزارة الأوقاف، الكويت، عدد 464، 5/12، تاريخ: 2004</p> <p>الفتوى والبحوث 2004/7/6</p> <p>عمر نموذجا 2004/8/29</p>
		<p>وسائل الإنجاب لاصطناعية : نحو توجيه البحث العلمي بالنظر المقصادي</p> <p>دعاوى تجديد أصول الفقه : دراسة تحليلية نقدية</p>	<p>Prosiding Diskusi Syariah Dan undang-Undang, Terbitan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, 2004</p> <p>Prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh 2004, terbitan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, KUIM</p>
5	En. Irwan Mohd Subri	<p>Ke arah Fiqh yang Berakhlik</p> <p>Fiqh al-Waqf Dalam Ijtihad</p>	<p>Prosiding Diskusi Syariah Dan undang-Undang, Terbitan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, 2004</p> <p>Prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh 2004, terbitan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, KUIM</p>
6	En. Arif Fahmi Md Yusof	<p>Kahwin Lari : Fiqh dan Undang-Undang</p> <p>Right of Accused Person During Investigation Process : A Syariah and Civil Law Perspective</p> <p>Fatwa : Aplikasi Usul Fiqh Dalam Sistem perundangan Malaysia</p>	<p>Prosiding Diskusi Syariah Dan undang-Undang, Terbitan Fakulti Syariah dan Undang- Undang, 2004</p> <p>Prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh 2004, terbitan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, KUIM</p>

Hal Ehwal Pentadbiran Fakulti

Bil.	Nama	Tajuk	Nama Buku/ Majalah
7.	En. Md Yunus Abd Aziz	NEWATER dari aspek Hukum Syarak	Prosiding Diskusi Syariah Dan undang-Undang, Terbitan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, 2004
		Kekangan-kekangan eksklusif Terhadap Proses Realisasi Usul Fiqh Sebagai Metod Kajian (Penulis Bersama)	Prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh 2004, terbitan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, KUIM
8.	Pn. Dina Imam Supaat	Right to Mut'ah In Selangor Revisited House Buying In Malaysia : Contemporary issues Undang-Undang, 2004	Prosiding Diskusi Syariah Dan undang-Undang, Terbitan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, 2004
9.	Pn. Abidah Abdul Ghafar	Right to Mut'ah In Selangor Revisited House Buying In Malaysia : Contemporary issues	Prosiding Diskusi Syariah Dan undang-Undang Terbitan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, 2004
10	Pn. Farah Salwani Muda @ Ismail	An Analysis on The Validity of An Informed Consent : In The Light Of The Bijani Twins	Prosiding Diskusi Syariah Dan Diskusi Syariah Dan undang-undang-Undang, terbitan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, 2004
		An Usul Fiqh perspective of the contraceptive Implant	Prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh 2004, terbitan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, KUIM
11	Abd Hamid Abd Murad	Fundamental Protection For Consumers	Prosiding Diskusi Syariah Dan undang-Undang, Terbitan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, 2004
12	Dr. Mohamed Bechir Haji Salem	الدواء المتنضم لمواد محرمة : الحكم الشرعي والبدائل المتاحة	Prosiding Diskusi Syariah Dan undang-Undang, Terbitan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, 2004
		القاعدة والاستثناء في التشريع الإسلامي بين الإفراط والتغريط	Prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh 2004, terbitan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, KUIM
13	En. Azman Ab Rahman	Kepentingan Usul Fiqh Dalam Ijtihad	Prosiding Diskusi Syariah Dan undang-dan Fatwa (Penulis Bersama) Undang, Terbitan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, 2004
		اختلاف الأصوليين في حجية مذهب الصحابي	Prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh 2004, terbitan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, KUIM
14	En. Mushaddad Bin Hasbullah	Al-Aslu Fi al-Asyya' baina al-Ibahah Wa al-Hazr : Satu Kajian	Prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh 2004, terbitan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, KUIM

Hal Ehwal Pentadbiran Fakulti

Aktiviti Pembangunan Akademik Dan Ko-Kurikulum Pelajar

Aktiviti Pembangunan Akademik dan Ko-kurikulum pelajar telah dilaksanakan sepenuhnya oleh FSU bagi memastikan keseluruhan objektif kualiti fakulti tercapai. Sehubungan itu pada tahun 2004, fakulti telah merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti baru kepada pelajar disamping mengekalkan aktiviti-aktiviti sedia ada. Keseluruhan perjalanan program ini berjaya dilaksanakan dan mendapat sokongan dari semua pihak sama ada pelajar yang terlibat mahupun daripada pihak luar. Berikut adalah senarai program-program yang telah dilaksanakan oleh FSU :

Program Pembangunan Akademik

Program ini merupakan program pemantapan pembangunan akademik fakulti yang membincangkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan di kalangan kakitangan akademik, penyediaan silibus kursus yang lengkap dan merancang cadangan program baru yang perlu ditawarkan oleh FSU.



Bil.	Nama Aktiviti / Program	Tarikh	Tempat	Peserta
1	Bengkel Pemantapan dan Pembangunan Akademik FSU Kali Ke – 2	7-9 Mei 2004	Hotel Bayview Beach Resort, Melaka.	Semua Pensyarah FSU
2	Bengkel Perancangan dan Pelan strategik FSU (2005-2015)	23-24 Okt.2004	Hotel Royal Adelphi, Seremban	Semua Pensyarah FSU
3	Sesi Perbincangan dan Perundingan Program Ijazah Sarjana Muda Fiqh dan Pengurusan Fatwa	25 November 2004	Hotel Renainsance, Kuala Lumpur	Ahli Jawatankuasa Kecil Program (pensyarah) dan * Panel luar yang dilantik.
4	Sesi Perbincangan Bersama Mr. John pointing, senior Lecturer, University of Kingston, United Kingdom	1 Oktober 2004	KUIM	Semua Pensyarah FSU

Jadual 13 : Senarai aktiviti pembangunan program akademik fakulti sepanjang tahun 2004

Hal Ehwal Pentadbiran Fakulti

Bil.	Nama	Tajuk	Nama Buku/ Majalah
15	Pn. Yasmin Hanani Binti Mohd Safian	Legal Evidence of Utilizing Fiat Money : Usul Fiqh Perspectives Masalih Mursalah : Its Application in Malaysian Islamic Banking and Finance : A Case Study on BBA (Bai' Bithamin Ajil)	Prosiding Diskusi Syariah Dan undang- Undang, Terbitan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, 2004
16	Cik Syaryanti Binti Husin	ترورک النبي صلی الله علیه وسلم وعلاقتها بالاستصحاب	Prosiding Diskusi Syariah Dan undang- Undang, Terbitan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, 2004

Jadual 12 : Penerbitan oleh kakitangan Fakulti Syariah dan Undang- undang

Hal Ehwal Pentadbiran Fakulti

Bil.	Nama	Jawatan
1	Y. Bhg. Datuk Abdul Monir Yaacob (IKIM)	Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia
2	Y.Bhg. Datuk Bakke Salleh	Pengurus Urusan Lembaga Tabung Haji
3	Y.Bhg. Datuk Md. Hashim Yahaya	Felo Kehormat Akademik, Kuliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, UIAM dan Bekas Mufti Wilayah Persekutuan
4	Sahibul Samahah Dato' As-Sheikh Hj. Nooh Gadot	<i>Mufti Kerajaan Negeri Johor</i>
5	Ustaz Ramle Endut	Pengarah Jabatan Agama Islam <i>Wilayah Persekutuan</i>
6	Tuan Hj Sabar Hj Abd Rahman	Timbalan Presiden Eksekutif Bank Muamalat Malaysia Berhad
7	En. Abdul Ghani Endut	<i>Pengurus Jabatan Syariah,</i> Bank Islam Malaysia Berhad
8	Dr.Zulkifli Zakaria	<i>Penolong Naib Presiden Sekretariat</i> Syariah dan Pematuhan Takaful Nasional Sdn. Bhd
9	Dr Nordin Md. Som	Manager and Chairman of Halal Committee, Nestle
10	En.Mohd Rus Hj. Yunus	Wakil dari JAKIM

Jadual 14 : Senarai nama ahli panel luar yang dilantik dan menghadiri sesi perbincangan Program Ijazah Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa :

Tahun/ Semester	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Jumlah
Semester 1 Sesi 2004/2005	3	6	19	28
Semester II Sesi 2003/2004	0	5	8	13

Jadual 15 : Bilangan Pelajar Yang Menerima Anugerah Dekan.

Perkembangan Akademik Pelajar

Pada tahun 2004, pencapaian akademik pelajar FSU amat memberangsangkan. Iaitu mencapai sekurangnya-kurangnya 2% graduan yang mendapat kelas pertama. Berikut adalah butiran ringkas bilangan pelajar FSU yang menerima Anugerah Dekan pada semester 2 sesi 2003/2004 dan semester 1 sesi 2004/2005 :

Hal Ehwal Pentadbiran Fakulti

Sempena Majlis Konvokesyen kedua KUIM pada tahun 2004, seramai tiga orang pelajar yang mendapat kelas pertama telah dianugerahkan dengan beberapa anugerah. Antaranya ialah Pingat Emas Rektor, Hadiah Buku Universiti dan Hadiah Buku Fakulti.

Program Pembangunan Akademik, Kokurikulum dan Sukan Pelajar

Bagi memastikan kecermerlangan graduan dan tahap kecermerlangan tercapai, beberapa program dan aktiviti telah dirancang dan dilaksanakan sepanjang tahun 2004. Program yang diadakan banyak memberi penekanan kepada aspek kecermerlangan akademik, disiplin, kepimpinan, dan semangat berpasukan dikalangan pelajar.

Antara aktiviti yang diadakan yang melibatkan pelajar :

- Bengkel Penyediaan Projek Ilmiah
- Taklimat Pelajar Tahun 1
- Kem Cemerlang
- English Language Camp
- Lawatan ke Parlimen

Disamping itu juga, FSU menggalakkan para pelajarnya melibatkan diri dalam kegiatan ko-kurikulum dan sukan pelajar. Ini bertujuan memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar FSU agar lebih terbuka dan berkeyakinan untuk bersaing dengan mana-mana pelajar dari universiti lain.

Antaranya ialah :

- Karnival Mahasiswa Undang-Undang Syariah (KAMUS)
- SUFA (Sukan Antara Fakulti)
- Debat Antara Fakulti
- Majlis Musabaqah Menghafaz Al-Quran, KUIM Kali Ke-3
- Pertandingan Debat Bahasa Melayu
- Pertandingan Debat Bahasa Arab antara IP

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS)

Sepanjang tahun 2004 FPQS telah mencatatkan beberapa kejayaan dalam bidang akademik dan aktiviti pelajarnya. Pelbagai program juga dirangka dalam usaha meningkatkan prestasi kakitangannya. Program-program yang telah dijalankan oleh FPQS memfokuskan peningkatan tahap akademik dan pembangunan sahsiah pelajar. Pencapaian akademik yang cemerlang perlu diseimbangkan dengan kemahiran sosial serta ko-kurikulum agar graduan yang dihasilkan benar-benar mencapai kualiti sebuah Universiti terbaik selaras dengan hasrat KUIM untuk menjadi Pusat Pengajaran Ilmu yang terulung sama ada di peringkat tempatan mahu pun antarabangsa.



Pembangunan Akademik

Pada tahun 2004, FPQS telah merangka Pelan Pembangunan Mahasiswa FPQS yang meliputi usaha pembangunan akademik dan sahsiah dengan kerjasama beberapa unit/bahagian di KUIM seperti Hal Ehwal Pelajar (HEP), Akademik, Unit Bahasa dan sebagainya. Usaha ini dirancang bagi memastikan FPQS mampu menghasilkan lebih ramai graduan kelas pertama di samping menepati kehendak pasaran. Beberapa program pembangunan akademik yang diadakan ditunjukkan di dalam jadual.

Hal Ehwal Pentadbiran Fakulti

Bil.	Aktviti	Tarikh	Tempat	Sasaran	Objektif
1	Bengkel Bahasa Inggeris Tahun 1	17 Jan 04	KUIM	Pelajar Tahun 1	Meningkatkan penguasaan B.I pelajar
2	Bengkel Pendedahan	12 Mac 04	KUIM	Pelajar Tahun 2	Memberi kefahaman persediaan awal pelajar tahun akhir.
3	Bengkel Andragogi Untuk Kakitangan Akademik	8-10 Jun 04	Shahzan Inn Fraser's Hill		Memberi pendedahan bagi pertingkatkan teknik pengajaran pensyarahan.
4	Nadwah Ilmiyyah 1 / 200	26 Jun 04	KUIM	Semua Pelajar FPQS	Mencambahkan pengetahuan pelajar dalam bidang berkaitan.
5	Majlis Ta'aruf Pelajar Baru FPQS 2004	26 Jun 04	KUIM	Pelajar Baru	Merapatkan hubungan pelajar dengan Fakulti.
6	Majlis Anugerah Dekan	26 Jun 04	KUIM	Pelajar Mendapat PNGS 3.60	Memberi Penghargaan & Dorongan Kepada Pelajar Cemerlang
7	Bengkel Penulisan Projek Ilmiah Siri	19 Julai 04	KUIM	Pelajar Tahun 3	Memberi pendedahan teknik Penulisan Projek Ilmiah.
8	Bengkel Penulisan Projek Ilmiah Siri 2	31 Julai 04	KUIM	Pelajar Tahun 3	Memberi kefahaman dan kemahiran Penulisan Projek Ilmiah Siri 2
9	Nadwah Ilmiyyah 2 / 2004	28 Ogos 04	KUIM	Semua Pelajar FPQS	Mencambahkan pengetahuan pelajar dalam bidang berkaitan.
10	Bengkel Cendikiawan	10-12 Sept 04	Indera Mahkota Training Villa & Resort Kuantan	Pelajar PNGK di atas 3.00	Memberi dorongan dan panduan tentang akademik dan peluang kerjaya.
11	Bengkel Apresiasi Kecemerlangan Akademik	18 Sept 04	KUIM	Pelajar Baru	Memberi pendedahan sistem akademik KUIM.
12	Bengkel Sinergi Kecemerlangan Akademik	24-26 Sept 04	Dusun Eco Resort Bentong	Pelajar PNGK di bawah 2.50	Memberi teknik belajar dan menghadapi peperiksaan.
13	Nadwah Ilmiyyah 3 / 200	2 Okt 04	KUIM	Semua Pelajar FPQS	Mencambahkan pengetahuan pelajar dalam bidang berkaitan.
14	Musabaqah Menghafaz 2004 Al-Quran KUIM	21-23 Dis 04	KUIM	Semua Pelajar	Mencungkil bakat menghafaz Al- Quran FPQS pelajar dalam bidang berkaitan.

Jadual 16 : Program-program Pembangunan Akademik FPQS

Hal Ehwal Pentadbiran Fakulti

Sepanjang tahun 2004, sebanyak lima belas bengkel dan taklimat telah diadakan. Program-program ini dapat memberikan input-input baru, motivasi, kemahiran dan keyakinan kepada pelajar untuk mencapai kejayaan yang seimbang. Bagi mengeratkan hubungan pelajar dan kakitangan FPQS, satu Majlis Ta'aruf telah dijalankan bersama pelajar yang baru menjelaskan kaki di KUIM. Begitu juga pelajar tahun dua dan tiga turut diberi perhatian dalam aspek pembangunan akademik. Bengkel-bengkel yang bersifat akademik dan berinput motivasi seperti Bengkel Sinergi Kecemerlangan Akademik dan Bengkel Cendikiawan pula telah dijalankan.

Pada tahun ini juga, Fakulti Pengajian Quran & Sunnah telah mencatat satu rekod pencapaian senarai Penerima Anugerah Dekan tertinggi. Bagi pelajar Tahun Tiga, seramai 18 orang telah berjaya mencapai keputusan di atas PNGS 3.60. Bagi semester berkenaan juga, seramai 14 orang telah mencapai keputusan semester diperingkat kelas pertama. Beberapa kejayaan telah dicapai oleh FPQS. Antaranya, tiga orang graduan kumpulan keduanya iaitu Cik Noorma binti Mamat, Rohani binti Khamis dan Cik Ruziha binti Mamat telah menerima ijazah kelas pertama. Berikut daripada pencapaian ini Cik Ruziha binti Mamat telah menerima Anugerah Canselor dan Hadiah Buku Universiti. Bagi Cik Rohani binti Khamis pula telah menerima Hadiah Buku Universiti.

Persidangan

Sepanjang tahun 2004, sebanyak 27 persidangan atau seminar telah dihadiri oleh kakitangan akademik FPQS. Persidangan yang dihadiri adalah anjuran sama ada anjuran IPTA-IPTA tempatan, pihak-pihak swasta dan juga pihak Kerajaan. Ini bertujuan memperluaskan lagi pengetahuan kakitangan akademik FPQS.

Aktiviti Ko-Kurikulum dan sukan

Selain daripada maju dalam bidang akademik, pelajar juga digalakkan menyertai aktiviti-aktiviti berbentuk pembangunan sahsiah yang dianjurkan oleh pihak Hal Ehwal Pelajar dan asrama penginapan pelajar. Pelajar FPQS turut melibatkan diri dalam kegiatan luar seperti Sukan Antara Fakulti (SUFA), Kejohanan Sepak Takraw dan Ping Pong MASUM di UTM Skudai, Pertandingan Futsal, Kem Kembara Lasak di Pulau Langkawi dan beberapa aktiviti lain. Manakala dalam pertandingan Debat Di Raja diantara universiti di Malaysia, pelajar FPQS telah berjaya membantu pasukan KUIM merangkul Naib Johan daripada penyertaan seluruh IPTA di Malaysia. Dalam Musabaqah Menghafaz Al-Quran KUIM 2004, peserta daripada FPQS telah berjaya mempertahankan Johan Piala Pusingan dalam kategori 1 & 2.

Pembangunan Organisasi

Sepanjang empat tahun penubuhan, Fakulti Pengajian Quran & Sunnah (FPQS) telah melakukan pelbagai usaha bagi meningkatkan kecemerlangan dalam aspek pembangunan akademik, pentadbiran dan fungsinya sebagai pusat kecemerlangan ilmu. Bagi mencapai misi sebagai pusat kecemerlangan ilmu yang terbilang, FPQS telah menyusun perancangan membentuk misi dan objektif yang lebih khusus, boleh diukur, dicapai, relevan dan mempunyai tempoh masa pencapaiannya. Ini dibuktikan dengan penglibatan semua tenaga kerja FPQS yang bersama memberi sumbangan dalam Bengkel Perancangan Strategi FPQS 2005-2015 yang telah diadakan di De Palma Inn, Sepang pada 12 & 13 Oktober 2004.

Hal Ehwal Pentadbiran Fakulti

Fakulti Ekonomi dan Muamalat

Hasrat Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) menjadi fakulti yang dirujuk dalam bidang muamalat dan kewangan Islam pada masa hadapan cuba direalisasikan dengan perlaksanaan pelbagai aktiviti, yang merangkumi pembangunan akademik, aktiviti pelajar mahupun pembangunan sumber manusia. Tahun 2004 telah menyaksikan Fakulti Ekonomi dan Muamalat mencatat beberapa pencapaian yang agak membanggakan di pelbagai peringkat. Berikut adalah antara aktiviti yang telah dijalankan oleh Fakulti sepanjang tahun 2004.

Program Intensif Bahasa Arab

Bagi memastikan kualiti pelajar FEM dapat dipertingkatkan, terutamanya kemampuan menguasai Bahasa Arab, satu program intensif Bahasa Arab telah diadakan pada 3 – 5 Januari 2004, dengan kerjasama daripada Unit Bahasa Arab KUIM. Program ini melibatkan semua pelajar Tahun 1 dan 2 Fakulti Ekonomi dan Muamalat seramai 245 orang.

Lawatan Sambil Belajar ke Universitas Islam Negeri Sharif Hidayatullah (UIN), Jakarta, Indonesia.

FEM dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Universitas Islam Negeri Sharif Hidayatullah (UIN), Jakarta, Indonesia pada 21 – 24 April 2004.

Program melibatkan seramai 23 orang pelajar Tahun 2 FEM dan tiga (3) orang pegawai pengiring. Matlamat utama program ini ialah untuk memberikan pendedahan antarabangsa kepada para pelajar FEM agar mereka dapat pengalaman dan pengetahuan yang boleh memberikan kesedaran dan keyakinan diri. Dalam masa yang sama, ia juga dapat memperkenalkan FEM di luar negara.

Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan FEM Sesi 2003/2004 dan Taklimat Pelajar Baru

Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan FEM Sesi 2003/2004 dan Taklimat Pelajar Baru telah diadakan dengan jayanya pada 24 Julai 2004 yang lalu. Dalam majlis tersebut, pelbagai anugerah telah disampaikan kepada pelajar. Ia merangkumi pengiktirafan dari segi pencapaian akademik dan juga ko-kurikulum. Selain itu, satu Taklimat Pelajar Baru juga telah diadakan dalam majlis yang sama. Ia bertujuan memberi pengenalan tentang program Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat kepada pelajar baru di samping memberi semangat dan motivasi kepada pelajar lain agar meningkatkan kecemerlangan meraka ke tahap yang maksimum.



Hal Ehwal Pentadbiran Fakulti



Pencapaian Pelajar FEM Dalam Sukan dan Ko-kurikulum

FEM menjadi Johan Keseluruhan Sukan Antara Fakulti (SUFA) 2004 dengan jumlah pungutan mata sebanyak 140 mata. Beberapa pingat telah dimenangi oleh FEM antaranya ialah pingat emas, pingat perak, pingat gangsa dan tempat ke-4 terutamanya dalam perlawanan Bola Jaring, Ping Pong, Bowling, catur dan perlawanan-perlawanan yang dipertandingkan. Selain daripada aktiviti-aktiviti yang dikendalikan di Fakulti, Universiti turut menyaksikan penglibatan pelajar FEM di dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pihak asrama. Bagi sesi 2004/2005, seramai 15 orang pelajar FEM telah diberi kepercayaan dan amanah oleh pihak asrama masing-masing dalam memikul tanggungjawab sebagai Ahli Jawatankuasa Kebajikan Siswa/siswi Asrama (JAKSA). Pelajar FEM juga turut terlibat dalam pertandingan di pelbagai peringkat. Antaranya ialah sebagai Wakil Universiti dalam Pertandingan Debat Kefahaman Islam Malaysia, Wakil Universiti dalam acara Silat Olahraga MASUM 2003/2004 dan Wakil Universiti dalam acara Teakwando sempena Kejohanan Terbuka Teakwando USM 2003/2004.

Program Warashah Taqwiyyah Fi Usul Fiqh Al Muamalat.

Program Warashah Taqwiyyah Fi Usul Fiqh Al Muamalat yang telah diadakan dengan jayanya pada tahun lalu telah diteruskan pada tahun ini dengan mengekalkan objektif utama bengkel dengan meneroka isu-isu kritikal berkaitan ekonomi dan kewangan Islam.

Program ini mengaplikasikan syarak dalam transaksi Fiqh Muamalat dalam usaha memenuhi tuntutan *Maqasid al-Shariah* dan dijalankan dalam tiga (3) siri, secara dalaman iaitu seperti di dalam jadual.



Hal Ehwal Pentadbiran Fakulti

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Tempat	Sasaran	Objektif
Siri 1	10 Ogos 2004	Hukum-hukum Taklifiyy dan Wad'iyy Dalam Fiqh Muamalat			En. Mohd Yunus Abd Aziz Pensyarah FSU
Siri 2 & 3	9 Oktober 2004	Al-Qiyas Wal- Ijtihad			En. Irwan Mohd Sobri Pensyarah FSU
		Al-jitihad Wal-Urf Dalam Amalan Muamalat dan Penentuan Hukum Syarak			En. Mushaddad Hasbullah Pensyarah FSU
		Istishab dan Masalah Mursalah Dalam Fiqh Al-Muamalat			En. Hisham Sabri Pensyarah FEM

Jadual 17 : Topik yang dibincangkan dalam program anjuran FEM

Bengkel Metodologi Penyelidikan SPSS Siri III: AMOS - Structural Equations Model

Dalam usaha menggalak dan memperbanyakkan aktiviti penyelidikan dengan meningkatkan kemahiran menyelidik secara kuantitatif di kalangan kakitangan akademik KUIM, Fakulti dengan kerjasama Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Persidangan (PPP) telah mengadakan Bengkel Metodologi Penyelidikan yang diadakan selama dua hari (26 hingga 27 Oktober 2004). Ia dijalankan di Makmal iWEB, KUIM dengan mengundang Puan Nur Riza Mohd Suradi, pensyarah Pusat Pengajian Sains Matematik, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai penceramah.

Kakitangan Akademik FEM Melanjutkan Pengajaran

Sehingga Disember 2004, Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) mempunyai kekuatan tenaga pengajar seramai 23 orang, yang terdiri daripada 14 orang pensyarah dan 6 orang tutor. Daripada jumlah ini, seramai empat (4) orang tenaga pengajar FEM telah melanjutkan pengajaran masing-masing di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah di universiti-universiti di dalam dan juga luar negara bagi tahun 2004.

Sementara itu, seramai empat (4) orang tenaga pengajar FEM juga telah berjaya menamatkan pengajian masing-masing dengan cemerlang di peringkat Sarjana dan telah kembali ke KUIM untuk bertugas.

Persidangan dan Seminar

Sepanjang tahun 2004, FEM telah menghantar kakitangan akademiknya untuk menghadiri 12 persidangan dan seminar sama ada dalam negara maupun luar negara sebagai wakil Fakulti ataupun Universiti. Persidangan yang dihadiri meliputi anjuran IPTA-IPTA, pihak-pihak swasta dan Badan-Badan Kerajaan. Ini bertujuan memberi pendedahan ilmu kepada kakitangan akademik FEM.

Kursus / Latihan / Bengkel / Seminar Yang Telah Dihadiri Sepanjang 2004

Di samping pembangunan sumber manusia (akademik), kakitangan pentadbiran tidak ketinggalan dalam mendapat latihan atau kemahiran yang diperlukan bagi meningkatkan lagi kemahiran, kebolehan serta kecemerlangan mereka di dalam perkhidmatan.

Hal Ehwal Pentadbiran Fakulti

kursus / Latihan / Bengkel / Seminar	Tarikh
Seminar Pentadbiran Institusi Pengajian Tinggi Ke-IV	Januari 2004
Kursus Audit Kualiti Dalaman (IQA)	12-13 Mac 2004
Kursus 5S	9-10 Jun 2004
Kursus Latihan ICT: MS Access	7 September 2004
Kursus Bahasa Inggeris	Dis '03 - Mac '04
Bengkel Pengurusan Kerjaya	17 Januari 2004
Seminar Sempena Minggu Setiausaha 2004	9 – 11 April 2004
Kursus Penyelesaian Masalah dan Konflik	15 Julai 2004
Bengkel Pengurusan Kerjaya	17 Januari 2004
Kursus Bahasa Inggeris	Dis '03 - Mac '04
Kursus Penyelesaian Masalah dan Konflik	15 Julai 2004
Kursus Excel – Intermediate	28 April 2004
Kursus Pengurusan Fail dan Rekod	14 – 16 Sept. 2004
Kursus Pembinaan Semangat Berpasukan	17 – 19 Dis 2004
Kursus Induksi Umum & Khusus	19 – 26 Mac 2004
Bengkel Motivasi	setiap bulan 2004
Latihan ICT – Video Editing	24 Disember 2004

Jadual 18 : Senarai Kursus /Latihan / Bengkel / Seminar yang telah dihadiri sepanjang tahun 2004.

Terbitan sulung “Muamalat Newsletter”

Pada tahun 2004 satu terbitan sulung dari FEM iaitu “Muamalat Newsletter”, telah diterbitkan pada bulan Jun 2004. Terbitan ini dijangkakan akan dikeluarkan pada bulan Jun dan bulan Januari setiap tahun.

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP)

Pada tahun 2004, FKP mencatat beberapa kejayaan sama ada dari segi pembangunan akademik, aktiviti pelajar mahupun pencapaian kakitangannya selaras dengan hasrat KUIM untuk menjadi pusat pengajian ilmu yang terulung, sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

FKP telah merangka pelan pembangunan mahasiswa yang meliputi usaha pembangunan akademik dan sahsiah dengan kerjasama beberapa unit/bahagian di KUIM seperti Hal Ehwal Pelajar (HEP), Bahagian Akademik, Unit Bahasa dan sebagainya. Usaha ini dirancang bagi memastikan FKP mampu menghasilkan ramai graduan kelas Pertama di samping menepati kehendak pasaran.

Sepanjang tahun 2004, pelbagai program telah diadakan untuk memberi input-input baru, motivasi, kemahiran dan keyakinan kepada pelajar untuk mencapai kejayaan yang seimbang. Antara program pembangunan akademik yang telah dijalankan oleh FKP ialah Bengkel Pendedahan Latihan Amali, Taklimat Pelajar Tahun 1, Retreat Pelajar Tahun Satu dan Dua,

Hal Ehwal Pentadbiran Fakulti

Program Belajar Berkumpulan dan *English Language Camp*. Selain aktiviti pembangunan akademik, FKP juga menggalakkan pelajarnya menyertai pelbagai aktiviti ko-kurikulum. Antara aktiviti yang disertai oleh para pelajar FKP ialah Sukan Antara Fakulti (SUFA), Pentandingan Debat Antara Fakulti, pameran fakulti sempena majlis konvokesyen KUIM, Sambutan Hari Kemerdekaan Peringkat Universiti dan juga hari Keluarga FKP 2004.

Pada tahun 2004, beberapa kejayaan telah dicapai oleh FKP. Antaranya, seorang graduan kumpulan pertamanya iaitu Encik Wan Mohd. Fazrul bin Wan Azdi telah berjaya menerima Ijazah Kelas Pertama. Ini membolehkan beliau menerima Anugerah DiRaja dan Hadiah Buku Fakulti.

Bagi membantu para kakitangan akademik FKP meningkatkan kualiti akademik mereka, beberapa bengkel telah diadakan disamping beberapa lagi siri latihan teknik pengajaran yang berkesan diadakan dari semasa ke semasa, sama ada dianjurkan oleh pihak fakulti mahupun dengan kerjasama Unit/Bahagian lain di KUIM seperti Retreat FKP, Sesi Perbincangan Penawaran Program Baru dan Bengkel Penyemakan dan Pemurnian Kursus-kursus Ijazah Sarjana Muda Komunikasi.

Aktiviti Pemantapan Kurikulum:

Sebagai usaha untuk menjamin kualiti pengajaran-pembelajaran serta memastikan bakal graduan yang dihasilkan memenuhi keperluan tanaga kerja negara, FKP telah mengajurkan satu Retreat Halatuju di KUIM pada 22hb Oktober 2004. Bengkel ini secara keseluruhannya telah berjaya mencapai objektifnya dengan merangka pelan strategik 2005 - 2015.

Aktiviti Pembangunan Akademik Mahasiswa:

Dengan kesedaran bahawa mahasiswa merupakan aset yang penting kepada universiti, serta galakan universiti meningkatkan kecermelangan mahasiswa beberapa siri bengkel telah diadakan antaranya ialah;

Bengkel Pendedahan Latihan Amali (6 Mac 2004)

- Bengkel yang diadakan khusus untuk pelajar tahun dua ini diadakan bagi memberikan garis panduan menjalankan latihan amali yang merupakan sebahagian daripada komponen kursus wajib bagi penyempurnaan ijazah pertama di KUIM.

Retreat Pelajar Tahun Satu (9 - 11 Julai 2004)

- Retreat Pelajar Tahun Satu diadakan di Morib, Selangor bagi memantapkan pencapaian mahasiswa. Bengkel yang diadakan ini disertai oleh 101 pelajar FKP dari Tahun Pertama.

Retreat Pelajar Tahun Dua (3 - 5 Disember 2004)

- Retreat Pelajar Tahun Dua diadakan di Morib, Selangor bagi memantapkan pencapaian mahasiswa. Bengkel yang diadakan ini disertai oleh 135 pelajar FKP dari Tahun Dua.

Retreat Pelajar Tahun Satu Bil. 2/2004 (10 - 12 Disember 2004)

- Retreat Pelajar Tahun Satu kali ini diadakan di Morib, Selangor bagi memantapkan pencapaian mahasiswa. Bengkel yang diadakan ini disertai oleh 101 pelajar FKP dari Tahun Pertama, adalah merupakan lanjutan kepada retreat sebelumnya.

Aktiviti Persidangan Fakulti:

Aktiviti Persidangan fakulti telah dijalankan bagi mempertingkatkan pengetahuan warga fakulti khasnya, dan warga KUIM, amnya. Antara aktiviti yang dijalankan ialah **Muzakarah Kepimpinan dan Pengurusan** yang merupakan siri pembentangan kertas yang diadakan sebanyak 6 siri pada setiap tahun. Ia bertujuan menggalakkan pelajar bersikap pro-aktif dalam mengumpulkan input berkenaan kepimpinan dan pengurusan Islam disamping

Hal Ehwal Pentadbiran Fakulti

menggalakkan kakitangan akademik menghasilkan output yang terdiri daripada kertas-kertas pembentangan yang relevan dengan bidang kepakaran masing-masing.

Aktiviti Penerbitan Fakulti:

Pada tahun 2004, sebuah buku telah berjaya diterbitkan iaitu "Asas Kecemerlangan Ummah". Kini dua lagi buku masih dalam perancangan.

Aktiviti Penyelidikan Fakulti

Bagi tahun 2004 ini, sebanyak empat aktiviti penyelidikan telah dijalankan. Tajuk-tajuk penyelidikan tersebut ialah Kumpulan Al-Ahbash dan Metodologi Dakwahnya; Video Etnografi: Revisi Nomads of the Jungle (1987); Kajian Kembali Perbandingan Cara Hidup Masyarakat yang Dipaparkan dalam Video (1987) dengan yang diperhatikan sekarang (2004) dan Tinjauan Tentang Kepercayaan; dan Kaunseling Dalam Islam Hadari.

Fakulti Sains dan Teknologi

Kesemua program pengajian yang ditawarkan di Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) adalah berteraskan konsep kesepaduan ilmu akli dan naqli serta tidak terhad kepada pengajian Islam tradisi semata-mata, malah merangkumi bidang-bidang sains, teknologi, perubatan, kejuruteraan dan lain-lain yang dapat menterjemahkan hakikat dan skop pengajian Islam sebenar. Menyedari hakikat ini, KUIM telah menubuhkan Fakulti Sains dan Teknologi (FST) secara rasminya pada 1 Disember 2003. Pada awal penubuhannya, FST telah ditempatkan di Lot A1106, Tingkat 11, Menara A, Bangunan MPAJ, KUIM Pandan Indah. Memandangkan kepada perkembangan FST yang akan bertambah pesat pada tahun-tahun akan datang serta memenuhi keperluan dan kehendak semasa, maka pada 17 Mei 2004, FST telah berpindah secara rasmi ke Bangi. KUIM menjadikan Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) Bangi sebagai premis sementara bagi FST.

Tujuan sebenar pemindahan FST ke Bangi adalah bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran pelajar FST yang memerlukan penggunaan makmal. Makmal dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dijadikan sebagai makmal pengajaran kepada pelajar FST sebagai memenuhi tuntutan subjek-subjek sains dalam program yang ditawarkan.

Pendaftaran kemasukan pelajar sulung FST bagi Semester 1, Sesi 2004/2005 telah dijalankan pada 13 Jun 2004 dan kuliah bermula pada 21 Jun 2004. Seramai 43 orang pelajar telah berdaftar secara rasmi Program pengajian yang ditawarkan pada sesi ini ialah Program Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Bioteknologi Makanan) yang memakan masa selama empat tahun. Dari segi penempatan, pelajar FST ditempatkan di Asrama Desa Siswa KPTM Bangi.

Sepanjang tahun 2004, Fakulti Sains dan Teknologi telah menganjurkan beberapa program pelajar seperti yang ditunjukkan dalam jadual.

Hal Ehwal Pentadbiran Fakulti

Bil.	Program	Tarikh/ Bulan/ Tahun 2004	Tempat
1.	Lawatan ke Pameran Nobel di Pusat Sains Negara	25 Jun	Pusat Sains Negara
2.	Lawatan ke Ekspos Penyelidikan dan Inovasi UKM 2004	18 Julai	UKM
3.	Lawatan ke Pameran Halal Antarabangsa	15 Ogos	Mines Resort City
4.	Lawatan ke 3rd Food Science & Seminar 2004	11 September	UiTM Shah Alam
5.	Seminar Halal Food & Products	28 & 29 September	Hotel Marriot, Putrajaya
6.	Perkhemahan Bahasa Arab	1 Oktober	Indera Mahkota Villa & Resort, Kuantan Pahang
7.	Program one Step Further	18-19 Oktober	Bilik Kuliah 1, FST
8.	Perkhemahan Bahasa Inggeris	10-12 Disember	Rebutia Learning Centre

Jadual 19 : Program Pelajar di FST

Pusat Tamhidi

Pusat Tamhidi Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) telah ditubuhkan pada 26 Januari 2004 di Kampus KUIM di Pandan Indah yang kemudiannya ditempatkan di Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) Bangi pada 17 Mei 2004. Pusat ini merupakan wadah pengajian bagi lepasan SPM yang bertujuan menyediakan calon ke peringkat ijazah pertama.

‘Tamhidi’ bermaksud **persediaan** adalah sama seperti Matrikulasi, Asasi dan Tahun Asas bagi universiti lain. Pusat Tamhidi KUIM menawarkan pengajian untuk tempoh satu tahun. Pelajar yang telah tamat dari pusat ini boleh meneruskan pengajian ke peringkat ijazah di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dan lain-lain Fakulti di KUIM dengan mengikut syarat yang telah ditetapkan.

Program pengajian yang ada di Pusat Tamhidi bagi Sesi 2004/2005 adalah Program Tamhidi Perubatan. Pendaftaran kemasukan pelajar telah dibuat pada 17 Jun 2004 di mana seramai 29 orang pelajar telah mendaftar secara rasmi.

Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) bermula pada 1 Jun 2004 apabila Dekan melaporkan diri dan pengambilan pelajar perintisnya ke Kursus Tamhidi pada 17 Jun 2004. Buat masa ini FPSK ditempatkan di Tingkat 13, Menara A.



Hal Ehwal Pentadbiran Fakulti



Nasri ingin latih doktor Islam

Akademik, 53

PROFIL

FAKULTI Sains dan Kehidupan Sosial (FKKS) Universiti Islam Malaysia (KUIM) akan memulakan program pengajian sertifikasi dalam bidang Doktor Ilmu Islam pada akhir tahun ini. Program ini diwujudkan untuk menunjang pelajar-pelajar yang berminat mengamalkan agama sebagai profesion.

Program ini akan dilaksanakan selama dua tahun dengan tujuan untuk memberi pelajar peluang untuk mendalami ilmu Islam dan teknologi sains. Selain itu, program ini juga akan memberi pelajar peluang untuk mengamalkan agama sebagai profesion.

Program ini akan dilaksanakan selama dua tahun dengan tujuan untuk memberi pelajar peluang untuk mendalami ilmu Islam dan teknologi sains. Selain itu, program ini juga akan memberi pelajar peluang untuk mengamalkan agama sebagai profesion.

KUIM

Lahirkan doktor bertaraf ustaz, ustazah

Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) akan memulakan program pengajian sertifikasi dalam bidang Doktor Ilmu Islam pada akhir tahun ini. Program ini diwujudkan untuk menunjang pelajar-pelajar yang berminat mengamalkan agama sebagai profesion.

Program ini akan dilaksanakan selama dua tahun dengan tujuan untuk memberi pelajar peluang untuk mendalami ilmu Islam dan teknologi sains. Selain itu, program ini juga akan memberi pelajar peluang untuk mengamalkan agama sebagai profesion.

Antara objektif penubuhan FPSK adalah untuk menganjak paradigma di kalangan masyarakat Islam berkaitan kemasukan pelajar-pelajar aliran agama yang tidak semestinya bertumpu kepada bidang atau profesi agama sahaja di samping melahirkan graduan profesional yang mempunyai ilmu mendalam dalam bidang sains dan keagamaan. Pendekatan yang akan digunakan dalam kaedah pengajaran dan kandungan kursusnya lebih menekankan kepada input agama yang dikaitkan dengan ilmu perubatan dan sains kesihatan. Meskipun FPSK masih belum menerima pelajar perintisnya pada tahun ini, FPSK tetap memberikan khidmatnya menerusi barisan tenaga penggerak utama yang terdiri daripada dekan, penolong pendaftar, dua orang pembantu tadbir dan pembantu am rendah. Pada tahun ini juga FPSK lebih menumpukan kepada pengambilan tenaga akademik kerana kemasukan pelajar akan bermula pada sesi 2005/2006.

Unit Bahasa Inggeris

Dalam tahun 2004 pelbagai aktiviti telah dijalankan oleh Unit Bahasa Inggeris untuk meningkatkan kemahiran pelajar dalam menguasai Bahasa Inggeris. Antara aktiviti yang dijalankan ialah seperti berikut;

Bengkel MUET 2004

Unit Bahasa Inggeris bertanggungjawab menyediakan kursus-kursus Bahasa Inggeris dan dua kursus asas Bahasa Inggeris yang merupakan kursus wajib universiti. Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) telah menetapkan bahawa setiap pelajar mesti sekurangnya

mencapai Band 3 dalam peperiksaan MUET (Malaysian University English Test). Sehubungan itu, Unit Bahasa Inggeris telah mengadakan Bengkel MUET bagi membantu para pelajar mencapai sekurang-kurangnya Band 3 seperti mana yang telah ditetapkan oleh Senat Universiti. Dua (2) sesi Bengkel MUET telah diadakan iaitu pada 7 Februari 2004 dan sesi Kedua pula, diadakan pada 14 Februari 2004.

Kursus Intensif Bahasa Inggeris Pelajar Tahun Tiga Sesi 2003/2004

Kursus Intensif Bahasa Inggeris (Pertuturan) telah diadakan pada 29 Mac hingga 2 April 2004, bertempat di Tingkat 9 dan 10 Menara B, MPAJ yang berlangsung selama 5 hari dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang. Kursus ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada para pelajar tahun tiga KUIM. Setiap kumpulan dikendalikan oleh seorang fasilitator dengan 20 orang peserta.

Kursus Intensif Bahasa Inggeris Pelajar Tahun Satu Sesi 2004/2005

Pelajar baru yang mendaftarkan diri di Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) diwajibkan mengikuti Program Minggu Ta'aruf selama seminggu termasuk program Kursus Intensif Bahasa Inggeris. Kursus ini diadakan selama empat hari dari 16 – 19 Jun 2004 bertempat di Tingkat 9 dan 10, Menara B, MPAJ. Kursus ini bertujuan memberi pendedahan dan persediaan awal kepada para pelajar baru sebelum bermulanya sesi perkuliahan mandangkan semua kursus di KUIM dikendalikan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab kecuali kursus

Hal Ehwal Pentadbiran Fakulti

Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS). Seramai 630 orang pelajar baru dan seramai 26 orang fasilitator terlibat dalam kursus ini.

Unit Bahasa Arab

Dalam tahun 2004 pelbagai aktiviti telah dijalankan oleh Unit Bahasa Arab untuk meningkatkan kemahiran pelajar dalam menguasai Bahasa Arab. Antara aktiviti yang dijalankan ialah seperti berikut;

Perkhemahan Bahasa Arab Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM)

Pada 3 hingga 5 Januari 2004, Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) dengan kerjasama Unit Bahasa Arab telah menganjurkan Perkhemahan Bahasa Arab atau *Mukhayyam Al-Lughatul Arabiyah* kepada pelajar tahun satu sesi 2004/2005 bertempat di Menara B, MPAJ. Bengkel ini melibatkan tenaga pengajar atau fasilitator dari Unit Bahasa Arab bagi menyediakan modul kursus dan memberi kursus kepada para peserta. Antara pengisian program tersebut ialah, Lakonan Bahasa Arab, Nasyid Bahasa Arab dan lain-lain lagi.

Kursus Intensif Bahasa Arab Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS)

Pada 14 Februari 2004, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) dengan kerjasama Unit Bahasa Arab

telah menganjurkan program Kursus Intensif Bahasa Arab kepada pelajar tahun satu sesi 2003/2004 selama satu hari dari jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang. Kursus sehari ini diadakan di tingkat 9 Menara B, MPAJ yang melibatkan semua pelajar tahun satu sesi 2003/2004 dan dikendalikan oleh fasilitator dari Unit Bahasa Arab.

Perkhemahan Bahasa Arab Fakulti Sains dan Teknologi (FST)

Fakulti Sains dan Teknologi (FST) juga tidak ketinggalan menganjurkan Perkhemahan Bahasa Arab atau *Mukhayyam al-Lughatul Arabiyah* kepada pelajar sulung mereka. Perkhemahan Bahasa Arab ini diadakan pada 1 hingga 3 Oktober 2004 di Indera Mahkota Villa & Resort, Kuantan. Perkhemahan ini disertai oleh seramai 43 orang pelajar tahun satu sesi 2004/ 2005 Fakulti Sains dan Teknologi dan 3 orang fasilitator Unit Bahasa Arab.

Kakitangan Unit Bahasa Arab, Unit Bahasa Inggeris dan Unit Pengajian Umum yang Menghadiri Persidangan

(Peserta) Bagi Tahun 2004

Selain daripada tugas mengajar dan menyediakan modul-modul yang berkaitan, ahli akademik juga berkesempatan menghadiri persidangan yang dianjurkan oleh berbagai-bagai pihak. Sepanjang tahun 2004, sebanyak 34 seminar atau persidangan telah dihadiri oleh kakitangan akademik dari ketiga-tiga unit ini.





HAL EHWAL SUMBER MANUSIA

• 2 0 0 4

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA



Hal Ehwal Sumber Manusia

Pengurusan

Pertambahan bilangan kakitangan KUIM dari setahun ke setahun sama ada kakitangan akademik maupun pentadbiran adalah sejajar dengan peningkatan usia KUIM yang mencecah usia 5 tahun dan menyaksikan pertambahan fakulti, pusat persediaan pelajar dan program akademik yang ditawarkan. Jumlah kakitangan KUIM pada tahun 2004 adalah seramai 375 orang, iaitu 146 orang tenaga akademik yang terdiri daripada 7 orang Profesor, seorang Profesor Perubatan, 6 orang Profesor Madya, 78 orang pensyarah, 40 orang tutor dan 13 orang guru bahasa dan seorang guru yang ditempatkan di Pusat Persediaan Pelajar atau dikenali sebagai Pusat TAMHIDI. Dari segi pentadbiran, KUIM mempunyai sejumlah 229 orang kakitangan yang terdiri

daripada 60 orang dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional serta 169 orang kakitangan pentadbiran dalam kumpulan sokongan.

Tahun 2004 juga memperlihatkan beberapa pelantikan muka baru untuk mengisi beberapa kekosongan jawatan di KUIM. Antara peristiwa yang akan menjadi ingatan dalam lembaran sejarah KUIM ialah pelantikan Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah sebagai Timbalan Rektor (Akademik dan Penyelidikan) yang menggantikan YB Dato' Dr. Abdullah Muhammad Zin yang telah dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Pelantikan tersebut berkuatkuasa pada 16 Mei 2004 untuk tempoh 3 tahun. Jadual menunjukkan senarai pelantikan baru bagi jawatan Timbalan Rektor, Dekan, Timbalan Dekan, Pengarah, Timbalan Pengarah, Penyelaras dan Pengetua Asrama.

Jawatan	Tetap	Kontrak	Sementara	Pinjaman	Jumlah Keseluruhan
Pengurusan Tertinggi	-	2	-	1	3
Akademik	73	25	44	1	143
Pengurusan Profesional	51	7	-	2	60
Sokongan	158	11	-		-169
Jumlah	282	45	44	4	375

Jadual 20 : Kedudukan Perjawatan Berdasarkan Status Lantikan

Nama	Jawatan	Tarikh Lantikan	Tarikh	Tempoh
			Tamat Lantikan	
1. Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah	Timbalan Rektor (Akademik dan Penyelidikan)	16 Mei 2004	15 Mei 2007	3 tahun
2. Prof. Datin Dr. Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim	Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan	1 Jun 2004	31 Mei 2006	2 tahun
3. Prof. Dr. Nik Mohd Nasri Nik Ismail	Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Keshatan	1 Jun 2004	31 Mei 2006	2 tahun
4. Pn. Hazleena Baharun	Penyelaras Unit Bahasa Inggeris	1 Julai 2004	30 Jun 2005	1 tahun
5. En. Abdul Manan Ismail	Pengetua Asrama Riviera III	2 Ogos 2004	1 Ogos 2006	2 tahun
6. En. Muhammad Mustaqim Mohd Zarif	Pemangku Dekan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah	17 Ogos 2004	16 Ogos 2006	2 tahun
7. Prof. Madya Dr. Ahmed Mahir Mokhtar Bakri	Pemangku Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Persidangan	1 November 2004	31 Oktober 2006	2 tahun

Jadual 22 : Senarai Pelantikan Baru Bagi Jawatan Timbalan Rektor, Dekan, Timbalan Dekan, Pengarah, Timbalan Pengarah, Penyelaras dan Pengetua Asrama, Kolej Universiti Islam Malaysia

Hal Ehwal Sumber Manusia

Cuti Belajar

Bilangan kakitangan akademik yang melanjutkan pengajian sama ada dalam atau luar negara bagi tahun 2004 ialah seramai 14 orang. Jumlah ini meningkat berbanding pada tahun 2003 iaitu seramai tujuh orang sahaja. Manakala kakitangan akademik yang telah berjaya menamatkan pengajian pada tahun ini seramai lima orang. Ini menjadikan jumlah kakitangan akademik yang sedang bercuti belajar seramai 22 orang iaitu 4 orang melalui Biasiswa KUIM dan 18 orang lagi menerima Hadiah SLAB JPA.

Ketika ini, seramai 12 orang melanjutkan pengajian di peringkat PHD dan bakinya di peringkat Sarjana. Jumlah kakitangan yang melanjutkan pengajian di luar negara ialah seramai 7 orang di United Kingdom iaitu di University Edinburgh(2 orang); University Of East London (1 orang), Universiti Durham (2 orang); University of Stirling (1 orang) dan University of Exeter (1 orang) dan seorang di Universiti Al Bayt, Jordan. Manakala di Universiti tempatan seramai 14 orang.

Penilaian Tahap Kecekapan

Pada tahun 2004, seramai 70 orang kakitangan telah mengambil peperiksaan Peperiksaan PTK tahap 1 dan 4 orang peperiksaan PTK Tahap 3 dalam pelbagai kategori jawatan. Manakala bagi Kursus PTK Tahap 3 seramai 4 orang calon telah mengikuti kursus di UKM dan seorang calon PTK Tahap 6 mengikuti kursus di Universiti Utara Malaysia (UUM). Selain itu juga, KUIM turut mengadakan peperiksaan PTK bagi kakitangan Pemandu Kenderaan Bermotor (R3), Pembantu Am

Rendah (PAR-N1) dan juga Juruteknik (J17). Pada tahun 2004 juga, KUIM telah berjaya menganjurkan Kursus Kenegaraan untuk calon-calon PTK-1 dengan kerjasama Biro Tata Negara (BTN), jabatan Perdana Menteri (JPM). Kursus ini dibahagikan kepada dua peringkat iaitu Sasaran 2 (Gred 17-26) pada 29 November hingga 3 Disember 2004 melibatkan seramai 120 orang peserta. Manakala peringkat kedua pula ialah bagi Sasaran 1 (Gred 27-45) pada 6 hingga 10 Disember melibatkan seramai 131 orang peserta. KUIM telah menghantar seramai 5 orang pegawai bagi mengikuti kursus Jurulatih PTK anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Undang-Undang dan Tatatertib

Proses pemantapan pengurusan dan pentadbiran Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) diteruskan dengan penubuhan sebuah unit baru, iaitu Unit Undang-Undang & Tatatertib pada bulan September 2004. Unit ini juga diberi tanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang masalah yang berkaitan dengan perundangan dan membuat semakan semula peraturan atau undang-undang KUIM yang sedia ada. Ini adalah merupakan sebahagian daripada usaha untuk mengurangkan karenah birokrasi dan meningkatkan keberkesanan peraturan-peraturan dan undang-undang tersebut. Penyediaan Statut-statut Universiti juga merupakan sebahagian daripada tugas yang diuruskan oleh Unit ini. Sehingga Disember 2004, draf beberapa statut utama Universiti telah disiapkan.



Hal Ehwal Sumber Manusia

Latihan

Bagi tahun 2004, sebanyak 41 buah kursus dirancangkan oleh Unit Latihan untuk dilaksanakan, di mana 18 buah kursus adalah anjuran daripada Unit Latihan dan 23 buah lagi adalah Latihan ICT dengan kerjasama Unit Teknologi Maklumat (IT) KUIM. Namun begitu, pelbagai kursus atau program latihan lain turut diadakan dengan kerjasama unit-unit atau bahagian lain yang terdapat di KUIM bagi melahirkan kakitangan yang lebih berdedikasi, cekap, bertanggungjawab terhadap tugas masing-masing dan sebagainya.



Kakitangan juga turut dihantar untuk mengikuti kursus atau latihan anjuran pihak luar seperti Institut Pentadbiran Awam Negara (INTAN), Kementerian Pendidikan, IPTA tempatan malahan swasta bagi menimba pengalaman serta sebagai panduan mereka di KUIM kelak. Kakitangan yang dihantar mengikuti kursus yang disediakan adalah berdasarkan keperluan bidang tugas mereka masing-masing bagi semua peringkat.

Sebanyak 17 buah kursus dalaman telah berjaya dijalankan oleh Unit Latihan pada tahun 2004 iaitu dengan kekerapan 1 hingga 2 buah latihan dijalankan sebulan (tidak termasuk Program Tazkirah Syahriyyah dan Latihan ICT) bertempat di Bilik Tazkirah, Tingkat 11 Menara A – Kampus Sementara KUIM.

Manakala sebanyak 64 penyertaan telah dihantar melalui kelulusan pihak Universiti di mana ianya melibatkan seramai 109 orang kaitangan KUIM dari pelbagai jawatan dan Jabatan.



Peperiksaan

Selain daripada mengendalikan kursus dalaman dan luaran, Unit Latihan juga turut mengendalikan Peperiksaan Perkhidmatan dan juga Peperiksaan Induksi kepada kakitangan KUIM untuk mengesahkan jawatan atau perkhidmatan mereka di KUIM. Peperiksaan Induksi dijalankan serentak dengan Perkhidmatan Awam lain di seluruh Malaysia dan soalan peperiksaan adalah berpusat daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Malaysia.

Bagi Peperiksaan Perkhidmatan pula, kakitangan yang ingin mendudukinya perlulah memohonnya terlebih dahulu melalui pihak Urus Setia. Soalan-soalan bagi Peperiksaan Perkhidmatan adalah disediakan oleh Ketua Jabatan yang mewakili Jabatan atau Bahagian kakitangan yang memohon dan ada juga soalan diambil dari pihak luar. Peperiksaan Perkhidmatan bagi tahun 2004 telah membabitkan sebanyak 17 jenis gred perkhidmatan dari pelbagai jawatan yang mendudukinya dengan 32 orang calon.

MAJLIS MENANDATANGANI
MEMORANDUM PERJANJIAN (MoA)
ANTARA
KOLEJ UNIVERSITI MALAYSIA (KUIM)
DENGAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

425H / 6 Oktober 2004

HAL EHWAL KOPORAT

• 2004

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA



Hal Ehwal Korporat

Pengurusan Kualiti

Pensijilan ISO 9001 : 2000

Pada tahun 2004, KUIM telah mencatat sejarah apabila telah berjaya mendapat pensijilan MS ISO 9001 : 2000. Walaupun KUIM merupakan sebuah Universiti yang baru mengorak langkah, namun kejayaan Universiti memperoleh persijilan MS ISO 9001:2000 di bawah skop **Penyediaan Perkhidmatan Pendidikan Peringkat Sarjana Muda Termasuk Rekabentuk Dan Pembangunan Kurikulum Program** dalam tempoh lima tahun pertama beroperasi membuktikan bahawa aspek kualiti menjadi teras amalan setiap warga KUIM. Prinsip-prinsip serta ciri-ciri dalam Sistem Pengurusan Kualiti KUIM meletakkan KUIM setanding dengan universiti lain. Sistem Pengurusan Kualiti yang diamalkan menjamin pembudayaan kualiti yang konsisten dan seterusnya menjamin kecemerlangan KUIM.

Pensijilan MS ISO 9001:2000 yang dicapai oleh KUIM pada 26 November 2004 bukan sahaja dapat meningkatkan daya saing universiti secara keseluruhan tetapi ia merupakan pemangkin kepada setiap kakitangan KUIM untuk memberi sumbangan dan komitmen yang lebih jitu bagi menaikkan nama KUIM. Ini sejajar dengan kepelbagaiannya program-program pengajian yang ditawarkan oleh KUIM yang tidak pernah mengeneplikan aspek-aspek kualiti.

Sambutan Hari Q dan Pensijilan MS ISO 9001 : 2000

Sambutan Hari Q peringkat Universiti telah diadakan pada 14 Disember 2004 yang lalu bertempat di Auditorium MPAJ, Pandan Indah. Sambutan Hari Q ini merupakan detik yang bersejarah bagi KUIM kerana selain daripada Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2003, pada majlis sambutan tersebut KUIM telah dianugerahkan Sijil MS ISO 9001:2000 oleh Tuan Haji Abd Razak b Salim, Pengarah Eksekutif SIRIM QAS International Sdn. Bhd. yang mewakili Pengerusi SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Pensijilan MS ISO 9001:2000 Skop Penyediaan Perkhidmatan Pendidikan Pada Peringkat Sarjana Muda Termasuk Rekabentuk Dan Pembangunan Kurikulum Program adalah diharapkan akan dapat meletakkan KUIM setanding dengan Universiti-Universiti yang lain.



Bengkel dan Kursus

Beberapa siri bengkel dokumentasi Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2000 telah diadakan pada tahun 2004 yang bertujuan memberi pendedahan kepada kakitangan KUIM. Antara bengkel dan kursus yang telah diadakan adalah seperti berikut :

Bengkel Dokumentasi Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001 : 2000

Bengkel pembangunan dokumen ini telah diadakan pada 23 – 25 Januari 2004 di D' Village Ayer Keroh, Melaka dan pada 27 – 29 Januari di ESSET KWSP, Bangi. Bengkel Pembangunan dokumen ini terdiri daripada Manual Kualiti, Prosedur Kerja dan Arahan Kerja telah dibimbing oleh juruperunding daripada SQIS SIRIM Berhad dan dihadiri oleh semua Pegawai Dokumen di setiap Bahagian/ Jabatan/ Unit/ Fakulti KUIM.

Kursus Audit Kualiti Dalaman (IQA)

Pada 11 – 13 Mac, 2004, Kursus Audit Dalaman (IQA) telah diadakan di Residence Hotel @ UNITEN Bangi. Objektif kursus ini diadakan adalah bagi memberi latihan kepada bakal auditor kualiti dalaman KUIM. Kursus ini telah dikendalikan oleh Dr. Mohd Azman b Idris, Pengurus Besar SQIS SIRIM Berhad. Seramai 16 orang peserta telah menghadiri kursus ini dan dianugerah sijil kelayakan sebagai auditor kualiti dalaman KUIM. Susulan daripada itu, mock audit telah dijalankan bagi memastikan semua peserta mengaplikasikan pengetahuan yang telah diperolehi.

Hal Ehwal Koperat

Audit Kecukupan (Adequacy Audit) oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Audit kecukupan dokumen ISO telah diadakan pada 9 April 2004 oleh auditor dari SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Dapatan audit amat memberansangkan dan teguran audit tersebut telah ditangani dengan jayanya.

Audit Kualiti Dalam

Sistem Pengurusan Kualiti KUIM yang telah dibangunkan perlu diuji keberkesanannya dan ruang-ruang penambahbaikan perlu dikenal pasti bagi meningkatkan kecekapan sistem. Sehubungan itu, pada 29 Jun 2004 – 7 Julai 2004 Audit Kualiti Dalam telah dijalankan di semua Bahagian/ Jabatan/ Unit/ Fakulti di KUIM oleh Pasukan Audit Kualiti KUIM.

Audit PraPematuhan MS ISO 9001 : 2000

Pada 1 hingga 3 September 2004, Audit PraPematuhan telah dijalankan. Audit ini merupakan *mirror image* kepada Audit Pematuhan yang akan diadakan pada 20 hingga 23 September 2004. Audit PraPematuhan ini dijalankan oleh pihak SIRIM Berhad. Walaupun aktiviti audit ini bukanlah audit sebenar namun perhatian serius dan kerjasama yang padu daripada semua Ketua Bahagian/ Dekan dan semua kakitangan yang terlibat dengan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti membolehkan aktiviti audit ini dijalankan dengan jayanya.

Audit Pematuhan MS ISO 9001 : 2000

Audit pematuhan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2000 telah diadakan pada 20 – 23 September 2004 yang lalu oleh Pasukan Audit dari SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Penemuan audit tersebut telah ditangani oleh Bahagian/ Jabatan/ Unit/ Fakulti yang terlibat dengan berkesan dan seterusnya melayakkan KUIM untuk mendapat pengiktirafan pensijilan MS ISO 9001:2000 oleh pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Perhubungan Awam

Pada tahun 2004, KUIM telah menerima kunjungan beberapa pusat pengajian dan pihak swasta dari seluruh negeri untuk melihat dengan lebih dekat perkembangan KUIM. Antara pusat pengajian dan pihak swasta yang telah membuat kunjungan ke KUIM ialah seperti berikut:

Lawatan Kerjasama Akademik Kolej Islam Johor Ke Kuim

Kolej Islam Johor telah mengadakan Lawatan Kerjasama Akademik ke KUIM yang diketuai oleh En. Mohd. Khata bin Jabor selaku Pengarah Kolej Islam Johor pada 12 Januari 2004. Lawatan ini bertujuan untuk memperkenalkan Kolej Islam Johor kepada masyarakat akademik di KUIM di samping melihat secara dekat perjalanan program pengajian Islam yang di tawarkan di KUIM sekaligus membincangkan kerjasama dua hala dalam bidang akademik.

Lawatan Kerja Institut Pengajian Tinggi Islam Johor (Marsah) Ke Kuim

Institut Pengajian Tinggi Islam Johor (MARSAH) telah mengadakan lawatan Kerja ke KUIM yang diketuai oleh YB Tuan Hj. Hamzah bin Ramli, selaku Pengurus Jawatankuasa Hal-Ehwal Agama Negeri Johor, merangkap Ahli Lembaga Pengarah MARSAH. Tujuan lawatan ini adalah untuk mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara Marsah dan KUIM dan meninjau kemungkinan kedua-dua institusi ini boleh menjalin kerjasama demi kepentingan masa depan pelajar MARSAH.

Lawatan Sambil Belajar Sek.Men. Keb. Agama Durian Guling, Marang Kuala Terengganu Ke KUIM

Sek. Men. Keb. Agama Durian Guling, Marang Kuala Terengganu telah mengadakan lawatan sambil belajar ke KUIM pada 29 Mei 2004. Objektif program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan maklumat tentang KUIM dari segi peluang melanjutkan pelajaran dan kerjaya di samping mengenali KUIM dengan lebih dekat lagi. Lawatan ini disertai seramai 36 orang pelajar tingkatan 6 atas dan diketuai oleh En. Che Ali Aziz selaku Penolong Kanan Sekolah Men. Keb. Agama Durian Guling.

Hal Ehwal Korporat

Lawatan Kerja Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia ke KUIM.

KUIM telah menerima lawatan kerja dari Darul Quran pada 2 Ogos 2004. Tujuan lawatan ini adalah untuk mewujudkan hubungan yang lebih akrab antara Darul Quran dengan KUIM khususnya dalam bidang akademik. Lawatan ini telah diketuai oleh Ustaz Haji Razali bin Hj. Shahabudin selaku Pengetua Darul Quran.

Lawatan Sambil Belajar Dari PERKIM Cawangan Lipis Ke KUIM.

KUIM telah menerima lawatan sambil belajar dari PERKIM cawangan Lipis pada 11 September 2004. Ahli rombongan ini terdiri daripada Ahli PERKIM Daerah Lipis dan juga saudara baru Orang Asli seramai empat puluh orang. Lawatan ini juga bertujuan untuk mengenali KUIM dengan lebih dekat lagi disamping berkenalan dengan pelajar-pelajar KUIM yang berasal dari Pahang.

Lawatan Media Dari Meja Pendidikan Utusan Malaysia Ke KUIM.

Meja Pendidikan Utusan Malaysia telah mengadakan lawatan media ke KUIM pada 27 September 2004. Tujuan lawatan ini adalah untuk mengenali KUIM dengan lebih dekat lagi disamping menjalinkan hubungan media-IPTA di antara Utusan Malaysia khususnya Meja Pendidikan dengan KUIM. Lawatan ini telah diketuai oleh En. Wahid Hashim selaku Ketua Unit Pendidikan Utusan Malaysia.



Pameran

Pameran Pendidikan & Kerjaya Penyayang 2004 telah berlangsung di Dewan Millennium Kepala Batas, Pulau Pinang selama 2 hari. KUIM telah menyertai pameran yang bermula pada 6 – 7 Mac 2004 bagi tujuan mempromosi dan memperkenalkan Universiti kepada masyarakat umum. Pameran ini melibatkan kesemua institusi pengajian awam dan swasta dan juga Badan-badan Kerajaan dan Swasta. Pameran ini telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Malaysian International Education Fair 2004 telah diadakan pada 30 April – 2 Mei 2004 bertempat di PWTC, Kuala Lumpur. KUIM telah menyertai pameran selama 4 hari ini bagi tujuan untuk mempromosikan dan memperkenalkan Universiti kepada Institusi-Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia, media massa seterusnya masyarakat agar maklumat Universiti dapat disalurkan kepada golongan sasaran.

Pameran Sempena Pesta Pemasyhuran Tuanku Canselor KUKUM telah diadakan pada 15 – 17 Julai 2004 bersempena dengan Istiadat Pemasyhuran Tuanku Raja Muda Perlis, DYMM Tuanku Syed Faizudin sebagai Canselor KUKUM yang pertama. Pameran yang berlangsung selama 3 hari ini bertempat di Stadium Utama Kangar, Perlis. KUIM telah menyertai pameran ini sebagai tanda sokongan kepada KUKUM di samping memperkenalkan KUIM kepada masyarakat setempat Kangar.

Kolej Matrikulasi Johor telah menganjurkan Karnival Pendidikan Tinggi dan Pameran Kerjaya kali ke-2 bagi pelajar Program matrikulasi sesi 2004/2005 pada 26 – 28 Ogos 2004. KUIM telah menyertai pameran selama 3 hari bermula jam 9 pagi hingga 4.30 petang. Karnival ini melibatkan kesemua IPTA dan persatuan professional bagi memberikan penjelasan berkaitan dengan peluang-peluang pendidikan dan kerjaya di institusi masing-masing.

Hal Ehwal Korporat

Perhubungan Korporat



MoA antara KUIM dengan UUM Perlaksanaan Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA)

Sepanjang tahun 2004, KUIM telah menandatangani beberapa Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) dengan pelbagai organisasi luar ke arah mewujudkan hubungan dua hala yang lebih terarah dan mampu mendatangkan keuntungan kepada kedua-dua belah pihak. MoU dan MoA yang telah ditandatangani oleh KUIM pada tahun 2004 adalah seperti berikut:

- MoU dengan General Council for Islamic Banking and Financial Institutions (GCIBFI) telah ditandatangani pada 28 Mac 2004 di Manama Bahrain.
- MoU dengan Universiti Universiti Terbuka Malaysia (OUM) telah ditandatangani pada 8 April 2004 bertempat di kampus OUM, Kuala Lumpur.
- MoA dengan MARA berkaitan penyewaan ruang dan kemudahan di KPTM Bangi telah ditandatangani pada 2 Julai 2004 di Hotel Equatorial, Bangi.
- MoA dengan UKM berkaitan *outsourcing* makmal telah ditandatangani pada 9 September 2004 bertempat di Hotel Equatorial, Bangi.
- MoA dengan UUM berkaitan Perkongsian Pintar Pembangunan Sistem Maklumat Universiti (PPSMU) telah ditandatangani pada 6 Oktober 2004 di Hotel Nikko, Kuala Lumpur.

- MoU dengan WCT Properties Sdn. Bhd. berkaitan penyewaan sebahagian ruang di Menara B telah ditandatangani pada 26 Oktober 2004 di Kampus Sementara KUIM.
- MoA dengan Kementerian Kesihatan Malaysia berkaitan penggunaan beberapa buah hospital dan poliklinik komuniti untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan KUIM telah ditandatangani pada 28 Oktober 2004 di Kampus Sementara KUIM.

Selain dari MoU dan MoA yang baru ditandatangani, MoU dan MoA yang telah ditandatangani pada tahun sebelumnya juga menunjukkan hasil yang membanggakan pada tahun 2004.

Lawatan Dari Luar Negara

KUIM juga tidak ketinggalan menerima kunjungan universiti-universiti luar negara sepanjang tahun 2004. Antaranya ialah:

Lawatan Madrasah Aljuneid Al-Islamiah, Singapura.

100 orang pelajar prauniversiti bersama beberapa orang guru pengiring dari Madrasah Aljuneid Al-Islamiah, Singapura telah mengadakan lawatan sambil belajar ke KUIM pada 17 Mac 2003.

Kunjungan Lembaga Pengarah Institut Pengajian Tinggi Al-Zuhri, Singapura.

Seramai 6 orang anggota Lembaga Pengarah Institut Pengajian Tinggi Al-Zuhri, Singapura telah mengadakan lawatan rasmi ke KUIM pada 18 Mei 2004. Tujuan utama lawatan adalah bertukar-tukar maklumat dan pandangan serta mewujudkan persefahaman antara kedua-dua institusi.

Lawatan dari delegasi Nakhon Sawan Rajabhat University, Thailand

Delegasi dari Nakhon Sawan Rajabhat University, Thailand telah mengadakan lawatan ke KUIM pada 25 Ogos 2004. Tujuan lawatan dari delegasi seramai 17 orang ini adalah untuk bertukar-tukar pendapat di

Hal Ehwal Koporat

samping mengetahui dengan lebih mendalam mengenai KUIM secara amnya dan Fakulti Sains dan Teknologi dan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan secara khususnya.

Lawatan Muslimah Antarabangsa

KUIM telah menjadi destinasi lawatan dari para peserta International Muslimah Course 6/2004 yang dikendalikan oleh Regional Islamic Council of Southeast Asia and the Pacific (RISEAP) pada 15 September 2004 untuk melengkapkan Study Module dalam kursus kelolaan RISEAP tersebut. Lawatan seramai 21 orang adalah terdiri dari 5 orang pegawai pengiring dan 16 orang peserta kursus dari pelbagai negara seperti Thailand, Cambodia, China, Sri Lanka, Maldives, Philippines, Vanuatu, Vietnam, Korea, Jepun dan Malaysia.

Lawatan dari Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam.

Lawatan ke KUIM pada 7 Oktober 2004 ini lebih bersifat untuk mengeratkan lagi hubungan yang telah sedia terjalin antara kedua-dua buah universiti. Lawatan ini terdiri daripada 3 orang wakil dari Universiti Brunei Darussalam iaitu Naib Canselor UBD, Dekan IPISHOAS dan Ketua Jabatan Lughah Arabiah IPISHOAS.

Penerbitan KUIM

Unit Penerbitan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) merupakan salah satu unit di bawah Canselori yang berperanan sebagai urus setia bagi Jawatankuasa Penerbitan yang dipengerusikan oleh Timbalan Rektor (Akademik & Penyelidikan) dalam melakukan gerak kerja penerbitan serta memantau aktiviti-aktiviti penerbitan bahan ilmiah.

Pengarang / Penyunting	Judul	ISBN	Tahun Diterbitkan
1. Abdullah Muhammad Zin Haji Mohd Alwi Yusof Muhammad Haizuan Rozali	Kebatinan Dalam Ajaran Kebatinan	983-41007-0-1	2003
2. -	Ulum Islamiyyah	1675-5936	2003
3. Muhammad Yusuf Khalid Syamsul Bahri Andi Galigo Mohd Radhi Ibrahim	Isu Dakwah dan Kemanusiaan Dalam Era Globalisasi	983-947-50-7	2003
4. Abdullah Muhammad Zin	Abd. Qadir Al-Jilani	983-41007-1-x	2003
5. Hersi Mohamed Hilole Muhammad Yusuf Khalid Hj. Abdul Rahim Arsyad	Language and Islamic Studies	983-41433-0-3	2003
6. Hersi Mohamed Hilole Muhammad Yusuf Khalid Hj. Abd. Rahim Arsyad	Islamic Da'wah In The Age of ICT	983-41433-1-1	2003

Jadual 23 : Penerbitan Buku dan Jurnal

Hal Ehwal Koperat

	Pengarang / Penyunting	Judul	ISBN	Tahun Diterbitkan
7	Irwan Mohd Subri Md Yunus Abd. Aziz Abidah Abdul Ghafar Dina Imam Supaat Syahirah Abdul Syukor	Kajian Syariah dan Undang-undang	983-41280-0-2	2003
8	Mohd Radhi Ibrahim Abdul Rahim Arsyad Roslizawati Ramli Marina Munira Abdul Mutalib	Intelektualisme & Da'wah Masa Kini	983-2950-00-7	2003
9	Abd. Shukor Husin	An-Nubuwah Bayna Al-Mutakallimin Wa Al-Falasifah	983-41007-2-8	2003
10	Afaf Abdul Ghafoor Hameed Adel M. Abdul Aziz Mohamed Abdullahi Nur Muhammad Mustaqim Mohd Zarif	Isu Semasa Pengajian Quran dan Sunnah	983-2950-01-5	2003
11	-	Prosiding Hasil Seminar Penyelidikan KUIM	983-2950-06-6	2003
12	Dina Imam Supaat Irwan Mohd Subri Syaryanti Hussin Farah Salwani Muda @ Ismail Arif Fahmi Md. Yusof Nik Salida Suhaila Nik Saleh Dr. Mohamed Ben Mohamed Beshir Dr. Mohd Khair Hasb al-Rasoul Md. Yunus Abd. Aziz	Prosiding Diskusi Syariah & Undang-Undang	983-41280-1-0	2003
13	-	Kuim's Handbook on Academic Writing	983-41007-8-7	2003
14	Abd. Samat Musa Hazleena Baharun Abd. Karim Abdullah	Islamic Studies in World Institutions of Higher Learning-Issues and Challenge in the Era of Globalization.	983-41007-4-4	2004
15	Mohd Yusof Noor	Manhaj Al-Sufi Fi Akhlak	983-41007-3-6	2004
16	Syamsul Bahri Andi Galigo	Pemikiran Tasawuf Syeikh Abu Mahasin Yusuf Al-Taj	983-41007-7-9	2004

Hal Ehwal Koperat

Aktiviti

Unit Penerbitan KUIM turut aktif menganjurkan pelbagai aktiviti seperti bengkel penulisan yang disertai oleh para kakitangan KUIM sendiri. Antara bengkel yang diadakan pada tahun 2004 ialah:

Bengkel Penulisan Lanjutan 2004

Unit Penerbitan KUIM telah menganjurkan Bengkel Penulisan Lanjutan 2004 untuk ahli-ahli akademik KUIM, pada 13 dan 14 Mei 2004 bertempat di Hotel Seri Malaysia, Port Dickson. Para penceramah terdiri daripada pegawai dari Dewan Bahasa & Pustaka serta pensyarah dari Universiti Malaya iaitu Prof. Madya Dr. Azizah Hj. Hamzah.

Bengkel ini merupakan bengkel lanjutan daripada bengkel penulisan ilmiah yang telah di adakan pada tahun lepas. Di antara objektif bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan lanjut mengenai penulisan dalam menghasilkan karya ilmiah yang lebih bermutu dari aspek bahasa, laras dan juga penerbitan.

Bengkel Penulisan Bahasa Arab 2004

Bengkel penulisan Bahasa Arab ini diadakan atas permintaan ramai di kalangan pensyarah KUIM sendiri. Bengkel ini berjaya diadakan pada 24 dan 25 November 2004 di Hotel Pan Pacific, KLIA. Para penceramah begi bengkel ini ialah Prof. Dr. Mujahid M. Bahjat dan Dr. Mahmood Muhamad Ali.

Majlis Pelancaran Buku KUIM 2004

Satu majlis Pelancaran Buku KUIM 2004 telah diadakan pada 12 Julai 2004 bertempat di Hotel Pan Pacific, Kuala Lumpur. Majlis ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Tuan Hj. Ahmad Salimi Ismail, Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan & Kewangan IPT mewakili Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Hassan Said, Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi.

Sebanyak 10 buah buku telah dilancarkan pada majlis ini termasuk buku al-Manhaj Al-Sufi fi Al-Akhlaq oleh Y.Bhg. Tan Sri Dr. Mohd Yusof Noor. Majlis ini juga telah dihadiri oleh tetamu dari IPTA dan badan berkanun yang bergiat cergas di dalam penerbitan.

Pemasaran

Sejajar dengan peningkatan penerbitan buku oleh Unit Penerbitan KUIM, sasaran strategi pemasaran telah ditingkatkan. Strategi ini ialah dengan menambahkan bilangan pengedar buku, meningkatkan lagi jaringan antara kedai-kedai buku seperti berikut:

- Melalui pengedar buku
- Melalui kedai buku
- Melalui pesta buku antarabangsa

Unit Penerbitan KUIM telah mengambil peluang untuk menyertainya melalui perkongsian booth bersama UIAM. Pesta buku tersebut telah berlangsung pada 21 – 30 Mei 2004 bertempat di PWTC.

- Melalui seminar-seminar KUIM

Sepanjang 2004, Unit Penerbitan telah terlibat dengan enam seminari anjuran KUIM pelbagai peringkat seperti:

- Mahrajan Kerjaya 2004 pada 14-16 Januari 2004 di Kolej Universiti Islam Malaysia
- Seminar Antarabangsa Makanan dan Produk Halal di Hotel Marriot Putrajaya
- Konvensyen Sistem Ekonomi Islam di Hotel Istana
- Seminar in Islamic Banking and Finance (iBAF) di Marriot Putrajaya
- Seminar Kebangsaan Masyarakat Cina dan Perkembangan di Equatorial, Bangi
- Seminar Kebangsaan Usul Fiqh 2004 di Esset KWSP, Bangi, pada 15-16 Disember 2004.
- Pesta Buku Akademik Universiti Malaya pada 13-17 Disember 2004 di Universiti Malaya

Unit Penerbitan KUIM berharap agar dapat bergiat dengan lebih cergas dan mantap dalam penghasilan buku-buku ilmiah yang bermutu untuk menjadi pemangkin dalam membudayakan ilmu di kalangan ahli akademik dan pelajar KUIM serta masyarakat amnya.

HAL EHWAL PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

• 2004

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

Hal Ehwal Pengurusan Teknologi Maklumat

Rangkaian dan Perkakasan

Pada tahun 2004, KUIM telah meningkatkan kemudahan ICT untuk pengajaran dan pengurusan universiti. Kemudahan rangkaian internet telah diperluaskan dengan pemasangan rangkaian menggunakan perkhidmatan satellite bagi menghubungkan kampus Fakulti Sains dan Teknologi (FST) di Kolej Polytech MARA (KPTM) Bangi dengan kelajuan 2 Mbps. Rangkaian Virtual Private Network (VPN) diwujudkan bagi menghubungkan kedua-dua rangkaian kampus induk dan kampus FST.

Rangkaian Local Area Network (LAN) untuk kampus FST telah dipasang untuk menghubungkan Blok Pentadbiran dan Blok Akademik. Sebuah makmal komputer (Itechlab) dengan 25 PC telah dibuka untuk kegunaan pelajar Tamhidi dan FST. Di kampus induk sebuah makmal bahasa Arab yang baru (Iqra'2) dengan 20 PC telah dibuka sebagai tambahan kepada sebuah makmal yang sedia ada.

Perpustakaan KUIM telah disediakan dengan sebuah makmal pencarian maklumat (infolab) dengan 10 PC. Kemudahan ini dapat memberikan peluang kepada pelajar melayari internet dengan lebih selesa berbanding hanya 5 PC sahaja sebelum ini. KUIM juga memperolehi sebuah mesin OMR Opscan 8 yang baru dibeli untuk kegunaan pemprosesan borang OMR permohonan perjawatan dan peperiksaan. Begitu juga dengan perisian Minitab dan ChemOffice 2005 yang baru dibeli untuk kegunaan analisis data penyelidikan dan penyediaan model molekul bagi kegunaan pensyarah FST.

Sistem Maklumat Pengurusan Staf

Jabatan Pendaftar masih menggunakan beberapa sistem/modul yang dibangunkan secara berasingan bagi membantu proses kerja di Jabatan tersebut. SISPEN (Sistem Personel) yang dibangunkan oleh JPA masih lagi digunakan untuk membantu merekodkan maklumat kakitangan Universiti.

Integrated Recruitment Information System (IRIS) sentiasa dikemas kini bagi membantu proses pengambilan kakitangan baru di KUIM. Di samping itu, IRIS dibantu **Sistem Borang (FORMSYS)** untuk merekodkan penjualan borang OMR di kaunter dan merekodkan keluar-masuk borang OMR bagi tujuan proses senarai pendek calon.

Sistem Maklumat Pengurusan Cuti Belajar (SIMCUBE) dibangunkan bagi merekodkan maklumat kakitangan akademik yang sedang Cuti Belajar.

General Event Management System (GEMSYS) dibangunkan bagi membantu merekodkan maklumat Majlis Universiti yang telah diguna pakai semasa Majlis Konvokesyen Ke-2 KUIM.

Sistem Kewangan Universiti (SKU)

Sistem Kewangan Universiti masih lagi menggunakan 3 komponen utama sistem iaitu Sistem **UBS Accounting**, **UBS Payroll** dan **UBS Stock Control** bagi tujuan merekodkan maklumat kewangan Universiti oleh Jabatan Bendahari. Penambahan dibuat dengan perolehan **UBS Asset Pro V 2.1** bagi tujuan merekodkan aset tetap Universiti.

Modul-modul sokongan lain yang telah dibangunkan bagi membantu Jabatan Bendahari adalah **Sistem Panggilan Sebutharga** yang bertujuan memudahkan pengeluaran surat panggilan sebutharga kepada pihak pembekal dan **Sistem OT** yang digunakan bagi memudahkan pengiraan kerja lebih masa kakitangan sokongan. Modul-modul sokongan ini dijangka akan diguna sepenuhnya pada tahun 2005.

Perkhidmatan EBankers yang dibangunkan oleh Bank Islam Malaysia telah dinaiktaraf kepada versi 2.0 dan pemasangan dibuat di dalam persekitaran windows 2000. Pihak Jabatan Bendahari telah mula menggunakan kemudahan **Bill Payment** yang disediakan oleh pihak Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) bagi memudahkan pelajar membuat pembayaran yuran melalui kaunter BIMB.

Hal Ehwal Pengurusan Teknologi Maklumat

Project Monitoring System (PMS) yang dibangunkan oleh pihak MAMPU telah mula digunakan di KUIM bagi memantau perjalanan projek pembangunan Kampus Tetap KUIM di Nilai bermula tahun 2003. Capaian PMS secara on-line daripada KUIM ke pusat server di JPT sedang diusahakan oleh pihak GITN.

Sistem Maklumat Pengurusan Pelajar (SMPP)

Sistem Maklumat Pengurusan Pelajar (SMPP) masih digunakan bagi merekodkan maklumat pelajar. Terdapat beberapa perubahan yang telah dibuat :

Modul Kemasukan

Segala rekod pemohon telah di muat turun dari data JPT termasuk saluran kemasukan Khas (Diploma).

Sebuah laman web (<http://www.kuim.edu.my/kemasukan>) disediakan dimana pemohon akan memasukkan nombor kad pengenalan untuk melihat sama ada calon berjaya atau tidak ditawarkan masuk ke universiti.

Modul Pendaftaran Kursus

Perubahan besar kepada struktur kod kursus dari 6 kepada 7 aksara. Semua jadual (table) yang melibatkan kod kursus dikenalpastikan supaya dapat menampung perubahan struktur ini. Kod setara disimpan bagi tujuan rujukan masa hadapan.

Sistem juga menyediakan kemudahan kepada pensyarah untuk mengeluarkan dan mencetak senarai pelajar masing-masing.

Modul Peperiksaan

Semua jadual, laporan dan skrin bagi Modul Peperiksaan dikemas kini dengan mengambil kira perubahan struktur kod kursus 7 aksara.

Modul ini juga telah dibuat penambahbaikan bagi proses pinjaman dan pemulangan jubah untuk Konvokesyen. Begitu juga dengan proses tempahan cd konvokesyen.

Sistem Pilihan Raya Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)

Sistem yang sebelum ini menggunakan perisian MS Access 2000 sedang dalam proses dinaiktaraf menggunakan perisian Oracle dan dijangka siap sepenuhnya sebelum Julai 2005. Pengguna sistem terdiri daripada bahagian HEP dan Juruaudit dari KUIM. Sistem 'E-Undi' ini boleh dicapai menggunakan Internet Explorer.

Modul Pusat Pengajian Siswazah (PPS)

Merupakan modul yang masih dalam peringkat penambahbaikan. Pada tahun ini, proses bagi menyimpan rekod perkembangan penyelidikan pelajar telah ditambah disamping rekod penyelia. Ini adalah bagi tujuan penilaian prestasi pelajar.

Modul Maklumat Akademik Tamhidi

Bagi keperluan Pusat Tamhidi, sistem pelajar telah diadaptasi dari SMPP. Modul-modul yang terlibat ialah :

1. Modul Kemasukan
2. Modul Jadual Waktu
3. Modul Pendaftaran Kursus
4. Modul Peperiksaan
5. Modul Akaun Pelajar
6. Modul Hal Ehwal Pelajar

Perubahan ketara dibuat pada Modul Peperiksaan mengikut format dan keperluan Pusat Tamhidi.

Perkhidmatan Makmal

Sehingga akhir tahun 2004 terdapat 5 buah makmal dibuka untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran iaitu:

- Makmal iNet (50 PC)
- Makmal iWeb (50 PC)
- Makmal iCom (31 PC)
- Makmal IQRA'1 (21 PC)
- Makmal IQRA'2 (21 PC)

Hal Ehwal Pengurusan Teknologi Maklumat

Laman Portal Universiti

Pada 8 Jun 2004, Laman Web Portal telah dilancarkan dengan rasminya oleh YB. Dato' Dr. Abdullah Muhammad Zin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Laman portal baru ini menggunakan perisian Mambo 4.5 iaitu CMS daripada perisian sumber terbuka. Tujuh (7) seksyen utama dalam portal ini, antara lain mengandungi maklumat Universiti, kemasukan, akademik, R & D, Sumber Rujukan dan Berita serta terbitan KUIM. Melalui laman portal ini, capaian maklumat universiti oleh kakitangan, pelajar dan orang awam dapat dipermudahkan.

Perkhidmatan Multimedia

Sempena Majlis Konvokesyen Kedua KUIM, satu video khas yang bertema "Kecemerlangan Dihayati, Graduan Berkualiti" telah berjaya diterbitkan. Video klip ini ditayangkan pada Malam Santapan dan Majlis Konvokesyen Kedua KUIM pada 20 & 21 Ogos 2004. Proses penggambaran dilakukan dibeberapa lokasi dalam negara termasuk temuramah bersama tokoh agama tempatan, graduan KUIM di alam pekerjaan dan temuramah dengan beberapa pelajar asing. Terdapat 4 segmen utama dalam video tersebut, iaitu;

- Segmen 1 – Perkembangan Akademik/ Penyelidikan / Penerbitan/ Persidangan
- Segmen 2 – Pembangunan Sahsiah Pelajar
- Segmen 3 – Pengurusan Berkualiti
- Segmen 4 – Graduan Berketrampilan

Perkhidmatan SMS

Antara perkhidmatan SMS yang ditawarkan ialah:

- Semakan Keputusan Peperiksaan (KUIM EX)
- Pertanyaan Baki Hutang (KUIM AC)
- Pertanyaan Status Permohonan Asrama (KUIM RES)
- Semakan Jadual Peperiksaan (KUIM ET)
- Maklumat Umum KUIM (KUIM INFO)
- Berita Semasa (KUIM NEWS)
- Direktori Telefon KUIM (KUIM DIR)
- Semakan Status Perjawatan (KUIM JOB)
- Sistem Undian (KUIM POLL)
- Sistem Aduan (KUIM CARE)

Perkhidmatan MobileExec juga diperkenalkan bagi memudahkan panggilan calon-calon temuduga perjawatan KUIM. Perkhidmatan ini juga diperluaskan bagi panggilan mesyuarat-mesyuarat tertentu.

Latihan ICT Kakitangan

Bahagian Sumber Manusia dengan kerjasama Unit Teknologi Maklumat telah melaksanakan program latihan sepanjang tahun. Antara latihan yang telah dijalankan sepanjang 2004 seperti Bengkel Asas Teknologi Maklumat, Taklimat Antivirus dan Taklimat Keselamatan Rangkaian

Projek Kemahiran ICT 2004/2005

Projek Kemahiran ICT 2004/2005 kerjasama antara Unit Teknologi Maklumat dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar sudah masuk kali ketiga perlaksanaannya. Ia wajibkan kepada semua pelajar tahun tiga. Objektif projek ini diadakan adalah untuk:

- Memberikan pendedahan kepada mahasiswa/i kepada penggunaan peralatan/perisian komputer.
- Mencetuskan minat para mahasiswa/i kepada teknologi ICT.
- Mengembangkan idea para mahasiswa/i dalam pelbagai bidang melalui penggunaan teknologi ICT.
- Memberikan latihan praktikal dalam pembangunan aplikasi, pembangunan laman web dan multimedia.
- Mengembangkan sahsiah diri mahasiswa/i melalui ilmu IT yang akan diperolehi.

Tenaga pengajar terdiri daripada kakitangan Unit IT dan pensyarah KUIM. Pada sesi kali ini terdapat seramai 470 peserta mengikuti projek ini. Terdapat empat modul yang ditawarkan:

- Kemahiran Pengurusan Fail (120 peserta)
- Kemahiran Pembangunan Laman Web (120 peserta)
- Kemahiran Excel (119 peserta)
- Kemahiran Multimedia (111 peserta)

Hal Ehwal Pengurusan Teknologi Maklumat



Projek ICT Kampus Tetap

Usaha telah dibuat untuk melaksanakan projek ICT kampus tetap yang telah dirancang sekian lama. Bajet RM 14 juta telah disediakan untuk melaksanakan semua pakej-pakej yang dirancangkan untuk tahun 2004-2005.

Satu Perjanjian Perkongsian Pintar SMU antara KUIM dan Universiti Utara Malaysia (UUM) telah diadakan pada 6 Oktober 2004. Dengan perjanjian ini KUIM akan menggunakan sistem maklumat universiti berdasarkan pengkalan data Sybase yang akan dibangunkan bersama kakitangan UUM selama 24 bulan mulai Julai 2004.

Beberapa siri bengkel juga telah dijalankan dengan usahasama pihak UUM. Antaranya:

- Bengkel Pengurusan Perubahan – 10-11 Julai 2004
- Bengkel Piawaian Pembangunan Sistem Maklumat Aplikasi – 17-18 Julai 2004
- Bengkel Prosidur Operasi Piawai – ASIS – 23-25 Julai 2004
- Bengkel Prosidur Operasi Piawai – PERSIS – 3-4 September 2004
- Bengkel Prosidur Operasi Piawai – IFAS – 6-8 Ogos 2004
- Bengkel Prosidur Operasi Piawai – ReCis – 9 November 2004
- Bengkel Prosidur Operasi Piawai – Portal – 22-23 Disember 2004

HAL EHWAL PENGURUSAN PERPUSTAKAAN

• 2004

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

Kolej Universiti Islam Malaysia
Kuala Lumpur

Universiti Islam
Malaysia Kuala Lumpur

Hal Ehwal Pengurusan Perpustakaan

Hal Ehwal Pembangunan Perpustakaan

Pada tahun 2004, Perpustakaan KUIM terus berusaha untuk memantapkan lagi perkembangan koleksi dan perkhidmatan kepada para pengguna. Usaha ini adalah bersesuaian dengan penambahan beberapa program dan fakulti baru di KUIM. Pada Julai 2004, satu cawangan baru perpustakaan telah ditubuhkan di Kolej Polytech MARA, Bangi, berikutan penubuhan Fakulti Sains dan Teknologi dan Pusat Tamhidi yang terletak di Kolej tersebut.

Pembangunan Bahan Perpustakaan

Sepanjang tahun 2004, sebanyak 2152 judul buku telah diperolehi oleh Perpustakaan. 340 judul daripadanya merupakan bahan sumbangan, manakala selebihnya merupakan bahan yang dibeli. Jumlah keseluruhan bahan sehingga akhir 2004 adalah sebanyak 15,698 judul dan 21,037 naskah. Bagi bahan audio visual (seperti pita video, pita kaset dan CD-ROM), sebanyak 58 judul bahan telah dibeli. Di samping itu, Perpustakaan juga telah melanggan sebanyak 39 judul baru bagi bahan terbitan bersiri (seperti jurnal, majalah dan suratkhabar), menjadikan jumlah keseluruhan bahan terbitan bersiri pada penghujung tahun 2004 berjumlah 233 judul.

Jenis bahan	Judul
Buku	2152
Audio Visual	58
Bahan Terbitan Bersiri (Langganan baru)	39
Jumlah keseluruhan	2249

Jadual 24 : Perolehan Bahan 2004

Manakala jumlah koleksi di Perpustakaan FST sehingga akhir 2004 berjumlah 508 judul. Proses pengelasan dan pengkatalogan telah dijalankan, dan bagi tahun 2004, sebanyak 2,596 judul telah dikatalog, menjadikan jumlah keseluruhan bahan yang telah dikatalog adalah sebanyak 12,265 judul.

Perpustakaan turut berusaha membangunkan Unit Arkib di Perpustakaan yang bertujuan mengumpulkan dan menyelenggara semua bahan-bahan yang berkaitan dengan KUIM. Sehingga akhir 2004, Unit ini telah berjaya mengumpulkan bahan-bahan berupa bahan-bahan terbitan KUIM seperti buku panduan, laporan tahunan, buku-buku, kertas-kertas kerja seminar dan persidangan, risalah, pamphlet dan buletin, dan keratan-keratan akhbar yang memuatkan berita-berita mengenai KUIM.

Perkhidmatan Perpustakaan

Perpustakaan juga berusaha untuk memberikan perkhidmatan pengguna yang terbaik untuk memastikan kepuasan pelanggan dengan mewujudkan pelbagai jenis perkhidmatan, iaitu Perkhidmatan Pinjaman Bahan Perpustakaan, Perkhidmatan Maklumat dan Rujukan, Perkhidmatan Pinjaman Antara Perpustakaan (PAP), Perkhidmatan Bilik Belajar 24 jam, Perkhidmatan Rujukan Suratkhabar Kebelakangan, Program Pendidikan Pengguna, Perkhidmatan Internet dan INFOLAB dan Perkhidmatan Pangkalan Data Atas Talian yang terdiri 2 jenis pangkalan data iaitu: *NSTP E-Media* dan *LawNet*.

Untuk Program Pendidikan Pengguna, Bahagian Perkhidmatan Pengguna telah menganjurkan kelas-kelas Pendidikan Pengguna yang dibahagikan kepada beberapa subjek iaitu *NSTP E-Media*, *LawNet*, *Index Islamicus*, *Indeks Majalah DBP*, Pencarian Maklumat Dalam Internet dan Pencarian Maklumat melalui OPAC Universiti-universiti. Berikut merupakan statistik perkhidmatan-perkhidmatan yang dijalankan :



Hal Ehwal Pengurusan Perpustakaan

Bulan	Pengguna Masuk	Pinjaman	PAP	Internet	Pinjaman BTB	Pinjaman Multimedia	Pinjaman Koleksi Akhbar	Rujukan Perpustakaan Lain
1	6843	2012	4	-	100	3	94	325
2	6304	2268	2	-	79	7	43	76
3	2757	274	1	57	13	2	4	32
4	524	97	1	30	6	6	0	7
5	522	107	2	12	7	6	0	76
6	4992	2752	0	459	16	7	16	174
7	12900	5291	0	805	78	20	44	304
8	8738	6138	1	761	90	8	22	73
9	9905	5425	1	1319	134	0	14	29
10	1596	2120	1	648	15	1	1	29
11	1015	100	8	71	6	0	8	12
12	11008	4039	4	937	106	24	19	170
Jum.	67104	30,623	25	5099	650	84	265	1307

Rajah 25 : Penerbitan Buku dan Jurnal

- * BTB – Bahan Terbitan Bersiri.
- Statistik di atas tidak termasuk jumlah statistik di Perpustakaan FST, di Bangi.

Aktiviti / Perkhidmatan	2003	2004
Pengguna Masuk	63852	67104
Pinjaman Bahan	25243	30623

Rajah 26 : Statistik Pengguna Masuk Dan pinjaman Perbandingan Antara 2003 dan 2004

Bagi meningkatkan mutu perkhidmatan Perpustakaan, ia telah turut terlibat dalam usaha KUIM mendapatkan pensijilan ISO 9001/2000 dengan menyediakan 3 dokumen sokongan iaitu Prosedur Pembekalan Bahan

Maklumat di Perpustakaan, Prosedur Pengurusan Pinjaman Antara Perpustakaan dan Prosedur Pembelian Bahan Maklumat di Perpustakaan.

Tarikh	Aktiviti
1 – 31 Januari	Pameran "PM Dalam Kenangan"
1 – 31 Mac	Pameran "Kepentingan Perpustakaan"
7 Julai	Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Membaca
10 Julai	Pertandingan Tulisan Khat
1 – 31 Julai	Pameran "Organisasi Islam"
5 – 15 Julai	Pertandingan Pencarian Maklumat
24 Julai	Seminar baca@gayahidup Ilmuwan
17 September	Majlis Penutup Sambutan Bulan Membaca

Jadual 27 : Statistik Pengguna Masuk Dan pinjaman Perbandingan Antara 2003 dan 2004





KEMUDAHAN AM

• 2004

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

Kemudahan Am

Kemudahan Pengangkutan

Bagi memastikan kemudahan pengangkutan berjalan lancar bagi kakitangan dan para pelajar dalam urusan sehari-hari, bilangan kendaraan universiti ditambah selaras dengan peningkatan keperluan. Bagi tahun 2004, perolehan tambahan kendaraan termasuklah sebuah bas 40 penumpang, sebuah bas 25 penumpang, sebuah MPV Toyota Unser, sebuah lori 3 tan, dan sebuah kereta Proton Perdana V6.

Pengangkutan yang disediakan meliputi perjalanan dari asrama ke kuliah. Sehingga kini terdapat 3 buah lokasi asrama pelajar iaitu Asrama Rievera, Cheras, Asrama Sri Penara Bandar Tasik Pemasuri Kuala Lumpur dan Asrama Kolej Polytech Mara Bangi Selangor.

Bagi memastikan urusan kuliah harian pelajar berjalan lancar, perkhidmatan bas sewa juga digunakan bagi menampung keperluan yang meningkat. Selain itu, pengangkutan juga disediakan bagi tujuan lain seperti aktiviti ko-kurikulum para pelajar dan lain-lain tugasan harian kakitangan.

Kampus Tetap

Awal tahun 2004, aktiviti pembangunan Kampus Tetap KUIM di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, telah dihentikan buat sementara waktu kerana kontraktor utama (Konsortium Negeri Builders) telah memberhentikan keseluruhan kerja di tapak bina atas sebab komitmen kewangan semakin membebankan. Hal ini berlaku kerana runding harga bagi pakej-pakej bangunan (Pakej 2 Zon 1, Pakej 3 Zon 2, Pakej 4 Zon 3) dan Infrastruktur (Pakej 1B) tidak dimuktamadkan oleh Kementerian Kewangan.

Pada 19 November 2003, KUIM telah mengadakan runding harga semula bagi Pakej 3 Zon 2 (2 Bangunan Fakulti dan 2 Dewan Kuliah Pusat) dan Pakej 1B ((Infrastruktur Asas) yang telah dikecilkkan skopnya atas sebab bajet peruntukan yang terhad. Namun begitu, kelulusan muktamad dari Kementerian Kewangan hanya diterima pada 12 April 2004. Dalam keputusan

tersebut, Pakej 3 Zon 2 telah diluluskan, Pakej 1B diarah dirunding semula bagi skop diutamakan untuk Pakej 3 Zon 2 sahaja, kolej kediaman diswastakan, bayaran komponen ditangguhkan dilaksanakan dengan baki peruntukan sediada.

KUIM telah mengeluarkan Letter of Acceptance (LOA) kepada Konsortium Negeri Builders (KNB) bagi Pakej 3 Zon 2 pada 17 Mei 2004. Namun begitu, KNB hanya memulakan kerja sambungan pembinaan pakej ini pada Jun 2004. Oleh sebab itu, kelewatan pembinaan sebenar berbanding jadual masih berterusan hingga hujung tahun 2004.

Pada 22 Mei 2004, KUIM telah mengadakan runding harga semula bagi Pakej 1B (Infrastruktur Asas dan Bangunan Tambahan) dengan pihak KNB. Namun begitu, tiada harga tawaran dipersetujui. KUIM telah mengemukakan kepada Kementerian Kewangan agar pakej ini dipecah-pecahkan kepada beberapa subpakej dan dilantik secara terus subkontraktor terdahulu yang telah terlibat secara langsung, serta perunding yang menyediakan lukisan reka bentuk juga dilantik secara terus atas nasihat KLIACS. Kementerian Kewangan telah meluluskan lantikan terus subkontraktor dan perunding bagi pakej ini dengan harga dan yuran yang dipersetujui dalam surat bertarikh 30 November 2004.



Kemudahan Am

Aktiviti / Perkhidmatan	Kemajuan Fizikal 10 Julai 2004 (Sebenar / Jadual)	Kemajuan Fizikal 18 Disember 2004 (Sebenar / Jadual)
1 Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan	1% / 2%	25.99% / 33.53%
2 Fakulti Syariah dan Undang-undang	0% / 1.8%	31.02% / 50.59%
3 Dewan Kuliah Pusat 1	0.55 / 0%	38.83% / 39.72%
4 Dewan Kuliah Pusat 2		23.75% / 23.20%
KESELURUHAN	Tiada pengiraan	27.58% / 39.36% lewat 11.79% bersamaan 47 hari

Jadual 28 : Peratus kemajuan baki kerja setiap bangunan adalah seperti berikut:



Projek Tambahan Di Bawah Peruntukan Tahun 2005

Beberapa komponen yang ditangguhkan sebelum ini akan dimulakan penyiapannya dalam tahun 2005 menggunakan peruntukan tambahan tahun 2005 iaitu Bangunan Pentadbiran, Bengkel, Garaj, Stor Pusat, Makmal Sains, Lanskap, Padang Permainan dan Infrastruktur untuk komponen-komponen tersebut. Kementerian Kewangan telah melantik para perunding untuk menyiapkan kerja reka bentuk dan membantu KUIM menguruskan penyiapan komponen-komponen ini.

Cadangan Projek Secara Penswastaan

KUIM telah mengemukakan permohonan kelulusan untuk penswastaan 'Bustaan Al Ariffin' (Laman Intelek) yang mengandungi perumahan jenis apartmen keluarga dan studio untuk para pelajar Sarjana dan Doktor Falsafah dalam tapak kampus tetap sediada. Perumahan ini dikhususkan untuk para pelajar

antarabangsa yang dilengkapi dengan komponen-komponen utama seperti bilik mesyuarat antarabangsa, bilik seminar eksekutif dan lain-lain komponen yang bertaraf antarabangsa. KUIM mensasarkan menjelang tahun 2010 sebanyak 40 peratus pelajar adalah dari peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah yang majoritinya dari negara luar. Disamping itu, 4 Kolej Kediaman Pelajar yang telah diluluskan Unit Perancang Ekonomi (UPE) dan ditangguhkan penyiapannya atas sebab bajet peruntukan tidak mencukupi juga akan diswastakan sekiranya diluluskan oleh UPE.

Cadangan Pembangunan Di Bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK-9)

Beberapa komponen yang telah ditangguhkan akan dimohon semula peruntukan penyiapannya dalam Rancangan Malaysia Ke-9. Disamping itu, KUIM juga akan mengemukakan permohonan peruntukan kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan Unit Perancang Ekonomi (UPE) untuk pembangunan fakulti dan program yang telah diluluskan sebelum ini seperti

Kemudahan Am

Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Fakulti Sains dan Teknologi, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Pusat Tamhidi dan lain-lain program. Disamping itu, beberapa komponen baru akan dikemukakan untuk kelulusan pembangunan seperti Makmal Sains untuk Fakulti Sains dan Teknologi, Pusat Pembangunan Sahsiah Pelajar, Stadium Hoki dan Dewan Serbaguna.



Kampus Sementara

Pihak KUIM telah menyambung tempoh penyewaan Kampus Sementara KUIM di Pandan Indah selama setahun lagi bagi Menara A (Tingkat 9 – 15) dengan pihak Maxisegar Construction Sdn Bhd. dan Menara B (Tingkat 9 – 10) dengan WCT Properties Sdn Bhd. Untuk memastikan pelajar KUIM mempunyai tempat yang selesa untuk belajar, beristirehat dan ruang untuk aktiviti pelajar selepas waktu pengkuliahan serta ruang yang luas untuk pelajar perempuan menunaikan solat, pihak KUIM telah mengubahsuai Tingkat 11 di Menara B menjadi ruang legar terbuka dan surau perempuan. Selain itu juga, KUIM telah menyediakan Stor Perabot dan Stor Am HEP di Tingkat 11 untuk kemudahan Unit Pembangunan dan Unit Hal Ehwal Pelajar menyimpan barang.

Selain itu, KUIM juga telah menyambung penyewaan Asrama Pelajar Riviera II dan Riviera III (141 unit rumah) untuk tempoh setahun lagi dengan pihak Metroplex Development Sdn Bhd.

Fakulti Sains Dan Teknologi Serta Program Tamhidi Di Bandar Baru Bangi

KUIM telah menyewa sebahagian Kolej Poly-Tech MARA (Bangi) untuk penempatan Fakulti Sains dan Teknologi serta Pusat Tamhidi KUIM. Penyewaan bermula 1hb. Mei 2004 dengan tempoh penyewaan 2 tahun dan 1 tahun penyambungan penyewaan. Komponen-komponen premis yang disewa adalah keseluruhan aras 4 Blok Pentadbiran (sebagai bilik-bilik tenaga akademik dan pejabat fakulti) dan aras 3 Blok Akademik B (sebagai bilik tutorial, bilik kuliah, perpustakaan, asrama pelajar dan makmal komputer). Disamping itu, KUIM juga menyewa makmal sains di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk kemudahan pengajaran.

KUIM
Tawar program integrasi dunia, akhirat

KUIM Universiti Islam Malaysia
KUIM merupakan sebuah institusi pendidikan awam Islam yang terdiri daripada lima kampus di seluruh negara. Kampus KUIM di Bandar Baru Bangi merupakan kampus ketiga yang dibina pada tahun 1999. Kampus ini terdiri daripada bangunan pentadbiran, bilik perkuliahan, bilik komputer, bilik makmal, bilik kuliah, perpustakaan, asrama pelajar dan makmal komputer.

ABDIQ, SHAFIQAH (an-7 bersama-sama dengan Muzahidin, Tingkat 11) dan Pengarah Unit Pembangunan Kampus KUIM, Prof. Dr. Mohd. Yussif Hashim melawat projek pembangunan kampus KUIM di Bandar Baru Bangi. Projek pembangunan kampus KUIM ini dilaksanakan oleh Maxisegar Construction Sdn Bhd.

Kami ingin ulang mengucapkan terima kasih kepada seluruh ahli universiti dan kakitangan KUIM atas sumbangan dan kerjasama yang mereka berikan dalam proses pembangunan kampus KUIM. Kami berharap bahawa dengan menggabungkan teknologi moden dengan tradisi dan kearifan Islam, KUIM akan menjadi sebuah institusi yang relevan dan berjaya di masa hadir. Terima kasih.

Sejak dilancarkan pada tahun 1999, KUIM telah mencapai banyak pencapaian akademik dan non-akademik. Kampus KUIM di Bandar Baru Bangi merupakan kampus ketiga yang dibina pada tahun 1999. Kampus ini terdiri daripada bangunan pentadbiran, bilik perkuliahan, bilik komputer, bilik makmal, bilik kuliah, perpustakaan, asrama pelajar dan makmal komputer.

Dua orang ahli akademik Muzahidin dan Shafiqah (an-7 bersama-sama dengan Muzahidin, Tingkat 11) dan Pengarah Unit Pembangunan Kampus KUIM, Prof. Dr. Mohd. Yussif Hashim melawat projek pembangunan kampus KUIM di Bandar Baru Bangi. Projek pembangunan kampus KUIM ini dilaksanakan oleh Maxisegar Construction Sdn Bhd.

Kami ingin ulang mengucapkan terima kasih kepada seluruh ahli universiti dan kakitangan KUIM atas sumbangan dan kerjasama yang mereka berikan dalam proses pembangunan kampus KUIM. Kami berharap bahawa dengan menggabungkan teknologi moden dengan tradisi dan kearifan Islam, KUIM akan menjadi sebuah institusi yang relevan dan berjaya di masa hadir. Terima kasih.

Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan Di Menara B Pandan Indah

Pengurusan KUIM telah meluluskan penempatan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan di Menara B Pandan Indah atas sebab ‘teaching hospital’ KUIM yang diperuntukkan oleh Kementerian Kesihatan adalah Hospital Ampang. Semua keperluan termasuk makmal pelbagai guna, makmal anatomi, makmal mikrobiologi akan ditempat di aras 9,10,11,12 dan 13 Menara ‘B’ yang akan disewa. Kerja ubahsuai dijangka bermula dalam bulan Mac 2005. Tempoh penyewaan adalah 5 tahun dan pihak KUIM telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan pihak WCT Properties pada 26 Oktober 2004 berkaitan perkara ini.

LAPORAN KEWANGAN
TELAH DI AUDIT

• 2004

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

Laporan Kewangan Telah Di Audit


Perbelanjaan Mengurus

KUIM telah diberi peruntukan di bawah Belanja Mengurus untuk tahun 2004 sebanyak RM23,859,500 mengikut pecahan seperti berikut:

- | | |
|--------------------------|--------------|
| 1. Peruntukan Sedia Ada | RM22,162,565 |
| 2. Peruntukan Dasar Baru | - |
| 3. Peruntukan One-Off | RM1,696,935 |

Walau bagaimanapun, KUIM hanya menerima sebanyak RM18,104,434 Geran Mengurus 2004 iaitu lebih kurang tiga suku daripada Geran Mengurus yang telah diluluskan.

Peruntukan Mengurus Tahun 2004 dan 2003




Laporan Kewangan Telah Di Audit

Peruntukan Mengurus yang sebenarnya diterima daripada Kementerian Pengajian Tinggi untuk tahun 2004 hanya bertambah sebanyak RM142,934 (0.8%) daripada jumlah peruntukan Mengurus yang diluluskan dalam tahun 2004 sebanyak RM23,859,500. Peruntukan di bawah Dasar Sedia Ada yang diperuntukan dalam tahun 2004 bertambah sebanyak RM7,736,565 (53.63%), tiada Peruntukan Dasar Baru pada tahun 2004 diperuntukkan. Jumlah Pendapatan

Mengurus KUIM pada tahun 2004 menurun sebanyak RM1,464,284 berbanding dengan jumlah pendapatan pada tahun 2003. Ini sedikit sebanyak dipengaruhi oleh penerimaan Geran Mengurus yang kurang daripada sepatutnya. Manakala pendapatan daripada punca-punca lain KUIM pada tahun 2004 menurun sebanyak RM1,666,963 berbanding dengan pendapatan daripada punca-punca lain KUIM pada tahun 2003.


Jumlah Pendapatan Kolej Universiti Islam Malaysia Tahun 2004 dan 2003



Perbelanjaan Sebenar Berbanding Dengan Peruntukan Mengurus Diluluskan Tahun 2004

Laporan Kewangan Telah Di Audit

	Peruntukan RM	Penggunaan RM	% Guna Keseluruhan
Emolumen	7,830,212	11,574,270	147.82
Perkhidmatan & Bekalan	13,550,838	12,803,231	94.48
Aset	1,696,935	2,299,364	135.50
Pemberian, Bayaran & Perbelanjaan Lain	781,515	382,591	48.96
JUMLAH	23,859,500	27,059,456	113.41

Prestasi Peruntukan dan Perbelajaan Mengurus Tahun 2004

Perbelanjaan untuk emolumen telah terlebih bayar sebanyak 47.82% daripada Peruntukan Emolumen yang diluluskan bagi tahun 2004. Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan ialah sebanyak 94.48% daripada Peruntukan Perkhidmatan dan Bekalan yang diluluskan tahun 2004. Manakala perbelanjaan aset pula melebihi sebanyak 35.5% daripada jumlah Peruntukan Aset yang telah diluluskan tahun 2004.

Perbelanjaan Pembangunan


Pada tahun 2004 ini, KUIM telah menerima Peruntukan Geran Pembangunan sebanyak RM5,000,000 sahaja iaitu agihan bagi tahun 2004 yang telah diluluskan oleh pihak Perbendaharaan.

Laporan Kewangan Telah Di Audit

Secara keseluruhannya iaitu dari tahun 2002 sehingga 2004, KUIM telah menerima geran peruntukan sebanyak RM207,983,769.00 (tidak termasuk kos perolehan tanah iaitu berjumlah RM125,363,000.00). manakala jumlah perbelanjaan sehingga akhir 2004 pula sebanyak RM16,771,108.85 yang terdiri daripada komponen-komponen berikut :

Bil	Butiran Projek	Jumlah (RM)
1.	Pakej 1A - Kerja Tanah	75,591,357.18
2.	Pakej 1B - Infrastruktur	4,438,823.07
3.	Pakej 2 Zon 1 - Pentadbiran	7,918,769.37
4.	Pakej 3 Zon 2 - Akademik	12,650,171.30
5.	Pakej 4 Zon 3 - Kediaman	8,328,390.20
6.	Yuran Perunding	7,457,627.73
7.	Bayaran-bayaran lain	385,970.00
	JUMLAH	RM16,771,108.85

Graf Perbelanjaan Wang Pembangunan KUIM (Keseluruhan)




PENYATA OLEH LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

Kami **TAN SRI DR. MOHD. YUSOF NOOR** dan **PROF. DATO' DR. ABDUL SHUKOR HJ. HUSIN** yang merupakan dua orang daripada Ahli Lembaga Pengarah Universiti **Kolej Universiti Islam Malaysia** dengan ini menyatakan, bagi pihak Lembaga Pengarah Universiti, bahawa pada pendapat kami Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan dalam Ekuiti yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan **Kolej Universiti Islam Malaysia** pada 31 Disember 2004 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga Pengarah Universiti,

Bagi Pihak Lembaga Pengarah Universiti,



Nama : Tan Sri Dr. Mohd. Yusof Noor

Nama : Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin

Gelaran : Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

Gelaran : Rektor

Tarikh : 10 Mac 2005

Tarikh : 10 Mac 2005

Tempat : Kolej Universiti Islam Malaysia,
Kuala Lumpur

Tempat : Kolej Universiti Islam Malaysia,
Kuala Lumpur

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN
KEWANGAN KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

Saya **ROHANI BINTI ABU** (K.P: 500621-07-5234) pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan **Kolej Universiti Islam Malaysia** dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2004, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan dalam Ekuiti yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya }
diakui oleh penama di atas }
ROHANI BINTI ABU }
di Kuala Lumpur }
pada 9 Mac 2005 }

Rohani A





Jabatan Audit Negara
Malaysia

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2004

**KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA**




**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2004**

Penyata kewangan Kolej Universiti Islam Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2004 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.

2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian penyata kewangan secara keseluruhan.
3. Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kolej Universiti Islam Malaysia pada 31 Disember 2004, hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.


(BOON JON LIN)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
29 JULAI 2005



Laporan kewangan Telah Di Audit

**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
LEMBARAN IMBANGAN
PADA 31 DISEMBER 2004**

	NOTA	2004 RM	2003 RM
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	2	5,572,444	5,379,888
PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN	3	116,385,139	91,766,816
ASET SEMASA			
WANG DI TANGAN DAN BAKI DI BANK	4	1,190,758	11,019,555
SIMPANAN TETAP	5	99,684,005	112,202,198
DEPOSIT DAN BAYARAN TERDAHULU	6	1,182,059	1,046,959
PENGHUTANG PELAJAR	7	2,284,104	326,226
PELBAGAI PENGHUTANG	8	355,580	240,839
JUMLAH ASET SEMASA		104,696,506	124,835,777
Tolak:			
LIABILITI SEMASA			
PEMIUTANG	9	831,314	457,106
JUMLAH LIABILITI SEMASA		831,314	457,106
ASET SEMASA BERSIH		103,865,192	124,378,671
		<u>225,822,775</u>	<u>221,525,375</u>
DIBIAYAI OLEH			
KUMPULAN WANG PENGURUSAN	10	15,348,123	16,634,338
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	11	207,498,391	202,884,369
PELBAGAI TABUNG DAN AKAUN AMANAH	12	2,248,609	1,098,248
SKIM LATIHAN AKADEMIK BUMIPUTRA (SLAB)	13	727,652	908,420
		<u>225,822,775</u>	<u>221,525,375</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini

Laporan kewangan Telah Di Audit

**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2004**

	NOTA	2004 RM	2003 RM
PENDAPATAN			
GERAN PEMBERIAN KERAJAAN	1.4	17,558,279	17,355,600
GERAN MODAL DILUNASKAN	1.4	385,978	0
YURAN PENGAJIAN	1.7	4,434,324	4,088,467
		22,378,581	21,444,067
LAIN-LAIN PENDAPATAN			
HASIL PERKHIDMATAN		7,653	17,438
JUALAN KAD FOTOSTAT & BORANG		118,993	17,199
HASIL SEWAAN		20,050	18,820
HIBAH	14	2,952,914	2,515,805
HASIL DENDA		4,222	5,550
TERIMAAN SUMBANGAN DAN BAYARAN GANTI		10,240	11,811
PELBAGAI PENERIMAAN		11,416	63,087
		3,125,487	2,649,710
JUMLAH PENDAPATAN		25,504,069	24,093,777
PERBELANJAAN			
EMOLUMEN			
GAJI POKOK		7,089,015	5,752,094
IMBUHAN/ELAUN TETAP		2,456,609	1,983,781
SUMBANGAN BERKANUN		714,078	666,235
ELAUN LEBIH MASA		153,684	139,865
FAEDAH KEWANGAN YANG LAIN		1,180,831	836,359
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN			
PERJALANAN DAN SARA HIDUP		529,209	388,708
PENGANGKUTAN BARANG-BARANG		1,850	2,810
PERHUBUNGAN DAN UTILITI		1,008,616	937,858
SEWAAN		6,263,010	4,746,015
MINYAK KENDERAAN		89,652	90,142
BEKALAN DAN BAHAN-BAHAN LAIN		1,921,932	2,275,844
PENYELENGGARAAN/PEMBAIKAN KECIL YANG DIBELI		468,067	394,919
PERKHIDMATAN IKTISAS/LAIN-LAIN		2,901,686	2,293,037
PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN			
PEMBERIAN DALAM NEGERI		208,012	204,623
FAEDAH DAN DIVIDEN		0	450

Laporan kewangan Telah Di Audit

**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2004**

	NOTA	2004 RM	2003 RM
BELANJA SUSUTNILAI	2	2,116,608	1,732,790
PELUPUSAN	2	731	100,010
BELANJA HUTANG RAGU		5,971	0
JUMLAH PERBELANJAAN		<u>27,109,561</u>	<u>22,545,540</u>
LEBIHAN/(KURANGAN) DARI PENDAPATAN TAHUN SEMASA		(1,605,492)	1,548,237
LEBIHAN/(KURANGAN) DARI PENDAPATAN TAHUN LEPAS			
SEBELUM PELARASAN		16,634,338	15,418,203
PELARASAN PADA TAHUN LEPAS	15	319,277	(332,102)
LEBIHAN/(KURANGAN) DARI PENDAPATAN TAHUN LEPAS			
SELEPAS PELARASAN		16,953,615	15,086,101
LEBIHAN/(KURANGAN) DARI PENDAPATAN		<u>15,348,123</u>	<u>16,634,338</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini

Laporan kewangan Telah Di Audit

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2004

ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI

	2004 RM	2003 RM
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan daripada Perbelanjaan	(1,605,492)	1,548,237
Pelarasan bagi perkara yang tidak melibatkan pergerakan dana :		
Susutnilai hartaan, loji dan peralatan	2,116,608	1,732,790
Pelupusan	731	100,010
Pelarasan Tahun Lepas	319,227	(332,102)
Aliran tunai daripada operasi sebelum perubahan modal kerja	<hr/> 831,124	<hr/> 3,048,935
Pengurangan/(Pertambahan) modal kerja :		
Pelbagai Penghutang	(2,207,719)	(329,735)
Pelbagai Pembiutang	374,208	(397,985)
Tunai bersih dari aktiviti operasi	<hr/> (1,002,387)	<hr/> 2,321,215

ALIRAN TUNAI UNTUK AKTIVITI PELABURAN

Pembelian harta tetap	(2,309,895)	(1,512,059)
Perbelanjaan Pembinaan Dalam Kemajuan	(24,618,323)	(45,598,311)
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti pelaburan	<hr/> (26,928,218)	<hr/> (47,110,370)

ALIRAN TUNAI UNTUK AKTIVITI KEWANGAN

Geran projek pembangunan	4,614,022	83,599,969
Pembiayaan dari Pelbagai Tabung	1,150,361	472,599
Pembiayaan dari Skim Latihan Akademik Bumiputra (SLAB)	(180,768)	264,828
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti kewangan	<hr/> 5,583,615	<hr/> 84,337,396

PERTAMBAHAN/(PENGURANGAN) BERSIH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN

123,221,753

83,673,512

TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN

100,874,763

123,221,753

TUNAI DAN KESETARAAN TERMASUK :-

Tunai dan Bank	1,190,758	11,019,555
Simpanan Tetap	99,684,005	112,202,198
	<hr/> 100,874,763	<hr/> 123,221,753

Laporan kewangan Telah Di Audit

**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2004**

	Kumpulan wang Pengurusan	Kumpulan wang Pembangunan	Pelbagai Tabung Dan Akaun Amanah	Skim Latihan Akademik Bumiputra	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM
2003					
Pada 1 Januari	15,418,203	119,284,400	625,649	643,592	135,971,844
Tambahan/(Kurangan) Tahun Semasa	1,548,237	83,699,369	472,599	264,828	85,985,033
Pelarasan Tahun Lalu	(332,102)	(99,400)	0	0	(431,502)
Pada 31 Disember	16,634,338	202,884,369	1,098,248	908,420	221,525,375
 2004	 	 	 	 	
Pada 1 Januari	16,634,338	202,884,369	1,098,248	908,420	221,525,375
Tambahan/(Kurangan) Tahun Semasa	(1,605,492)	4,614,022	1,150,361	(180,768)	3,978,123
Pelarasan Tahun Lalu	319,277	0	0	0	319,277
Pada 31 Disember	15,348,123	207,498,391	2,248,609	727,652	225,822,775

Laporan kewangan Telah Di Audit

NOTA 1

DASAR PERAKAUNAN PENTING

1.1 AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Kolej Universiti Islam Malaysia dapat dilihat dari 3 fungsi utamanya iaitu:-

a. Pengurusan dan Pembangunan Akademik

Meliputi aktiviti pengajaran, penerbitan, khidmat masyarakat, pengambilan pelajar, peperiksaan dan pengijazahan.

b. Pentadbiran dan Pengurusan Kewangan

Meliputi aktiviti Pembangunan Sumber Manusia, Pembangunan dan Aktiviti Pelajar, Pembangunan Kualiti dan Perhubungan Luar, Hal Ehwal Korporat dan Pusat Kecemerlangan dan Jabatan Bendahari.

c. Pusat Data dan Teknologi Maklumat

Meliputi pembelian Koleksi Perpustakaan, kendalian Teknologi Maklumat dan Kemudahan Fizikal.

1.2 ASAS PERAKAUNAN

Penyata Kewangan Kolej Universiti ini telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan mematuhi piawaian perakaunan yang telah diluluskan di Malaysia.

1.3 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN DAN SUSUTNILAI

a. Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai pada tahun semasa.

b. Setiap unit harta, loji dan peralatan yang memenuhi kriteria-kriteria harta, loji dan peralatan dari segi kos usia guna melebihi satu tahun akan dipermodalkan. Hartanah, loji dan peralatan yang tidak memenuhi kriteria-kriteria harta, loji dan peralatan akan diambilkira sebagai perbelanjaan tahun semasa.

c. Susutnilai bagi harta, loji dan peralatan dikira berdasarkan kaedah garis lurus ke atas anggaran usia guna harta, loji dan peralatan. Susutnilai penuh dikenakan dalam tahun perolehan atau pembelian dan tiada susutnilai dikenakan dalam tahun penjualan.

d. Hartanah, loji dan peralatan yang dibeli bernilai RM1,000 dan ke atas diambilkira sebagai harta, loji dan peralatan di dalam Lembaran Imbalan. Hartanah, loji dan peralatan bernilai di bawah RM1,000 diambilkira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan. Pengiktirafan Kenderaan sebagai aset tidak mengambil kira perbelanjaan terlibat iaitu cukai jalan dan insuran.

e. Polisi untuk kadar susutnilai tahunan harta, loji dan peralatan telah ditukar dan ditetapkan seperti berikut:

Infrastruktur	5%
Ubahsuai Pejabat	5%
Kenderaan & Jentera	20%
Komputer & Rangkaian	20%
Mesin Alat Pejabat	20%
Perabot & Pasangan	20%
Alat Bantuan Mengajar	10%
Aset Asrama	20%
Alat Pandang Dengar	10%
Alat Perhubungan	10%
Kelengkapan konvoikesyen	10%
Alat Sukan	25%
Aset Tabung Penyelidikan	10%
Aset Tabung Pengetua	10%

f. Buku-buku Perpustakaan tidak dipermodalkan dan direkodkan di dalam Daftar Buku-buku Perpustakaan.

g. KUIM telah diluluskan untuk memiliki tanah seluas 471.8 ekar di Bandar Baru Nilai dimana kos pampasan pemilikan tanah tersebut telah dibayar oleh Jabatan Pendidikan Tinggi dengan harga RM125.34 juta. Hak milik tanah ini adalah di bawah KPTG dan geran asal dipegang oleh pihak berkuasa. Kos tanah tidak termasuk di dalam kos bayaran.

1.4

GERAN PEMBERIAN KERAJAAN

Geran Pemberian Kerajaan untuk Belanja Mengurus diambilkira dalam Penyata Pendapatan Kumpulan Wang Mengurus. Pemberian untuk Skim Latihan Cuti Belajar/Sabatikal dan Biasiswa, Pinjaman Komputer dan Kenderaan diakaunkan terus dalam akaun berkenaan dan diiktiraf berdasarkan asas tunai. Geran yang diluluskan seperti di dalam ABM 7 adalah sebanyak RM23,859,500 tetapi geran yang disalurkan kepada Kolej Universiti Islam Malaysia hanya sebanyak RM17.5juta.

Bagi geran pemberian kerajaan untuk projek pembangunan ianya diiktiraf sebagai geran modal tertunda dan akan dilunaskan mengikut belanja susutnilai projek yang telah disiapkan.

1.5 PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN

Pembinaan Dalam Kemajuan dapat dinilai pada peringkat bayaran. Susutnilai tidak diperuntukan. Apabila pembinaan siap, kos pembangunan dipindah ke dalam aset tetap.

1.6 PENDAPATAN

Pendapatan dari yuran dan simpanan tetap dan lain-lain pendapatan selain dari akaun amanah khusus dianggap sebagai pendapatan Kolej Universiti. Pendapatan dari simpanan tetap dikira hingga akhir tahun kewangan.

1.7 YURAN PENGAJIAN

Yuran pengajian perlu dibayar setiap semester pada pertengahan dan akhir tahun kewangan. Hanya yuran semester yang berkaitan dengan tahun kewangan semasa diambilkira sebagai pendapatan.

1.8 CUKAI PENDAPATAN

Kolej Universiti adalah dikecualikan dari cukai pendapatan atas pendapatannya di bawah perenggan 13 Jadual 6, Bahagian 1, Akta Cukai Pendapatan 1967 kecuali bagi pendapatan dividen.

1.9 INSTRUMEN KEWANGAN

a. Objektif dan Dasar Pengurusan Risiko Kewangan

Sebagai Kolej Universiti yang baru ditubuhkan dan tidak mempunyai kampus tetap sendiri Dasar Pengurusan Risiko Kewangan Kolej Universiti adalah untuk memastikan sumber kewangan yang mencukupi untuk membayai kos operasi pengurusan dan pembayaran projek pembangunan kampus tetap Kolej Universiti dan lain-lain perbelanjaan yang tidak diduga.

b. Risiko kadar faedah

Tiada risiko kadar faedah yang dialami oleh Kolej Universiti bagi faedah ke atas pinjaman bank jangka pendek disebabkan Kolej Universiti tiada sebarang pinjaman pada 31 Disember 2004. Pelaburan dalam aset kewangan adalah bersifat jangka pendek di mana semuanya diletakkan di dalam institusi kewangan tempatan.

c. Risiko kecairan dan aliran tunai

Kolej Universiti memastikan bahawa aliran tunai yang tersedia untuk memenuhi perbelanjaan penyewaan, penyelenggaraan, sekuriti di luar jangkaan diurus dengan sebaik-baiknya.

1.10 PERUNTUKAN HUTANG RAGU

Semua hutang melebihi satu tahun diperuntukan hutang ragu pada kadar 5% berdasarkan penyemakan akhir tahun ke atas hutang yang ditentukan. Hutang lapuk dilupuskan dalam tahun ianya dikenalpasti dan mendapat kelulusan.

1.11 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai adalah merangkumi wang tunai di tangan dan baki di bank serta simpanan tetap yang tidak dicagarkan untuk sebarang tujuan.

NOTA 1
Aset Tetap 2004

PERKARA	INFRASTRUKTUR	UBAHSUAI PEJABAT	KENDERAAN DAN JENJERA	KOMPUTER DAN RANGKAIAN	MESIN/ ALAT PEJABAT	PERABOT DAN PASANGAN	ALAT BANTUAN MENGAJAR	ASET ASRAMA	ALAT PANDANG DENGAR	ALAT PERHUBUNGAN	KELENGKAPAN KONVOKESYEN	ALAT SUKAN	ASSET TABUNG PENYELIDIKAN	ASSET TABUNG PENGETUA	JUMLAH
KOS	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari	186,690	843,508	2,599,594	2,535,501	292,960	1,621,490	224,255	777,202	140,174	25,057	188,780	185,710	111,185	5,576	9,737,682
Tambahan	0	39,213	848,609	1,005,422	114,078	74,000	0	0	21,220	76,310	3,906	6,500	41,061	0	2,311,709
Pelarasan Tahun Lepas	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Pada 31 Disember	186,690	882,721	3,448,203	3,540,923	407,038	1,695,490	305,645	776,272	161,394	100,768	192,686	192,210	152,246	5,576	12,047,862
SUSUTNILAI															
Pada 1 Januari	44,034	160,913	1,299,633	1,212,090	144,459	902,962	61,177	417,207	31,083	4,574	18,878	49,107	11,118	558	4,357,793
Tambahan	9,334	44,136	689,641	657,853	81,408	339,098	30,565	155,254	16,139	10,977	19,269	48,053	15,225	558	2,116,608
Pelarasan Tahun Lepas	0	1,815	0	0	0	0	0	0	(38)	38	0	0	0	0	0
Pelupusan	0	0	0	0	0	0	0	0	(240)	0	0	0	0	0	(798)
Pada 31 Disember	53,388	206,864	1,989,274	1,869,943	225,867	1,242,060	91,742	577,903	47,184	14,449	38,147	97,160	26,343	1,116	6,475,418
NILAI BUKU BERSIH															
Pada 1 Januari	142,656	682,595	1,299,961	1,323,411	148,501	718,528	163,078	359,995	108,091	20,483	169,902	136,603	100,067	5,018	5,379,889
Tambahan	(9,334)	(4,923)	158,968	347,569	32,670	(265,098)	50,826	(155,254)	5,081	66,233	(15,363)	(41,553)	25,836	(558)	195,101
Pelarasan Tahun Lepas	0	(1,815)	0	0	0	0	0	0	38	(38)	(38)	0	0	0	(1,815)
Pelupusan	0	0	0	0	0	0	0	0	(372)	0	(369)	0	0	0	(731)
Pada 31 Disember	133,322	675,857	1,468,929	1,670,980	181,171	453,430	213,904	204,369	114,210	86,319	154,539	95,050	125,903	4,460	5,572,444

NOTA 2

NOTA 3

PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN

	2004 RM	2003 RM
Baki pada 1 Januari	91,766,816	46,168,505
Perbelanjaan Semasa:		
Pakej 1A	6,206,299	69,467,458
Pakej 1B	971,000	3,467,823
Pakej 2 – Zon 1	2,677,685	5,241,085
Pakej 3 – Zon 2	8,489,328	4,160,843
Pakej 4 – Zon 3	5,194,511	3,133,880
PMC (Yuran)	1,079,500	5,895,128
PMC ICT	0	500,000
	<hr/> 116,385,139	<hr/> 91,866,217
Pelarasan Tahun Lepas	0	(99,400)
	<hr/> 116,385,139	<hr/> 91,766,816

NOTA 4

WANG DI TANGAN DAN BAKI DI BANK

	2004 RM	2003 RM
Wang Runcit	3,250	2,550
Baki di Bank Wang Mengurus	1,680,235	6,475,141
Baki di Bank Wang Pembangunan	(492,727)	4,541,864
	<hr/> 1,190,758	<hr/> 11,019,555

NOTA 5

SIMPANAN TETAP

Bagi mendapatkan pulangan faedah yang maksima ke atas wang tunai yang tersimpan, pelaburan telah dibuat di dalam Simpanan Tetap di sebuah institusi kewangan tempatan seperti berikut:

	2004 RM	2003 RM
Jumlah Pelaburan pada 1 Januari	112,202,198	7,238,602
Tambahan/(Keluaran) Pelaburan Akaun Pembangunan	(15,342,003)	107,000,000
Tambahan/(Keluaran) Pelaburan Akaun Mengurus	0	(2,163,555)
Campur:		
Pulangan faedah/hibah pada tahun semasa:		
- Pelaburan Akaun Pembangunan	2,463,389	0
- Pelaburan Akaun Mengurus	360,421	127,151
Jumlah pelaburan pada 31 Disember	99,684,005	112,202,198

NOTA 6

DEPOSIT DAN BAYARAN TERDAHULU

	2004 RM	2003 RM
Deposit Elektrik	35,668	3,750
Deposit Sewa	980,559	883,327
Deposit Air	67,398	67,398
Deposit Ubahsuai	5,000	5,000
Pelbagai Deposit	38,150	31,000
Bayaran Terdahulu	55,284	56,484
	1,182,059	1,046,959

Laporan kewangan Telah Di Audit

NOTA 7

PENGHUTANG PELAJAR

	2004 RM	2003 RM
Pelajar Sesi 2004/2005	819,573	0
Pelajar Sesi 2003/2004	780,284	213,997
Pelajar Sesi 2002/2003	556,697	51,165
Pelajar Sesi 2001/2002	28,539	28,394
Pelajar Sesi 2000/2001	12,570	12,020
Pelajar Sarjana	31,640	9,700
Pelajar PhD	26,970	10,950
Pelajar Tamhidi	36,580	0
Terimaan Yuran	(3,770)	0
Jumlah Penghutang Pelajar	2,289,083	326,226
Tolak: Peruntukan Hutang Ragu	(4,979)	0
	<u>2,284,104</u>	<u>326,226</u>

NOTA 8

PELBAGAI PENGHUTANG

	2004 RM	2003 RM
Penghutang Pendahuluan Kakitangan	85,919	99,931
Penghutang Pendahuluan Persatuan Pelajar	12,626	10,543
Penghutang Pernbekal	160,414	50,784
Faedah Belum Diterima	73,061	79,581
Pinjaman Belum Diterima	24,552	0
Jumlah Pelbagai Penghutang	356,572	240,839
Tolak: Penghutang Hutang ragu	(992)	0
	<u>355,580</u>	<u>240,839</u>

Laporan kewangan Telah Di Audit

NOTA 9

PEMIUTANG

	2004 RM	2003 RM
Pembekal Luar	806,446	431,416
Lain-lain Pemutang	24,868	25,690
	<u>831,314</u>	<u>457,106</u>

NOTA 10

KUMPULAN WANG MENGURUS

	2004 RM	2003 RM
Baki pada 1 Januari	16,634,338	15,418,203
Lebihan/(Kurangan) Tahun Semasa	(1,991,471)	1,371,066
Pelarasan Pada Tahun Lepas	319,277	(154,931)
	<u>14,962,144</u>	<u>16,634,338</u>

NOTA 11

KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

	2004 RM	2003 RM
Baki pada 1 Januari	202,884,369	119,284,400
Pemberian Kerajaan Wang Pembangunan	5,000,000	83,699,369
	<u>207,884,369</u>	<u>202,884,369</u>
Jumlah Pemberian Wang Terkumpul	207,884,369	202,983,769
Geran Modal Dilunaskan	(385,978)	0
Pelarasan Pada Tahun Lepas	0	(99,400)
	<u>207,498,391</u>	<u>202,884,369</u>

Laporan kewangan Telah Di Audit

NOTA 12

PELBAGAI TABUNG DAN AKAUN AMANAH

	2004 RM	2003 RM
Tabung Biasiswa	102,085	20,855
Akaun Khas-Jaksa	0	42,031
Akaun Khas-Program Mahrajan Kerjaya	0	(1,094)
Akaun Khas-Program Rakan Muda	9,448	0
Akaun Khas-Program Keusahawanan Siswa IPTA	48,791	0
Biasiswa BIMB	84,000	0
Akaun Khas-Jamuan Tahunan FKP	400	0
Tabung KUIM Pro	7,790	0
Tabung Ko-Kurikulum FEM	24,115	0
Tabung Kebajikan Pelajar	34,435	23,345
Tabung Pengetua	167,952	46,385
Tabung Ehsan KUIM	134,010	150,000
Tabung Pinjaman Kenderaan	352,181	150,378
Tabung Pinjaman Komputer	180,947	88,286
Tabung Penerbitan	373,539	210,792
Tabung Penyelidikan Jangka Pendek	956,441	357,270
Akaun Khas-Seminar Kesepaduan dan Pembangunan Ummah	0	10,000
Akaun Khas-Seminar Antarabangsa Makanan & Produk Halal	(60,893)	0
Akaun Khas-Konvensyen IECONS	2,038	0
Akaun Khas-Sistem Maklumat Universiti	(151,229)	0
Akaun Khas-Seminar SUFI	(2,370)	0
Akaun Khas-Seminar Masyarakat Cina dan Perkembangan Islam	(15,071)	0
	2,248,609	1,098,248

NOTA 13

SKIM LATIHAN AKADEMIK BUMIPUTRA (SLAB)

	2004 RM	2003 RM
Baki pada 1 Januari	908,420	643,592
Geran Pemberian Kerajaan	0	305,900
Tolak:		
Perbelanjaan Tahun Semasa	(180,768)	(41,072)
Baki Pada 31 Disember	727,652	908,420

Laporan kewangan Telah Di Audit

NOTA 14

HIBAH

	2004 RM	2003 RM
Hibah Akaun Semasa	125,322	267,980
Hibah Simpanan Tetap	2,795,615	2,225,111
Hibah Pinjaman Komputer	9,717	7,586
Hibah Pinjaman Kenderaan	17,178	13,448
Hibah Insuran	5,082	1,680
	<hr/> 2,952,914	<hr/> 2,515,805

NOTA 15

PELARASAN PADA TAHUN LEPAS

Pelarasan pada tahun lepas berjumlah RM319,277 adalah pelarasan yang terjadi disebabkan oleh jurnal pelarasan ke atas harta tanah, loji dan peralatan dan susutnilai tahun lepas yang telah ditimbulkan dalam penelitian audit yang lepas.

NOTA 16

BILANGAN KAKITANGAN

Sehingga 31 Disember 2004, Kolej Universiti ini mempunyai bilangan kakitangan seramai 369 orang berbanding dengan 311 orang pada tahun 2003.

NOTA 17

KOMITMEN MODAL

	2004 RM	2003 RM
Diluluskan dan dikontrakkan	<hr/> 100,503,271	<hr/> 18,594,758

Komitmen modal diluluskan dan dikontrakkan merupakan projek pembangunan kampus tetap Kolej Universiti Islam Malaysia di Bandar Baru Nilai.

NOTA 18

ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN

Angka-angka bandingan tertentu telah dikelaskan semula supaya menurut pembentangan penyata kewangan tahun semasa.